



**ISU KONTEMPORARI DALAM  
KESENIAN PENDIDIKAN ISLAM**

**Muhammad Talhah Ajmain @ Jima'ain  
Dhiya Ud Deen Deab Mahd Al-Zitawi  
Fareed Awae**

**ISU KONTEMPORARI  
DALAM KESENIAN  
PENDIDIKAN  
ISLAM**

**2022**

**ISU KONTEMPORARI  
DALAM KESENIAN  
PENDIDIKAN  
ISLAM**

MUHAMMAD TALHAH AJMAIN @ JIMA'AIN  
DHIYA UD DEEN DEAB MAHD AL ZITAWI  
FAREED AWAE

**2022**

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian daripada terbitan ini sama ada ilustrasi dan isi kandungannya dalam apa jua bentuk dan cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman dan sebagainya sebelum mendapat izin bertulis daripada pemilik hak cipta terlebih dahulu.

Cetakan Pertama November 2022

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

**ISU KONTEMPORARI DALAM KESENIAN PENDIDIKAN ISLAM /**

Penyunting:

Dr Muhammad Talhah Ajmain @ Jima'ain, Dr Dhiya Ud Deen Deab Mahd Al Zitawi, Dr Fareed Awa.

Mode of access: Internet

eISBN 978-967-19733-8-7

1. Islamic education.
2. Islam and art.
3. Islamic calligraphy in art.
4. Government publications--Malaysia.
5. Electronic books.

I. Muhammad Talhah Ajmain @ Jima'ain, Dr.

II. Dhiya Ud Deen Deab Mahd. Al Zitawi, Dr.

III. Fareed Awa, Dr.

370.88297

**Susunan:**

Arabic: Traditional Arabic, 16

Malay/English: Tahoma, 12

Saiz Buku: 178 muka surat, 10" x 7".

**Diterbitkan oleh:**

Akademi Tamadun Islam

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan

Universiti Teknologi Malaysia

81310 Skudai

Johor Darul Takzim



# PENGHARGAAN

**A**lhamdulillah, segala puji-pujian kepada Allah SWT di atas segala limpahan nikmat-Nya. Selawat serta salam buat junjungan mulia Nabi Muhammad SAW pembawa rahmat sekalian alam. Salam dan sejahtera buat *Ahl Bayt* dan *Ashab* baginda SAW yang senantiasa berada di bawah naungan rahmat Allah SWT.

Berkat *'inayah* Allah SWT, buku ini dapat dipersembahkan kepada khalayak. Penghasilan buku **“Isu Kontemporari dalam Keseniaan Pendidikan Islam”** sesuai dan tepat pada masanya ketika mana minat dan kecenderungan masyarakat Islam terhadap ilmu semakin meningkat.

Mengambil roh semangat sempena program Seminar Seni Khat dan Jawi UTM 2022 yang berlangsung pada 22 Mac 2022 yang lalu, penghargaan ditujukan kepada Yang Dihormati YBhg. Prof. Datuk Ts. Dr. Ahmad Fauzi Bin Ismail, Naib Canselor Universiti Teknologi Malaysia selaku perasmia kepada keseluruhan Program, YBrS Prof. Dr. Ts. Zaidatun binti Tasir, Dekan Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan dan YBrS. Prof. Madya Dr. Nasrul Hisyam bin Nor Muhamad, Pengerusi Akademi Tamadun Islam, tetamu jemputan yang diundang Puan Nor Asikin Binti Mohamad, Ketua Pustakawan UTM, Puan Zanita Binti Anuar, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara, Ustaz Jainal Bin Sakiban, Pengerusi Persatuan Seni Khat Johor merangkap Ketua Juri Pertandingan Khat dan Jawi UTM 2022, wakil-wakil daripada Indonesia, Brunei, Singapura dan Thailand, panel forum bicara seni, pembentang-

pembentang kertas kerja dan sidang pembaca yang dirahmati Allah sekalian.

Mengimbau kembali objektif diadakan seni Khat dan Jawi UTM 2022 bagi memperkenalkan kepada masyarakat bahawa kesenian adalah sebahagian daripada Islam, bahkan dalam Pendidikan Islam tidak dapat dipisahkan dengan kesenian dan perubahan global dalam memperlihatkan bahawa Islam menghargai setiap seniman dan karya namun perlu dipandu dengan garis panduan.

Penciptaan jagat raya mengungkap keserasian dan keindahan seni ciptaan Allah s.w.t. Firman Allah S.W.T dalam surah Qaf 50: 6.

أَفَلَمْ يَنْظُرُوا إِلَى السَّمَاءِ فَوْقَهُمْ كَيْفَ بَنَيْنَاهَا وَرَزَقْنَاهَا وَمَا لَهَا مِنْ فُرُوجٍ

Maksudnya: *“Maka apakah mereka tidak melihat akan langit yang ada di atas mereka, bagaimana Kami meninggikannya dan menghiasinya dan langit itu tidak mempunyai retak-retak sedikit pun?.”*

Isu kesenian dalam Pendidikan Islam perlu diketengahkan kepada masyarakat agar masyarakat melihat bahawa seni termasuk dalam Islam, dan betapa Pendidikan Islam memerlukan kaedah yang berseni dalam menyampaikan mesej kepada setiap insan yang melihat, merenung, mempelajarinya.

Seminar Seni Khat dan Jawi UTM 2022 anjuran Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) telah berjaya melibatkan para cendekiawan dan pelbagai pihak yang berkepakaran daripada dalam dan luar negara serta mencapai

Sebagai hasil sumbangan ilmu yang berpanjangan, buku yang diberi judul **“Isu Kontemporari dalam Kesenian Pendidikan Islam”** memuatkan sebanyak tujuh artikel terpilih yang telah dibentangkan dalam sesi pembentangan selari yang telah disertai oleh hampir 30 orang ahli akademik dari dalam dan luar negara.

Sebagai penutup, diharapkan kajian ini dapat memberi pendedahan kepada umat Islam di Malaysia mengenai segenap lapangan kajian berasaskan kesenian dalam pendidikan Islam. Semoga usaha kerdil ini menjadi sebahagian daripada sumbangan kepada umat Islam dari sudut perkembangan ilmu pengetahuan.

*Akhirul kalam*, kami memohon taufik dan hidayah Allah SWT dan berlindung kepada-Nya daripada segala kekurangan dan kelemahan diri. Apa yang baik, datangnya daripada Allah. Manakala apa yang buruk, datangnya daripada kelemahan diri.

*Wallahu A`lam wa Ahkam.*

Sidang penyunting


17 November 2022 bersamaan 22 Rabiul Akhir 1444 H

## SENARAI KERTAS KERJA

<b>Penghargaan Senarai Kandungan</b>	iii vii
<b>Tahap Pengetahuan Pelajar Tentang Tulisan Seni Khat Di Negara Brunei Darussalam</b> Muhammad Nazir Othman, Masuriyati H. Yahya	1
<b>Analisis Kesalahan Ejaan Jawi Papan Tanda Premis Perniagaan di Daerah Kuantan</b> Nurizan Baharum, Seriyuna Sa'don Zubir, Aida Farkhana Ahmad Puhad, Aswahida Sabarudin dan Norillah Abdullah Hassim	25
<b>Amalan Kaedah Pengajaran Guru Pendidikan Islam Dalam Mata Pelajaran Bacaan Jawi, Sekolah Ugama Di Negara Brunei Darussalam</b> Mohd Shahrol Azmi Abd Muluk	52
<b>Kerelevanan Tulisan Jawi Dalam Penerokaan Ilmu: Analisa Aplikasi Kod Jawi di dalam Bidang Seni Bina – Ukiran Melayu</b> Nurul Syala Abdul Latip, Noor Hayati Ismail, Nur Aisyah Safwa Rashidi, Syahril Mohamad, Mohd Shahfez Sulaiman, Mohamad Hairi Rosman, Ruhul 'Izzati Shaharuddin dan Sindirawati Zahid	85



<p><b>Kaedah Pengajaran Kursus Jawi Secara dalam Talian Di Universiti Selangor: Suatu Tinjauan</b> Mohd Adlin Salleh, Mumtazah Narowi dan Hafizah Kusnek@Khusn</p>	<b>103</b>
<p><b>Karakteristik Seni Khat Kontemporeri Nusantara: Konseptual dan Kontekstual</b> Makmur Harun, Hajar Nurma Wachidah, Dian Cita Sari, Ita Rahmania Kusumawati dan Rina Septiani</p>	<b>122</b>
<p><b>Kompetensi Guru Pendidikan Islam dalam Bidang Jawi</b> Mohd Mazhan Tamyis, Zahari Suppian dan Abu Hashim Saad</p>	<b>160</b>
<p><b>Masjid Medium Pendidikan Membina Masyarakat Berakhlak</b> Muhammad Talhah Ajmain @ Jima'ain, Sharul Fitry Abdul Majid, Muhamad Nasir Mohamad Salleh, Abd. Aziz Rekan</p>	<b>188</b>



# BAB 1

## **Tahap Pengetahuan Pelajar Tentang Tulisan Seni Khat Di Negara Brunei Darussalam**

<sup>1</sup>*Muhammad Nazir Othman dan* <sup>2</sup>*Masuriyati H. Yahya*

<sup>1</sup>Fakulti Usuluddin,  
Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA).  
Email: 19MR205@unissa.edu.bn

<sup>2</sup>Doktor Falsafah (Ph. D),  
Penolong Profesor Fakulti Usuluddin, Universiti Islam Sultan Sharif  
Ali (UNISSA).  
Email: masuriyati.hyahya@unissa.edu.bn

### **Abstrak**

Pelajar merupakan golongan barisan hadapan yang akan menentukan masa depan negara dan bangsa. Manakala tulisan seni khat sebagai khazanah Islam yang sangat berharga perlu dijaga dan dipelihara. Dalam konteks Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah Negara Zikir, penggunaan seni khat perlu dikembangkan melalui pelbagai sudut sebagai salah satu seni yang dihormati. Justeru kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk menilai tahap pengetahuan pelajar dalam tulisan seni khat yang berhubungkait dengan pernyataan fakta seni khat serta mengenalpasti jenis-jenis tulisan seni khat. Seramai 241 orang responden terdiri daripada pelajar Universiti Islam Sultan Sharif Ali terlibat dalam kajian ini. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dan soal selidik digunakan sebagai instrumen kajian. Data kajian ini dianalisis menggunakan perisian SPSS berbentuk statistik deskriptif untuk mendapatkan

peratusan dan min. Hasil kajian menunjukkan responden mempunyai kefahaman yang sederhana terhadap penilaian yang dibuat. Skor min bagi aspek yang dinilai berada pada aras yang sederhana iaitu pernyataan pengetahuan fakta seni khat min 2.62, manakala pengetahuan tentang jenis-jenis tulisan khat, responden secara umumnya mempunyai penilaian dan peratusan yang sederhana tentang tahap pengetahuan pelajar tentang tulisan seni khat.

**Kata kunci:** Pengetahuan, Kefahaman, Pelajar, Seni Khat, Negara Zikir

- 1.1 Pendahuluan 3
- 1.2 Pengertian Khat 4
- 1.3 Variasi Seni Khat 5
  - 1.3.1 Khat Kufi 5
  - 1.3.2 Khat Thuluth 6
  - 1.3.3 Khat Nasakh 7
  - 1.3.4 Khat Farisi 8
  - 1.3.5 Khat Riq'ah 9
  - 1.3.6 Khat Diwani 10
- 1.4 Melahirkan Penulis Khat Generasi Baru 11
  - 1.4.1 Pusat Da'wah Islamiah 12
  - 1.4.2 Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan Belia Dan Sukan 13
  - 1.4.3 Pusat Sejarah Brunei 15
  - 1.4.4 Pusat Pengajian Kaligrafi Islam, Yayasan Sultan Haji Hassanah Bolkuah 16
- 1.5 Perlaksanaan Seni Khat Di Universiti Islam Sultan Sharif Ali 17
  - 1.5.1 Kursus Ko-Kurikulum (Bengkel Khat) 17
  - 1.5.2 Peraduan Seni Khat 17

1.5.3	Penulisan Mushaf Universiti Islam Sultan Sharif Ali	18
1.6	Metodologi Kajian	19
1.7	Analisis Dan Dapatan Kajian	19
1.4	Kesimpulan	22

## **1.1 PENDAHULUAN**

Dalam konteks sebagai sebuah negara zikir, kedudukan seni khat di Negara Brunei Darussalam kukuh dan berada di kedudukan yang tinggi. Ini dapat dilihat seni khat berperanan dalam melahirkan masyarakat yang cintakan kepada Al-Qur'an. Ayat-ayat suci al-Qur'an ditulis dan dipaparkan dengan persembahan yang menarik dan dijadikan sebagai salah satu seni yang dihormati. Penggunaan seni khat turut dikembangkan melalui sudut budaya dan pendidikan. Inisiatif penggunaan tulisan seni khat di papan-papan tanda, gerbang-gerbang, nama jalan dan lain-lain telah dilaksanakan. Disamping itu, melalui sudut pendidikan, terdapat beberapa sekolah ataupun institusi-institusi kerajaan dan swasta yang turut menawarkan pembelajaran seni khat. Ini adalah bagi memastikan pencapaian dalam bidang seni khat dapat dipertingkatkan dari masa ke semasa.

Sejajar dengan zaman serba maju dan canggih ini seni khat semakin dilupakan bahkan mempelajari seni khat semakin kurang diminati seperti yang dinyatakan oleh Makmur Haji Harun (2015) kebanyakan pemuda dan generasi sekarang sudah tidak lagi meminati seni kaligrafi.

Selain itu, antara isu yang dihadapi ialah kebanyakan tulisan-tulisan seni khat yang terdapat di Negara Brunei Darussalam boleh didapati melalui dari pelbagai sumber, samada dari gambar-gambar, buku, mahupun dari sumber dari media-media sosial. Dalam hal ini demi menjaga kesejahteraan orang awam, kepakaran dan

pengetahuan dalam penulisan khat amat penting bagi mengimbangi situasi sebegini. Justeru kajian ini dilaksanakan untuk mengkaji dan mengetahui sejauhmana pengetahuan pelajar Universiti Islam Sultan Sharif Ali tentang seni khat.

Adapun objektif kajian ini dilaksanakan adalah untuk mengenal pasti pengetahuan para pelajar Universiti Islam Sultan Sharif Ali tentang seni khat.

## **1.2 PENGERTIAN KHAT**

Selain daripada penggunaan perkataan tulisan seni khat sebahagian pengkaji juga menyebutkan tulisan seni khat juga dipanggil sebagai kaligrafi arab atau seni khat yang membawa maksud dan pengertian yang sama. Khat mengikut pengertian bahasa arab bermaksud tulisan, lakaran dan baris. Berdasarkan kamus al-Shafiyah, khat bermaksud gambar perkataan dengan melukiskan huruf-huruf yang mengambil kira mula dan akhirnya.

Menurut Amdun (1980) perkataan khat sering kali dikaitkan dengan penggunaan membentuk huruf-huruf Arab. Khat bermaksud tulisan tangan yang cantik dan merupakan sinonim bagi kata tulisan Jawi. Khat secara umumnya mempunyai pelbagai pengertian. Menurut Jainal Sakiban (2005) terdapat pendapat lain juga yang mengatakan bahawa khat ialah ilmu yang dapat mengetahui kedudukan huruf dan cara penyusunan dalam tulisan yang ditulis. Ini turut dijelaskan oleh Sirojuddin (1992) bahawa khat diambil dari bahasa Arab yang bererti garisan atau secara verbal yang disebut sebagai tulisan indah. Abd. Rahman Hamzah (2008) pula menyatakan bahawa khat adalah rangkaian huruf-huruf hijaiyah yang memuat ayat-ayat Al-Qur'an atau Al-Hadis ataupun kalimat hikmah di mana rangkaian huruf-huruf itu dibuat dengan proporsi yang sesuai, baik jarak maupun ketepatan sajian huruf.

Pengertian lain seni khat ialah “seni menulis indah dengan pena.” Ia juga disebut Fann al-khat membawa maksud sebagai seni memperhalus tulisan atau memperbaiki coretan. Pengertian tersebut, dapat difahami bahawa seni kaligrafi merupakan tulisan yang ditulis indah dengan menggunakan huruf-huruf Arab sebagai tulisan asas, selain diikuti dengan corak hiasan dan motif-motif yang menarik sehingga memunculkan seni tulisan cantik dan indah agar dapat dinikmati bersama sebagai karya seni.

Hasil daripada pengertian mengenai seni khat yang telah dikemukakan, pengkaji menyimpulkan bahawa tulisan seni khat adalah merupakan satu tulisan yang direka bagi membentuk sistem penulisan dengan gaya yang indah dan menarik yang dapat digunakan oleh seluruh lapisan masyarakat.

### **1.3 VARIASI SENI KHAT**

Penyebaran Islam ke merata tempat telah mempengaruhi pelbagai masyarakat untuk mendekati dan mendalami budaya Islam. Seni khat mula diterima dan dipelajari oleh pelbagai bangsa di 3 dunia. Seni khat diubah suai mengikut cita rasa masyarakat setempat sehingga lahir pelbagai gaya seni khat. Sepanjang tempoh perkembangan tamadun Islam dari timur ke barat, jenis khat yang paling terkenal sehingga kini dihadkan kepada enam bentuk atau disebut sebagai al-Aqlam al-Sittah, iaitu:

#### **1.3.1 Khat Kufi**

Tulisan ini merupakan khat yang terawal diantara jenis tulisan khat yang lain. Seni tulisan khat ini memiliki sudut dan siku-siku serta bersegi, mengandungi garis-garis vertikal pendek dan garis horizontal yang memanjang. Menurut sumber, khat ini mempunyai sebanyak 70 jenis dan nama

bagi khat ini juga digunakan bersempena dengan nama bandar Kufah.




**Rajah 1.1** Kufi Kuno cenderung memanjangkan huruf mendatar yang panjang (sumber: Suleyman Berk, 2003)

### 1.3.2 Khat Thuluth

Khat Thuluth ialah jenis tulisan yang banyak digunakan untuk tujuan hiasan manuskrip, khususnya dalam pembuatan tajuk-tajuk buku atau sub bab dan nama-nama kitab. Jenis ini juga digunakan sebagai tulisan hiasan pada dinding-dinding bangunan dan hiasan dalaman. Tulisan ini terkenal kerana keunikan dan kecantikannya. Ia telah diperkenalkan oleh al-Wazir bin Maqlah. Sebahagian ahli-ahli khat tidak menganggap seseorang itu sebagai khattat (Penulis Kaligrafi) sekiranya tidak mahir di dalam penulisan khat Thuluth. Khat Thuluth lebih dikhususkan untuk tulisan-tulisan atau rekabentuk-rekabentuk yang berbentuk hiasan sahaja sebagai perhiasan khusus, penyeri tempat-tempat yang mendapat perhatian umum seperti di dinding-dinding masjid ataupun dewan-dewan yang penting yang menjadi tempat tumpuan ramai.



Khat Thuluth juga, diberikan keistimewaan sebagai tulisan di bahagian dinding depan Masjid Nabawi di Madinah serta ditulis pada kain Ka`bah (Kiswah Ka`bah).




**Rajah 1.2** Ayat al-Kursi ditulis menggunakan khat Thuluth (sumber: Fauzi Salim, 1998)

### 1.3.3 Khat Nasakh

Tulisan berbentuk cursif iaitu tulisan bergerak berputar (rounded) dan sifatnya mudah serta jelas untuk ditulis dan dibaca. Menurut Didin Sirojuddin A.R. (1987), kata nasakh diambil daripada akar kata nuskah atau naskah. Bentuk khat Nasakh seakan seperti bentuk tulisan seni khat Thuluth dan lazimnya khat Nasakh digunakan untuk penulisan mushaf al-Qur'an, majalah-majalah dan juga surat khabar.

Mengikut ahli sejarah, khat Nasakh telah bermula digunakan pada kurun ke-4 hijrah dan mereka berpendapat bahawa kemudian seni khat Nasakh telah diubah suai oleh Ibn al-Bawab. Khat tersebut telah bertukar bentuk sedikit apabila telah mula digunakan secara meluas di beberapa buah negara Arab antaranya al-Maghrib al-`Arabi (negara ini termasuk Libya, Moroko, Tunisia, Algeria, Andalusis). Di antara bentuk-bentuk baru khat nasakh dinamakan al-Khat al-Tunisi, al-Khat al-Maghribi, al-Khat al-Fasi, al-Khat al-


Qayrawani, al-Khat al-Andalusi, al-Khat al-Tumbakti dan al-Khat al-Sudani.



**Rajah 1.3** Sūrah al-Fatihah ditulis menggunakan Khat Nasakh (Sumber: Tajalla Nur, 2003)

### 1.3.4 Khat Farisi

Khat ini telah diperkenalkan sejak kurun ke-9 H dan diilhamkan oleh seorang ulama Islam yang tersohor pada abad tersebut yang bernama Mir Ali al-Tibrizi yang meninggal pada tahun 919H. Khat tersebut terkenal di beberapa buah negeri seperti India, Pakistan, Afghanistan dan Iran. Khat Farisi ini bukan sahaja terkenal di kalangan orang-orang Islam, namun ia juga terkenal di kalangan orang-orang bukan Islam. Sebagai contoh, kebanyakan masyarakat Hindustan Islam dan bukan Islam di India menggunakan khat tersebut di dalam penulisan mereka.



**Rajah 1.4** Khat Nasta'liq (Sumber: Tajalla Nur, 2003)

### 1.3.5 Khat Riq'ah

Khat ini disebut juga sebagai khat Riq'ie atau Riq'a`. Khat ini merupakan jenis tulisan cepat dan hampir sama dengan cara menulis stenograf. Di dalam kajian Mohd. Bakhir Hj. Abdullah (2007), Khat Riq'ah diantara jenis tulisan seni khat yang termasyhur di kalangan khat Arab dengan kesenian dan kecantikannya yang memudahkan bagi orang yang ingin mempelajarinya.

Khat Riq'ah mula digunakan sekitar tahun 1280H dan orang yang pertama mengilhamkan penggunaan khat Riq'ah ialah Mumtaz Bik yang berasal dari negara Turki. Ramai ahli-ahli sejarah mengatakan bahawa Mumtaz Bik adalah merupakan seorang penulis khat berbangsa Turki yang tersohor di kurun ke-12H. Justeru buku-buku dan majalah-majalah kebanyakannya ditulis dengan rasminya menggunakan khat Riq'ah.

هَذِهِ لِمَنْ أَنْ يَمُوتَ فِي سَبِيلِ فِكْرَةٍ مِنْ أَنْ يَمِيسَ طَوْلَ الرَّهْجِ بِنَا عَنِ نَصْرَةِ وَطَنِهِ

**Rajah 1.5** Tulisan gaya Riq'ah (Sumber: Ahmad Sabri Zaidi, 1990)

### 1.3.6 Khat Diwani

Khat Diwani berbentuk melingkar-lingkar, condong bersusun-susun, hurufnya tumpang tindih, melentur dan bebas. Khat Diwani merupakan suatu corak tulisan Uthmani yang sejajar perkembangannya dengan tulisan Syikasteh Farisi.

Mengikut Zaki Muhammad Hassan (1940), khat ini telah diilhamkan oleh seorang ahli seni khat Turki iaitu Ibrahim Munif al-Muslim. Khat Diwani juga adalah merupakan khat Arab yang tersohor dan terkenal di kalangan ahli-ahli seni khat. Kemasyhuran khat tersebut berpunca daripada kecantikan ukiran dan bentuknya, disamping menjadi sebagai khat rasmi diraja yang mana ketika itu khat ini hanya digunakan di dalam surat-surat penting khususnya yang berkaitan dengan utusan diraja di zaman pemerintahan kerajaan Islam `Uthmaniyyah.



**Rajah 1.6** Titah Sultan Selim II (Uthmaniah) yang ditulis menggunakan khat Diwani (Sumber: Suleyman Berk, 2003)

#### **1.4 MELAHIRKAN PENULIS KHAT GENERASI BARU**

Selain sering membuat latihan yang mantap dalam penulisan khat, pertandingan juga merupakan sebagai satu platform yang dapat memberikan kesan yang baik bagi seseorang untuk memahirkan dalam bidang penulisan seni khat dengan cepat. Hal ini turut dicadangkan oleh Makmur Haji Harun (2012) perlu adanya kursus, kegiatan, atau pertandingan seni khat yang mesti diselaraskan. Ini adalah bagi memastikan pencapaian dalam bidang khat dapat dipertingkatkan dari masa ke semasa. Justeru beberapa agensi kerajaan dan swasta turut sama mengungkuhkan dalam mewujudkan

kegiatan-kegiatan dan aktiviti-aktiviti yang berkait rapat dengan tulisan seni khat di Negara Brunei Darussalam.

Menurut Siti Badriah (2015), dalam usaha melestarikan penggunaan tulisan jawi dan tulisan khat di Brunei Darussalam terus berkembang dan membangun, beberapa inisiatif berupa seminar, persidangan dan bengkel telah dilaksanakan di seluruh negara. Hal ini dapat dilihat melalui pertandingan-pertandingan seni khat giat dilaksanakan dan dianjurkan samada di peringkat kebangsaan mahupun peringkat Asean di Brunei Darussalam, antaranya:

#### **1.4.1 Pusat Da'wah Islamiah**

Peraduan menulis seni khat jawi peringkat kebangsaan mula dianjurkan oleh Pusat Da'wah Islamiah pada tahun 2000. Peraduan ini diadakan seiring dengan peraduan menulis seni khat jawi peringkat ASEAN iaitu dua tahun sekali.

Sepanjang tempoh penganjuran menulis seni khat jawi peringkat ASEAN, Pusat Da'wah Islamiah telah berjaya menarik minat penulis-penulis khat dari Negara Brunei Darussalam dan negara-negara Asean yang lain. Penyertaan menggalakkan pada setiap kali peraduan diadakan.

Pada tahun 2008, Peraduan Menulis Seni Khat Jawi bagi peringkat ASEAN ditiadakan buat sementara dan hanya dibukakan kepada peringkat kebangsaan sahaja serta mengubah format atau konsep peraduan khas ASEAN iaitu lebih berbentuk kebangsaan iaitu penyertaan hanyalah dibukakan kepada rakyat dan penduduk di negara ini sahaja. Perkara ini dibuat adalah bagi memberikan peluang kepada penggiat seni khat jawi tempatan untuk mereka meningkatkan kemahiran penulisan mereka kepada yang lebih bermutu agar setanding dengan penulis-penulis khat di kalangan negara-negara Asean di samping mengaplikasikan khat sebagai produk perniagaan.

Dalam pada itu, sebuah usaha yang berterusan untuk menggalakkan dan mengembangkan penulisan seni khat jawi ini, Pusat Da'wah Islamiah juga telah merancang dan melaksanakan beberapa aktiviti yang berkaitan dengan tulisan seni khat jawi, antaranya ialah bengkel penulisan seni khat jawi peringkat lanjutan bermula pada tahun 1997 dan bengkel penulisan seni khat jawi peringkat asas bermula pada tahun 1999. Bengkel ini telah dibukakan kepada pegawai-pegawai kerajaan, swasta dan orang perseorangan yang berminat dalam seni khat jawi. Sambutan yang diberikan menggalakkan di mana peserta bengkel bukan hanya terdiri daripada orang Islam, bahkan juga di kalangan muafak dan non muslim.

Pembimbing dan fasilitator bengkel terdiri daripada tenaga pengajar tempatan seperti jurutulis-jurutulis jawi dan mereka yang telah dikenali berkemahiran dalam bidang penulisan khat jawi dan pernah memenangi peraduan peraduan seni khat jawi di peringkat kebangsaan. Mereka dilibatkan bagi memberikan latihan bengkel di peringkat asas. Sementara itu, bengkel di peringkat lanjutan pula dibimbing oleh pakar pakar dari luar negeri bagi memberi latihan kemahiran dalam bidang seni khat di samping memanfaatkan kemahiran dan kepakaran mereka untuk menghakimkan peraduan menulis seni khat yang dianjurkan.

#### **1.4.2 Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan Belia Dan Sukan**

Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei ialah sebuah Jabatan Kerajaan di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam. Melalui Unit Jawi di bawah Bahagian Pembinaan dan Pengembangan Bahasa bertanggungjawab sepenuhnya dalam memberikan khidmat tulisan Jawi sejajar dengan kehendak kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia seperti maksud Surat Keliling JPM

Bil.:21/1988 bertarikh 19 Julai 1988. Selain itu, unit ini juga memberi tunjuk ajar mengenai jenis-jenis khat Jawi dan berperanan dalam memberikan perkhidmatan kepada orang ramai dari aspek mengurus permohonan terjemahan dari bahasa Melayu ke dalam tulisan Jawi bagi papan-papan tanda, nama bangunan, kenderaan bagi perniagaan, kain rentang, iklan, dan sebagainya.

Dalam meningkatkan usaha-usaha yang berterusan agar tulisan jawi dapat terus dipelihara dan dikembangkan secara meluas di Negara Brunei Darussalam, DBP telah mengadakan beberapa program-program seperti peraduan, bengkel-bengkel dan projek-projek yang berkaitan dengan tulisan seni khat, antaranya:

- Projek Penyalinan Mushaf Belia pada tahun 2011 yang mana telah melibatkan seramai 58 penulis khat belia dalam menjayakan projek tersebut.
- Sayembara Seni Khat Jawi pada bulan November 2011 yang juga merupakan satu kegiatan sempena Awal Tahun Hijrah 1433.
- Peraduan Menulis Seni Khat Jawi Kebangsaan Sempena Bulan Bahasa 2014.
- Bengkel Seni Khat Jawi Sempena Bulan Bahasa 2014.
- Peraduan Seni Khat Jawi Kebangsaan Sempena Bulan Bahasa 2018/2019.
- Bengkel Seni Khat Jawi Sempena Bulan Bahasa 2018/2019.

Program-program ini khusus diadakan untuk memberi peluang kepada para penggiat dan peminat seni khat memperlihatkan kemahiran dan kreativiti masing-masing. Selain itu, pameran ini juga bertujuan untuk memperkenalkan kepada masyarakat umum tentang falsafah serta pengenalan terhadap kepelbagaian genre yang terdapat di dalam seni khat. Menerusi pendedahan masyarakat dalam seni khat akan dapat membina membuka minda dan



gambaran yang jelas untuk mencetuskan minat dan kreativiti dan dapat mengangkat martabat seni khat kebangsaan agar lebih berkembang luas selaras dengan konsep Melayu Islam Beraja.

### **1.4.3 Pusat Sejarah Brunei**

Pusat sejarah merupakan sebuah jabatan kerajaan yang telah ditubuhkan pada 26 Januari 1982 atas titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Sebagai sebuah jabatan kerajaan yang menitikberatkan kepentingan seni kaligrafi Islam atau seni khat tulisan jawi sebagai salah satu warisan yang agung kerana peranannya yang begitu penting dalam ketamadunan Islam dan kebudayaan masyarakat Melayu, malah juga mempunyai potensi yang sangat besar dan luas dalam mengangkat dan menyumbang terhadap perkembangan pembangunan industri kreatif di negara ini, Pusat Sejarah Brunei telah menganjurkan beberapa pameran-pameran dan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan seni kaligrafi Islam, seminar-seminar berkenaan manuskrip-manuskrip lama dalam bidang pengkajian terhadap tulisan-tulisannya dan memberigakan Bengkel Seni Khat dan juga Sistem Ejaan Jawi dengan memberi tumpuan peserta didedahkan dengan asas dan teknik yang betul yang sering diguna pakai dalam seni khat tulisan jawi serta kaedah dan sistem penulisan dan pengejaan jawi secara sistematik seperti kaedah asas penggunaan suku kata dan selain mempromosikan sejarah melalui seni kaligrafi Islam kepada masyarakat khususnya generasi belia.

Malah melalui bengkel tersebut, ia juga dapat menyediakan ruang atau platform kepada generasi muda dan belia untuk mempelajari seni khat dan tulisan jawi serta memberikan galakan kepada generasi muda dan belia untuk bergiat aktif dalam seni kaligrafi Islam atau seni khat jawi

yang bersifat sejarah. Peserta terdiri daripada pegawai dan kakitangan kerajaan, mahasiswa/i, penuntut pengajian tinggi dan orang persendirian yang mempunyai minat dan latar belakang seni khat tulisan jawi menyertai bengkel berkenaan.

#### **1.4.4 Pusat Pengajian Kaligrafi Islam, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah**

Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah merupakan sebuah institusi pengajian yang menawarkan program pengajian dan memberikan perkhidmatan dalam mengembangkan pelbagai pengetahuan, kecekapan dan kemahiran seni Islam ke arah memartabatkan tulisan jawi khususnya seni kaligrafi Islam. Penubuhan Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah adalah salah satu inisiatif yang dilaksanakan pada dekad ketiga bagi memartabatkan tulisan jawi dalam menyahut titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di samping bagi melahirkan rakyat yang berkemahiran sejajar dengan Wawasan Brunei 2035.

Galeri Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah dihasratkan sebagai Pusat Tumpuan Kesenian Islam dan Kaligrafi bagi mengasuh bakat dan kemahiran di samping memupuk minat di kalangan anak tempatan khusus dalam seni khat jawi agar mereka dapat menandingi karya-karya serantau dan antarabangsa. Galeri ini mempamerkan karya-karya kaligrafi dan kraf kesenian Islam yang dihasilkan oleh anak-anak tempatan yang sebahagiannya adalah untuk dijual.

Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah juga menyediakan pelbagai program dan aktiviti sepanjang tahun untuk disertai oleh orang ramai termasuk para pelajar seperti bengkel seni

khat dan rekabentuk Islam, seminar dan pertandingan seni khat.

## **1.5 PERLAKSANAAN SENI KHAT DI UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI**

Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) merupakan sebuah universiti Islam pertama di negara ini yang ditubuhkan pada Januari 2007. Penubuhan Institusi Pengajian Tinggi dalam bidang pengajian Islam merupakan strategi pengukuhan pendidikan agama Islam kerana pengajian Islam tidak terhenti di peringkat rendah, menengah dan pra universiti saja, bahkan perlu diteruskan hingga ke peringkat universiti.

### **1.5.1 Kursus Ko-kurikulum (Bengkel Khat)**

Kursus ko-kurikulum (bengkel khat) berkecuali merupakan sebahagian kursus pilihan daripada komponen wajib bagi pengajian sarjana muda. Sepanjang pengendaliannya, beberapa pembaharuan dan penambahbaikan telah dipraktikkan sebagai usaha untuk memantapkan lagi perlaksanaannya supaya ia dapat benar-benar memainkan peranan memupuk, mengasah dan mempertajamkan bakat para pelajar sejajar dengan profesionalisme graduan Islam.

### **1.5.2 Peraduan Seni Khat**

Sebagai usaha untuk memertabatkan dan mengetengahkan pembudayaan tulisan seni khat dikalangan pelajar-pelajar, peraduan menulis khat jawi yang dibukakan kepada pelajar-pelajar institusi kerajaan turut kerap kali diadakan sempena Mahrajan Hafal Al-Takharruj Universiti Islam Sultan Sharif Ali sebagai pendedahan mengenai keunikan dan

kepentingan tulisan seni khat disamping menyerlahkan potensi dan bakat menulis khat.

### **1.5.3 Penulisan Mushaf Universiti Islam Sultan Sharif Ali**

Tulisan Mushaf yang digunakan adalah tulisan khat Nasakh. Namun ada beberapa kaedah tersebut diubah suai mengikut kesesuaian ciri-ciri bacaan yang dipersetujui dalam menitikberatkan kemaslahatan bacaan orang awam (bukan arab). Mushaf Universiti Islam Sultan Sharif Ali adalah mushaf pertama di Negara Brunei Darussalam yang ditulis sepenuhnya oleh anak tempatan.

Keistimewaan Mushaf Universiti Islam Sultan Sharif Ali ini antaranya adalah mengembalikan sistem penulisan mushaf yang asal iaitu ejaan perkataan menggunakan warna hitam. Manakala tanda-tanda baca adalah menggunakan warna yang berbeza. Tujuan daripada pelaksanaan ini adalah untuk mengekalkan warna hitam bagi rasm Uthmani sebagaimana yang ditulis oleh para sahabat dan membezakan antara Rasm Uthmani dengan tanda-tanda baca yang ditambah oleh ulama selepas mereka.

Penulisan Mushaf Universiti Islam Sultan Sharif Ali berkonsepkan mesra pembaca. Oleh itu, mushaf ini telah memberi lebih penekanan terhadap ejaan perkataan yang jelas, mudah dibaca oleh semua lapisan masyarakat. Bagi mencapai tujuan tersebut, mushaf ini melaksanakan beberapa kaedah:

Mengutamakan penulisan huruf yang jelas iaitu menggunakan kaedah pemisah huruf supaya huruf tidak berlapis bagi mengelak kekeliruan. Tanda baca diletakkan bertepatan di dalam ruang huruf (sekedudukan). Menjaga kesucian al-Qur'an al-Karim termasuk penulisannya merupakan tanggungjawab yang sangat besar dan tidak boleh dipandang ringan. Sebagai sebuah Universiti Islam yang menjadikan al-Qur'an al-Karim sebagai teras

pengajiannya, maka semua aspek dalam penulisan mushaf ini diberikan perhatian sewajarnya.

## 1.6 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kuantitatif menggunakan instrumen soal selidik. Responden adalah seramai 241 orang pelajar UNISSA dari jumlah 1716 orang pelajar pada tahun 2021.

Data-data daripada borang soal selidik dianalisis dengan menggunakan statistik diskriptif seperti peratus dan frekuensi. Dalam kajian ini, statistik deskriptif digunakan untuk membuat huraian berkaitan dengan persepsi responden terhadap item-item atau pembolehubah-pembolehubah kajian. Pengkaji menggunakan interpretasi skor min seperti dalam jadual berikut:

Skor Min	Interpretasi Skor Min
1.00 hingga 2.33	Rendah
2.34 hingga 3.66	Sederhana
3.67 hingga 5.00	Tinggi

Sumber : Ab. Halim (2005)

## 1.7 ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

Analisis yang dilakukan adalah berkaitan dengan dapatan kajian yang diperolehi dan kaji selidik yang diedarkan mempunyai 16 soalan utama dan terbahagi kepada dua bahagian;

- 1. Bahagian pertama mengandungi 9 item yang digunakan bagi mengukur pengetahuan pelajar Universiti Islam Sultan Sharif Ali tentang pernyataan fakta seni khat (Jadual 1)**

**Jadual 1.1** Pengetahuan Pelajar Universiti Islam Sultan Sharif Ali tentang pernyataan fakta seni khat

No Item	PERNYATAAN	MIN
2.	Khat Nasakh merupakan tulisan yang mudah dibaca	4.05
4.	Khat Diwani Jaly merupakan cabang dari Khat Diwani	2.89
3.	Tulisan khat Thuluth boleh dihasilkan dalam pelbagai bentuk dan berlapis-lapis	2.63
1.	Jenis tulisan pada Mushaf Al-Quran di zaman pemerintahan Sayyidina Utsman adalah tulisan Khat Kufi	2.59
9.	<i>Khat Farisi</i> merupakan sejenis tulisan yang berasal dari negeri Parsi	2.44
6.	Khat Riq'ah selalu digunakan Ketika menulis nota berbanding jenis tulisan khat yang lain.	2.33
7.	Khat Diwani pernah dijadikan sebagai tulisan rahsia dalam penulisan sebagai alat perhubungan bagi pihak kerajaan Uthmaniyah kepada pihak gabenor.	2.25
5.	Khat Riq'ah merupakan sejenis tulisan yang dicipta oleh orang-orang Turki.	2.19
8.	<i>Tugrah</i> merupakan sejenis kaligrafi kompleks yang berbentuk seperti satu logo, digunakan sebagai cop mohor atau tandatangan sultan kerajaan uthmaniyyah.	2.17
<b>MIN KESELURUHAN</b>		<b>2.62</b>

Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa pengetahuan pelajar tentang tulisan seni khat adalah di tahap yang sederhana. Ini dibuktikan dengan dapatan nilai min secara keseluruhan berada pada tahap yang sederhana (2.62). Berdasarkan hasil dapatan dalam kajian ini, jelas pelajar belum mengetahui secara lebih meluas mengenai pengetahuan tentang pernyataan fakta seni khat.

Pelajar yang terlibat dalam kajian ini, walaupun menyatakan mengetahui apa yang dimaksudkan dengan tulisan seni khat akan tetapi belum mengetahuinya secara

terperinci khususnya kepada pengetahuan tentang jenis-jenis tulisan Aqlam Assittah. Ini menunjukkan bahawa pengetahuan tentang seni khat perlu terapkan dan diketengahkan kepada setiap orang khususnya kepada pelajar bagi mengenal pasti akan tujuan-tujuan setiap jenis tulisan khat direka oleh penulis-penulis khat yang terdahulu.

## **2. Bahagian kedua mengandungi 7 item soalan bagi mengukur tahap pengetahuan pelajar Universiti Islam Sultan Sharif Ali tentang jenis-jenis tulisan khat (Jadual 2)**

**Jadual 1.2** Pengetahuan pelajar Universiti Islam Sultan Sharif Ali tentang jenis-jenis tulisan khat

<b>No.</b>	<b>Jenis Tulisan Khat</b>	<b>Peratus Jawapan Betul</b>
1	Khat Diwani/ Jaly	32%
2	Khat Farisi	9.5%
3	Khat Riq'ah	15.8%
4	Khat Thuluth	22.4%
5	Khat Nasakh	72.6%
6	Khat Kufi	49.8%
7	Khat Diwani	15.8%

Hasil dapatan kajian menunjukkan secara keseluruhannya majoriti pelajar mempunyai pengetahuan yang tinggi mengenali jenis tulisan khat Nasakh, khat Kufi dan khat thuluth berbanding dengan jenis tulisan seni khat yang lain. Ini menunjukkan bahawa dapatan tersebut sangat menyokong dengan dapatan yang diperolehi dari Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei bahawa kebanyakan papan-papan tanda yang terdapat di Negara Brunei Darussalam adalah kebanyakannya menggunakan jenis tulisan Khat Nasakh, Khat Thuluth dan Khat Kufi. Disamping itu, jika diperhatikan kebanyakan juga jenis tulisan seni khat yang

terdapat pada mushaf-mushaf di Brunei Darussalam hampir kesemuanya ditulis dengan tulisan khat Nasakh. Dalam hal ini, pendedahan jenis-jenis tulisan yang lain perlu juga diterapkan kepada masyarakat agar lebih dilestarikan penggunaannya.

#### **1.4 KESIMPULAN**

Sebagai kesimpulan, hasil dari kajian menunjukkan bahawa pengetahuan pelajar Universiti Islam Sultan Sharif Ali tentang seni khat masih dalam tahap yang sederhana kerana dapatan kajian mendapati bahawa banyak perkara-perkara yang penting yang berhubung dengan fakta seni khat masih belum diketahui sepenuhnya oleh para pelajar. Namun jika dilihat secara keseluruhan dari dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat juga kebanyakan pelajar mengetahui dan mengenali jenis tulisan khat Nasakh, khat Thuluth dan khat Kufi berbanding dengan jenis tulisan khat yang lain. Ini menunjukkan bahawa tulisan khat tersebut sudah sangat sinonim dalam kalangan pelajar sama ada pelajar yang berlatarbelakangkan aliran arab mahupun bukan arab.

Walaupun bagaimanapun perkara ini juga tidak menghairankan kerana pembelajaran tentang tulisan seni khat kalau ditinjau di Negara Brunei Darussalam sama ada yang khusus atau secara umum belum diselaraskan di peringkat sekolah secara menyeluruh. Ini menunjukkan bahawa pengetahuan tentang fakta seni khat dan jenis-jenis seni khat hanya diketahui dengan baik oleh sebahagian orang sahaja.

Kepentingan tentang pengetahuan jenis-jenis tulisan seni khat yang lain perlu juga diketahui oleh semua lapisan masyarakat terutama kepada para pelajar Universiti Islam Sultan Sharif Ali yang akan menjadi pemimpin dan peneraju negara di masa akan datang, agar tidak akan timbul masalah kekeliruan, penyelewengan dan percanggahan dalam



penuliran tulisan seni khat dari pelbagai media yang tanpa sempadan dewasa ini.

## RUJUKAN

- Abd Rahman Hamzah (2008), *Khat & Jawi Mutiara Kesenian Islam Sejagat*, Malaysia: Universiti Teknologi Malaysia.
- Amdun Husain, (1980), *Kamus Bahasa Malaysia edisi pelajar cetakan kedua*. Kuala Lumpur: Percetakan Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- C. Israr, (1985), *Dari teks klasik sampai ke kaligrafi Arab*. Jakarta: Yayasan Masagung.
- Didin Sirojuddin AR, (1987), *Seni kaligrafi Islam*. Jakarta: Rosda.
- Ilmu trengkas, (1989), *Kamus Dewan*. (t.tmp).
- Jainal Sakiban, (2005), *Seni khat: Keindahan dalam kepelbagaian sejarah, tokoh dan karya*. Kajang Selangor: Synergymate
- Mahmud Tahir al-Kurdi, (1982), *al-Khat al-`Arabi*, (t.tmp).
- Makmur Haji Harun, (2012), *Kaedah Pengajaran Seni Khat dan Jawi Di Universiti*, Malaysia: Universiti Pendidikan Sultan Idris Tanjong Malim.
- Makmur Haji Harun, (2015), *Eksistensi Seni Kaligrafi Islam Dalam Dakwah: Tantangan, Peluang Dan Harapan*, Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Makmur Haji Harun, (2015), *Eksistensi Seni Kaligrafi Islam Dalam Dakwah*, Malaysia: Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak.
- Mohd. Bakhir Hj Abdullah (2007), *Sumbangan Kaligrafi Arab Dalam Kesenian Islam: suatu Kajian Sejarah*, Malaysia: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd. Bakhir Hj Abdullah, (2007), *Sumbangan Kaligrafi Arab Dalam Kesenian Islam*, Malaysia: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Riyad Salih (1996), *op. cit.*
- Safadi, Yasin Hamid (1987). *Islamic Calligraphy*. New York: Thames and Hudson.
- Sirojuddin, Ar, D, (1992), *Dinamika Kaligrafi Islam*. (terj). Jakarta: Darul Ulum Press.

- Siti Badriyah Haji Mohamad Yusof. (2015), Sikap generasi muda terhadap tulisan Jawi: Kajian kes pelajar Universiti Brunei Darussalam. *Southeast Asia: A Multidisciplinary Journal*, Vol 15, 2015, pp 8–16 © FASS, UBD.
- Syahrudin, (2004), *Kaligrafi Al-Qurān Dan Metodologi Pengajarannya*. (t.tmp) h. 29.
- Zaki Muhammad Hassan, (1940), *al-Lughah al-`Arabiyyah fi al-`Asr al-Hadith*, Cairo: Kaheerah.
- Muzium Kesenian Malaysia. Kuala Lumpur. (Tarikh, 12hb Jun 2004).
- Buku Koleksi Peraduan Penulis Seni Khat Jawi Kebangsaan 1421-1431H/ 2000-2010M (2013), Brunei: Pusat Da'wah Islamiah.
- Buku Aturacara Sayembara Seni Khat Jawi, (2011), Bahagian Kebudayaan dan Kesenian Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Negara Brunei Darussalam.
- [Pusat Sejarah Brunei - Dasar dan Tujuan \(history-centre.gov.bn\)](http://history-centre.gov.bn)
- [Dalami Praktikal Seni Khat Tulisan Jawi | Brunei's No.1 News Website \(brudirect.com\)](http://brudirect.com)
- [Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah - Majlis Perasmian Galeri Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah \(PPKKI-YSHHB\) dan Pelancaran Buku Pelan Strategik Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah 2020-2025](#)

BAB 2

# **Analisis Kesalahan Ejaan Jawi Papan Tanda Premis Perniagaan Di Daerah Kuantan**

*<sup>1</sup>Nurizan Baharum, <sup>2</sup>Seriyuna Sa'don Zubir, <sup>3</sup>Aida  
Farkhana Ahmad Puhad, <sup>4</sup>Aswahida Sabarudin dan  
<sup>5</sup>Norillah Abdullah Hassim*

<sup>1</sup>Fakulti Pengajian Islam  
Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah  
KM8 Jalang Gambang 25150, Kuantan, Pahang  
Email: nurizan@unipsas.edu.my/0199488507

<sup>2</sup>Fakulti Pengajian Islam  
Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah  
KM8 Jalang Gambang 25150, Kuantan, Pahang  
Email: seriyuna@unipsas.edu.my/0132227296

<sup>3</sup> Fakulti Pengajian Islam  
Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah  
KM8 Jalang Gambang 25150, Kuantan, Pahang  
Email: afarkhana@unipsas.edu.my/0169248085

<sup>4</sup> Fakulti Pengurusan dan Informatik  
Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah  
KM8 Jalang Gambang 25150, Kuantan, Pahang  
Email: aswahida@unipsas.edu.my/0129018042

<sup>5</sup> Fakulti Pengajian Islam  
Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah  
KM8 Jalang Gambang 25150, Kuantan, Pahang  
Email: norillah@unipsas.edu.my/0139065944

## Abstrak

Pada 15 November 2018 Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang, Tengku Mahkota Tengku Abdullah Al-Haj Ibnu Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah bertitah agar penggunaan tulisan Jawi diperluas ke seluruh negeri Pahang. Sehubungan dengan itu kebanyakan premis perniagaan di bandar Kuantan sudah memasang papan tanda bertulisan Jawi selepas arahan terbabit dikuatkuasakan. Namun terdapat banyak kesalahan ejaan Jawi pada papan-papan tanda premis tersebut. Justeru, kajian ini bertujuan untuk i. Mengenal pasti kesalahan ejaan atau tulisan Jawi yang terdapat pada papan tanda perniagaan di bandar raya Kuantan dan; ii- Mengklasifikasi kesalahan ejaan atau tulisan Jawi yang terdapat pada papan tanda perniagaan di bandar raya Kuantan. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah tinjauan, linguistik dan kepustakaan. Teknik analisis data yang digunakan dalam kajian ini ialah analisis tematik iaitu penyelidik mengumpulkan data serta akan melalui proses analisis data tersebut berulang kali dengan tujuan mencari corak, tema, sub-tema yang muncul dan lain-lain untuk membolehkan penyelidik mengkategorikan data mengikut bahagian-bahagiannya.

**Kata kunci:** Tulisan Jawi, Kuantan, Pahang, Kesalahan Ejaan Jawi, Papan tanda

- 2.1 Pendahuluan 27
  - 2.1.1 Sorotan Literatur 30
  - 2.1.2 Penyataan Masalah 31
  - 2.1.4 Persoalan Kajian 33
- 2.2 Metodologi Kajian 33
- 2.3 Perbincangan Dan Dapatan Kajian 34
  - 2.3.1 Aspek Kesalahan Ejaan Dan Tulisan Jawi 34

2.3.2	Kaedah Ejaan/Penulisan	34
2.3.3	Penulisan Huruf	39
2.3.4	Padanan Huruf	43
2.4	Kesimpulan Dan Cadangan	46

## **2.1 PENDAHULUAN**

Tulisan Jawi telah wujud sejak sekitar tahun 1300M di Kepulauan Melayu. Perkembangannya berhubung kait dengan ketibaan Islam, khususnya daripada orang Parsi. Abjad Arab yang diperkenalkan ini diubah suai agar sesuai dengan bahasa Melayu klasik lisan (John U. Wolff, 1988).

Tulisan Jawi berkembang pesat sejajar dengan penyebaran Islam, setelah bangsa Melayu mendapati bahawa tulisan Pallava yang digunakan mereka selama ini tidak sesuai sekali sebagai wahana penyebaran perihal agama baru ini. Orang Melayu memandang tinggi tulisan Jawi sebagai gerbang kepada pemahaman Islam dan kitab sucinya, al-Qur'an. Penggunaan tulisan Jawi merupakan faktor utama yang memangkin kebangkitan bahasa Melayu sebagai bahasa serantau di samping penyebaran agama Islam (Brunei Times, 2007).

Tulisan Jawi digunakan secara meluas di negeri-negeri kesultanan Melaka, Johor, Brunei, Sulu, Patani, Aceh dan Ternate seawal abad ke-15, untuk tujuan surat-menyurat diraja, titah-perintah, puisi dan juga kaedah perhubungan utama sesama saudagar di pelabuhan Melaka. Ikhtisar-ikhtisar perundangan purbakala seperti Hukum Kanun Melaka dan bahan-bahan terbitannya, termasuk Hukum-Hukum Kanun Johor, Kedah dan Brunei semuanya ditulis dalam Jawi. Bahasa Melayu dalam tulisan Jawi merupakan bahasa perantaraan seluruh lapisan masyarakat, baik para raja, bangsawan, ilmuwan agama mahupun orang keramaian, di samping menjadi lambang tradisi kebudayaan dan ketamadunan Melayu. Proses pengislaman rantau

Melayu telah melariskan abjad Jawi sebagai sistem tulisan yang paling berkuasa (Annabel Teh Gallop, 1994).

Bagaimanapun, salah satu kelemahan utama amalan penulisan Jawi ialah ketidakseragaman sesama pengguna dari segi ejaan, yang mana menurut Pendeta Za'ba (1949), "kebiasaan penulis-penulis yang ramai ... ada banyak tentangnya yang berlain-lain pada lain-lain orang", apatah lagi terdapat ketidaksepakatan sesama kamus-kamus bahasa Melayu yang sedia ada pada zaman dahulu. Hal inilah yang mendorong beliau untuk menggubal satu sistem ejaan Jawi yang baru pada tahun 1938 (Konvensyen tulisan Jawi, 2012).

Pada 15 November 2018 Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang, Tengku Mahkota Tengku Abdullah Al-Haj Ibni Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah bertitah agar penggunaan tulisan Jawi diperluas ke seluruh negeri Pahang. Baginda bertitah, penggunaan tulisan Jawi perlu diperluaskan di papan tanda jalan, premis perniagaan dan perumahan di seluruh negeri ini bagi memartabatkan semula tulisan itu yang semakin terpinggir pada ketika ini. Baginda berhasrat mahu tulisan Jawi diperkasa, dibudayakan dan tidak mahu ia hilang begitu sahaja. Tidak salah kalau ia dipamerkan di bangunan dan jalan-jalan kerana ia menunjukkan identiti kita dan seharusnya kita rasa bangga (portal diraja Pahang).

Setelah setahun lebih titah baginda Pemangku Raja Pahang tersebut, kebanyakan premis perniagaan di bandar ini sudah memasang papan tanda bertulisan Jawi selepas arahan terbabit dikuatkuasakan. Terdapat juga dalam kalangan pemilik premis perniagaan yang sudah memasang tulisan Jawi itu sejak awal tahun lalu bagi mematuhi arahan selain menyokong memartabatkan tulisan itu. Tinjauan di premis perniagaan berbangsa asing juga mendapati hampir semua sudah memasang papan tanda bertulisan Jawi (Berita Harian 1/1/2020).

Garis panduan penggunaan tulisan Jawi dalam kawasan Majlis Perbandaran Kuantan menjelaskan bahawa

tulisan Jawi yang digunakan hendaklah mendapat kelulusan daripada Dewan Bahasa dan Pustaka atau merujuk kamus ejaan Jawi terbitan DBP. Dalam usaha menggalakkan pemilik premis menggunakan tulisan Jawi pada papan tanda premis masing-masing malah mereka diberi kelonggaran atau kebenaran menggunakan pelekat sahaja pada papan tanda sedia ada sebagai alternatif. Pihak berkuasa tempatan juga telah menguatkuasakan kompaun ke atas premis yang gagal mematuhi peraturan tersebut bermula pada 01 Januari 2020. Kompaun yang dikenakan adalah denda RM250 sehari dan boleh juga dihadapkan ke mahkamah dan lesen perniagaan turut akan dibatalkan (Garis panduan tulisan Jawi, 2019).

Setelah berakhir tempoh yang ditetapkan oleh Majlis Perbandaran Kuantan kepada semua premis perniagaan yang terlibat pada 31 Disember 2019, penulis mendapati terdapat banyak kesalahan ejaan Jawi pada papan-papan tanda yang dipamerkan. Keadaan ini memberi gambaran seolah-olah arahan dan perintah yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa tempatan disambut seperti ‘melepaskan batuk di tangga’ oleh para pemilik premis sedangkan ia sebaliknya perlu menyahut cabaran memartabatkan warisan bangsa Melayu dengan memastikan ejaan yang digunakan pada papan tanda yang dipamerkan adalah betul mengikut kaedah dan panduan yang disediakan oleh pihak Dewan Bahasa dan Pustaka sebagai entiti yang bertanggungjawab dalam memperkasa bahasa Melayu dan tulisan Jawi.

Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti jenis-jenis kesalahan ejaan Jawi serta penulisan tulisan Jawi yang terdapat pada papan-papan tanda premis di bandar raya Kuantan serta mengkategorikan kesalahan tersebut mengikut tema yang bersesuaian. Kajian ini hanya terbatas kepada kajian pada papan-papan tanda premis yang terdapat di sekitar bandar raya Kuantan Pahang.

### **2.1.1 Sorotan Literatur**

Tulisan Jawi sedang giat digunakan dengan meluas di papan tanda jalan, premis perniagaan dan perumahan di seluruh negeri Pahang. Usaha tersebut mendapat sokongan dari pihak berkuasa tempatan dan kerajaan negeri. (Melayu, n.d.) menyatakan antara langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk memartabatkan tulisan Jawi adalah melalui seminar, persidangan, konvensyen dan lain-lain lagi seperti bengkel, pertandingan (Wan Zuraidah & Arsaythamby, 2012), klinik Jawi (Ibrahim et al., 2019), karnival (Hussin & Abas, 2012). Dalam Kamus Dewan Edisi Keempat (2007), tulisan Jawi bermaksud tulisan yang menggunakan huruf Jawi. Manakala papan tanda merujuk kepada papan-papan nama di premis perniagaan dan seumpamanya, iaitu yang dikategorikan sebagai iklan atau papan tanda bangunan dan rumah kedai.

Kajian Masitah et.al (2018) mendapati terdapat kesalahan penggunaan bahasa Melayu di papan-papan tanda perniagaan yang ditemui di tempat awam. Penguasaan tulisan Jawi dalam kalangan orang Melayu terutamanya generasi muda makin terhakis sepertimana yang dinyatakan oleh (Faisal & Niswa, 2009). Kajian ini turut disokong oleh Asyraf & Berhanundin (2015) dengan menyatakan generasi Melayu tidak lagi meminati dan tidak mampu menguasai tulisan Jawi dengan baik. Faktor-faktor yang dinyatakan ini turut memberi kesan kepada kesalahan terhadap tulisan dan ejaan Jawi yang terdapat pada bahan-bahan bercetak khususnya papan-papan tanda.

Berkaitan isu kesalahan tulisan Jawi pada papan-papan tanda, Berita Harian pada tahun 2015 telah melaporkan kebanyakan kesalahan ejaan Jawi di Melaka berpunca daripada pihak pengiklanan yang tidak merujuk terlebih dahulu kepada pihak berkuasa tempatan iaitu Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) dan Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG).



Negeri Pahang juga telah menguatkuasakan pelaksanaan tulisan Jawi pada papan tanda jalan, premis perniagaan dan perumahan pada tahun 2020 menerusi titah Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah pada 13 November 2018 bagi memartabatkan semula tulisan itu yang semakin terpinggir (Sinar Harian, 2020). Penggunaan tulisan Jawi yang meluas dilihat sebagai sesuatu yang positif, malangnya terdapat banyak kesalahan ditemui pada papan tanda premis perniagaan di negeri Pahang khususnya di daerah Kuantan.

Menurut Garis Panduan yang dikeluarkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (2018) Papan tanda yang dipasang di premis-premis perniagaan merupakan satu pengenalan yang menjelaskan tentang aktiviti atau perniagaan yang dijalankan di dalam satu-satu premis perniagaan tersebut. Nik Safiah Karim (1992) dalam Mohammed Zin et.al (2014) menyatakan bahawa papan-papan tanda perniagaan sering diletakkan di hadapan bangunan kedai atau premis perniagaan agar mudah dilihat, dibaca dan dikenali oleh pelanggan serta orang ramai. Namun begitu, terdapat kesalahan dan kecelaruan penggunaan tulisan Jawi pada papan tanda perniagaan yang ditemui di premis perniagaan. Situasi ini menggambarkan sikap peniaga yang tidak prihatin terhadap penggunaan tulisan Jawi yang betul dan tepat. Justeru, kesalahan dan kecelaruan ini sewajarnya diterokai serta dikaji bagi mengenal pasti bentuk kesalahan dan menganalisis aspek kesalahan yang terdapat pada papan tanda tersebut.

### **2.1.2 Penyataan Masalah**

Kesalahan ejaan atau tulisan Jawi sering berlaku dalam pelbagai aspek yang melibatkan kaedah dan bentuk. Kesalahan ejaan atau tulisan Jawi juga boleh berlaku kerana kekeliruan seperti menyambung ejaan Jawi, keperluan untuk meletakkan huruf alif atau digugurkan serta kekeliruan

dalam penggunaan huruf hamzah di samping sistem ejaan yang berubah-ubah dari semasa ke semasa (Hirman Mohamed Khamis et.al, 2016) (Azrulhizam Shapii et.al, 2020), malah dalam kajian (Mohamad & Jabar, 2018) terhadap pelajar yang bertajuk Penggunaan Konsonan ( ڤ، ڤ، ڤ) Dalam Sistem Tulisan Jawi Dalam Kalangan Pelajar Universiti Putra Malaysia mendapati bahawa pelajar yang telah mempelajari tulisan Jawi masih lemah dalam membeza dan mengguna huruf konsonan tersebut termasuklah pelajar yang berlatar belakangkan Bahasa Arab. Ini menunjukkan bahawa kesalahan ejaan dalam kalangan masyarakat awam yang tidak menerima pembelajaran formal tentang tulisan Jawi adalah sangat besar termasuklah pemilik-pemilik premis perniagaan.

Walaupun pelbagai usaha digemblengkan untuk memperkasakan tulisan Jawi dalam kalangan masyarakat namun kesalahan ejaan Jawi ini seolah-olahnya dipandang ringan oleh masyarakat dan menganggap tulisan Jawi hanya sesuai sebagai warisan budaya Melayu dan Islam sahaja (Latip, 2018) dan menyebabkan pelaksanaan tulisan Jawi di papan tanda premis-premis perniagaan tidak dipandang serius termasuklah menggunakan tulisan Jawi dengan kaedah yang betul.

### **2.1.3 Objektif Kajian**

- i. Mengenal pasti kesalahan ejaan atau tulisan Jawi yang terdapat pada papan tanda perniagaan di bandar raya Kuantan.
- ii. Mengklasifikasi kesalahan ejaan atau tulisan Jawi yang terdapat pada papan tanda perniagaan di bandar raya Kuantan.

#### **2.1.4 Persoalan Kajian**

- i. Apakah kesalahan ejaan atau tulisan Jawi yang terdapat pada papan tanda perniagaan di Kuantan?
- ii. Apakah bentuk kesalahan ejaan dan tulisan Jawi pada papan tanda perniagaan di Kuantan?

### **2.2 METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif. Data kajian dikumpulkan dengan merekod, menganalisis dan mencatat kesalahan tulisan Jawi yang terdapat pada papan tanda perniagaan di Kuantan. Teknik persampelan yang digunakan adalah persampelan bertujuan. Sampel kajian yang digunakan adalah sebanyak 40 buah papan tanda sahaja. Data dianalisis menggunakan analisis tematik yang membentuk kriteria dan tema untuk meneliti kesalahan ejaan dan tulisan Jawi pada papan tanda tersebut. Analisis tematik merupakan kaedah yang telah banyak digunakan dalam pelbagai bidang penulisan kerana kebolehcapaiannya dan fleksibiliti terutama untuk membina beberapa tema set data (Kristanto & Padmi, 2020). Analisis tematik ini dimulakan dengan menganalisis data dan diikuti oleh proses memasuki bahagian pembinaan kod dan diakhiri dengan bahagian pemaparan data dalam bentuk jaringan bagi memudahkan pembaca untuk meneliti penemuan kajian yang diperoleh (Mohamad & Abdullah, 2018). Kajian ini menggunakan teknik pemerhatian, catat dan rekod. Gambar-gambar papan tanda perniagaan yang mempunyai kesalahan ejaan dan tulisan Jawi dipilih dan direkodkan. Data ini dianalisis dan diklasifikasikan mengikut tema-tema kesalahan ejaan dan tulisan Jawi.

## **2.3 PERBINCANGAN DAN DAPATAN KAJIAN**

### **2.3.1 Aspek Kesalahan Ejaan Dan Tulisan Jawi**

Sistem tulisan Jawi di Malaysia telah melalui beberapa proses perubahan dan penyemakan. Beberapa kaedah telah dikemukakan oleh beberapa tokoh seperti kaedah ejaan Jawi Za'ba (1931), Matlob (1989), Panduan Ejaan Jawi (1986), Hamdan (2015), Mohd Hussein (2002), Daftar Kata Bahasa Melayu (2005), Che Siah (2006) dan lain-lain. Sistem atau kaedah ejaan Jawi yang diguna pakai sekarang ialah sistem yang berasaskan Pedoman Ejaan Jawi yang Disempurnakan (PEJYD) yang telah dikeluarkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka tahun 1986 hasil keputusan Konvensyen Tulisan Jawi tahun 1984 anjuran Pusat Islam.

Pada tahun 1993 telah berlangsung seminar kebangsaan yang khusus tentang tulisan Jawi yang bertempat di pejabat Perdana Menteri Malaysia. Hasil pembentangan, cadangan dan resolusi seminar tersebut telah disemak dan disahkan oleh Jawatankuasa Teknikal Ejaan Jawi Pusat Islam dan Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1993-1994. Maka lahirlah buku Daftar Ejaan Jawi tahun 2005 (Ab. Halim Mohamad, 2017).

Pada tahun (2020) Dewan Bahasa dan Pustaka telah menerbitkan Pedoman Umum Ejaan Jawi Bahasa Melayu yang merupakan pedoman terkini berkaitan sistem ejaan Jawi yang telah disusun, diselaraskan dan ditambah baik berdasarkan dokumen pedoman ejaan Jawi yang telah diterbitkan sebelumnya.

### **2.3.2 Kaedah Ejaan/Penulisan**

Secara umum, prinsip ejaan Jawi yang digunakan pada hari ini mengguna pakai kaedah yang diperkenalkan oleh Za'ba dan disesuaikan pula dengan sistem bunyi dan bentuk kata bahasa Melayu yang dipecahkan kepada tiga kelompok

sistem ejaan iaitu kata Melayu jati, kata serapan daripada bahasa Arab dan kata serapan daripada bahasa Inggeris.

Analisis terhadap senarai papan tanda yang telah dikumpulkan, terdapat beberapa bentuk kesalahan dalam aspek kaedah ejaan dan penulisan Jawi. Kesalahan tersebut dikategorikan kepada beberapa bahagian mengikut tema seperti kaedah penulisan singkatan dan akronim, penulisan kata serapan daripada bahasa Asing dan pengejaan perkataan yang mempunyai imbuhan awalan dan akhiran. Berikut akan diperjelaskan satu persatu berdasarkan kategori tema yang ditentukan.

### i) Penulisan singkatan

Kata singkatan merupakan penyingkatan sesuatu perkataan atau frasa. Kebiasaannya, dalam proses penyingkatan perkataan hanya huruf pertama yang dikekalkan dan huruf selebihnya akan digugurkan.

Berdasarkan PUEJBMD (2020) untuk mengeja singkatan dalam ejaan Jawi, kaedah yang digunakan adalah padanan nama bagi huruf Rumi dalam Jawi. Singkatan inisialisme bagi nama jabatan, organisasi, pertubuhan, syarikat dan lain-lain dieja dengan nama huruf Rumi tersebut dalam Jawi dan diletakkan tanda titik selepas setiap huruf tersebut.

Berikut adalah kesalahan ejaan singkatan yang terdapat dalam senarai papan-papan tanda yang diperoleh:

**Jadual 2.1** Kesalahan Penulisan Singkatan

RUMI	JAWI	
	Ejaan salah	Ejaan betul
Pasar raya ASD	فاسراي اسد	أي.ايس.دي.
MBH Medispa	ميه ميديسڤا	عيم.بي.ايڤ.

## ii) Kata nama khas dalam Bahasa Asing

Fenomena penulisan papan tanda yang menggunakan kosa kata bahasa asing, khususnya bahasa Inggeris sangat berleluasa berlaku. Umumnya penggunaan kosa kata bahasa Inggeris lebih berkelas, elegan dan menarik. Berdasarkan pengamatan penulis, terlalu banyak pemilik-pemilik premis perniagaan seperti restoran, hotel, kedai runcit, butik dan lain-lain yang menggunakan bahasa asing terutamanya bahasa Inggeris di papan-papan tanda premis masing-masing (Ervin Damayanti, 2019).

Kaedah penggunaan nama dalam bahasa asing terutamanya bahasa Inggeris sebagai nama premis menjadikan perkataan tersebut sebagai kata nama khas. Berdasarkan (PUEJBMD, 2020) pengejaan Jawi bagi kata nama khas bahasa Inggeris hendaklah dieja mengikut bunyi sebutan bahasa Inggeris British sebagaimana yang dinyatakan dalam *Oxford Dictionary of English* edisi terkini, *Oxford Advanced Learner's Dictionary* dan *Collins English Dictionary Complete and Unabridged*.

Daripada senarai papan tanda yang diperolehi, berikut adalah papan tanda yang menggunakan bahasa Inggeris dan pengejaan Jawi bagi perkataan *Bakery, Arabian, Jewels, Enterprise, gear box, rooms, Personal, court* adalah tidak mengikut kaedah yang telah dijelaskan di dalam (PUEJBMD, 2020) sebagaimana yang dihuraikan di atas.

**Jadual 2.2** Kesalahan Kata Nama Khas Dalam Bahasa Asing (Bahasa Inggeris)

RUMI	JAWI	
	Ejaan salah	Ejaan betul
Pasar Arabian	بسر اربعين	عربين
Bakery	باکيري	بيکري
Nik Auto Key	نيء اوتو كي	اءوتو
Sarah Jewels	ساراه جوليس	جولس
Kedai kain Nazmi Enterprise	كداي كاين نازمي انترپريس	اينترپراءيس
Sup gear box	سوف كيار بوك-س	بوكس
Cherita rooms	چريتا رومس	روم س
Personal Shopper	فرسونل شوفر	فرسنل
Aki Food Court	اكي فود چود	كورد

### iii) Perkataan berimbuhan

Menurut Abdullah Hassan (2006), proses pengimbuhan ialah proses yang menggandingkan imbuhan dengan kata dasar, sama ada imbuhan awalan, imbuhan akhiran dan imbuhan sisipan.

Berdasarkan penelitian, penggunaan kata terbitan atau kata dasar yang berimbuhan banyak digunakan di dalam penamaan premis yang terdapat di Kuantan. Perkataan tersebut adalah seperti percetakan, bangunan, kecantikan, kesihatan, penjual, pergigian, peralatan, perubatan dan warisan.

Kaedah penulisan kata berimbuhan dibincangkan secara panjang lebar di dalam PUEJBMD 2020 kerana kepelbagaian bentuk imbuhan dan kata dasar yang ada dalam bahasa Melayu. Secara umum, semua imbuhan ditulis serangkai atau bersambung dengan bentuk dasarnya berdasarkan bentuk huruf Jawi. Sebahagian penulisan perkataan berimbuhan tidak mengubah bentuk

dasarnya manakala sebahagian lagi berubah bentuk dasarnya.

Berikut adalah papan tanda yang menggunakan perkataan berimbunan dan terdapat kesilapan ejaan dan tulisan pada perkataan-perkataan tersebut:

**Jadual 2.3** Kesalahan Perkataan Berimbunan

RUMI	JAWI	
	Ejaan salah	Ejaan betul
Kedai Percetakan	كداي فُرچيتاكن	فُرچيتقن
Bangunan Jaman Tory	باغونان جامن طاري	باغونن
Penjual Produk Kesihatan dan Kecantikan	فُنجوال فُرودوق كصيحتن دان كچنتيكن	كچنتيقن
Klinik Pergigian Putra	كلينيك فُرکيکيان فوترا	فُرکيکيبن
Farmasi Peralatan Perubatan	فرماسي فُرالاتن فُروباتن	فُرالتن فُراوابن
Warung nasi lemak warisan	واروغ نامي لمق واريتن	واريتن

Kebanyakan kesilapan ejaan dan penulisan yang terdapat di dalam jadual di atas adalah apabila kata dasar yang ditambah imbuhan akhiran ‘an’ dan kata dasarnya berakhir dengan huruf konsonan. Merujuk kepada PUEJBMD 2020, bagi perkataan kata dasar yang tidak berakhir dengan huruf vokal alif (ا) dan wau (و) atau diftong alif-wau (او) hanya huruf nun (ن) disambungkan dengan kata dasar bagi menunjukkan akhiran ‘an’ sepertimana yang ditunjukkan dalam kolom ketiga pada jadual di atas.



#### iv) Gugur alif dalam ejaan suku kata tertutup berpola KVK

Kaedah atau hukum Jawi ialah peraturan yang dibuat untuk menyelaraskan ejaan Jawi terutamanya dalam kes menggugurkan atau mengekalkan alif serta mewujudkan hamzah ataupun mengekalkannya.

Berdasarkan PUEJBMD, 2020, huruf vokal alif (ا) tidak digunakan pada suku kata tertutup yang menggunakan vokal (a) apabila mengeja kata tunggal yang berpola suku kata tertutup (KVK). Oleh itu, hasil pemerhatian mendapati terdapat kesalahan ejaan pada perkataan ‘Sarah’ dan ‘Farmasi’ di dalam papan tanda yang dianalisis kerana menggunakan huruf alif (ا) bagi mewakili huruf (a) dalam suku kata tertutup (KVK) iaitu [rah] dan [far]. Ejaan yang betul adalah seperti berikut:

**Jadual 2.4** Kesalahan Gugur Alif Dalam Ejaan Suku Kata Tertutup Berpola KVK

RUMI	JAWI	
	Ejaan salah	Ejaan betul
Farmasi	فارماسي	فرماسي
Sarah Jewels	ساره جويلس	ساره جولس
Kedai Gambar	كداي گمبار	كداي گمبر

### 2.3.3 Penulisan Huruf

Menurut Duncik et.al (2014), huruf Arab Melayu atau tulisan Jawi merupakan huruf yang diadaptasi daripada huruf Arab (Hijaiyah). Namun tidak seluruh unsur dalam huruf Arab Hijaiyah digunakan dalam huruf Arab Melayu, kerana faktor penyesuaian bahasa, seperti penggunaan harakat (tanda baca). Sebaliknya, ada beberapa penambahan dalam huruf Arab Melayu yang tidak terdapat

dalam huruf Arab Hijaiyah seperti penambahan titik tiga di atas atau di bawah huruf-huruf tertentu.

Penulisan huruf yang tidak tepat akan menyukarkan pembacaan. Pembacaan seseorang mungkin akan mengakibatkan salah faham kerana penulisan yang tidak tepat. Kesalahan penulisan berlaku pada papan-papan tanda premis berdasarkan pembahagian berikut:

### i) Peletakan titik huruf

Kedudukan dan bilangan titik huruf dalam huruf Jawi sangat penting dan kesalahan meletakkan bilangan atau kedudukan titik pada huruf-huruf tertentu dalam sesuatu perkataan akan menyebabkan perkataan tersebut tidak dapat disebut, dibaca dan difahami maksudnya sebagaimana di dalam jadual berikut:

**Jadual 2.5** Kesalahan Peletakan Titik huruf

RUMI	JAWI	
	Ejaan salah	Ejaan betul
Pasar Arabian	بسر اربعين	فاسر
Butik	بونيل	بوتيك
Kedai Gunting Rambut	كداي كونتيغ رمبوت	كونتيغ
Pusat Servis Tayar	فوست سرفيس تاير	فوست سرفيس
Kedai Alat Tulis	كداي اليا توليس	الت
Warung nasi lemak warisan	واروغ ناسي لمق وارثن	وارثن

### ii) Penulisan huruf kaf

Di dalam tulisan Jawi, huruf kaf (ك) yang berada di akhir kata tidak menggunakan kaf Arab (ك) kecuali pada kata nama khas dalam bahasa Arab. Bentuk kaf Melayu (ك)

ini telah digunakan sejak zaman Batu Bersurat Terengganu (1303M) lagi (Adi Yasran et.al, 2016). Namun masih terdapat kesalahan penggunaan bentuk huruf kaf tersebut di papan-papan tanda yang dinaikkan di premis-premis tertentu seperti berikut:

**Jadual 2.6** Kesalahan Penulisan Huruf Kaf

RUMI	JAWI	
	Ejaan salah	Ejaan betul
Poliklinik al-Razi	ڤوليكلينيك الرازي	ڤوليكلينيك
UOB Bank	يو او بي بيڠك	بيڠك
Kedai Serbaneka	كداي سربانيك	سربانيك
Pusat seni reka grafik	ڤوست سني ريك كرافيق	ريك

### iii) Penulisan huruf hamzah

Huruf hamzah merupakan huruf yang istimewa di dalam tulisan Jawi. Terdapat tujuh peraturan yang telah ditetapkan bagi penulisan huruf hamzah sebagaimana yang terdapat di dalam PUEJBMD, 2020. Kegagalan meletakkan huruf hamzah pada kedudukannya yang tepat berdasarkan peraturan yang telah ditetapkan boleh menyebabkan kekeliruan makna, bunyi serta perkataan tersebut tidak difahami dan tidak boleh dibaca dengan betul.

Berikut adalah kesalahan penulisan huruf hamzah (ء) yang terdapat pada papan tanda yang disenaraikan dalam kajian ini:

**Jadual 2.7** Kesalahan Penulisan Huruf Hamzah

RUMI	JAWI	
	Ejaan salah	Ejaan betul

Nik Auto Key	نيء اوتو كي	اءوتو
Pusat Servis Tayar	قوست سرؤيس تاير	سرفؤيس
Kedai kain Nazmi Enterprise	كداي كاين نازمي اينترفريس	كاءين اينترفراءيس
KOOP Ummah	كواوف اومه	كوءوف

**iv) Penggunaan *ta' marbutah*, *ta' maftuhah* dan *ha* bagi kata Serapan Bahasa Arab**

Huruf *ta' marbutah* (ة) pada asalnya dalam bahasa Arab boleh melambangkan dua bunyi iaitu bunyi (h) atau (t). walau bagaimanapun apabila perkataan tersebut terserap ke dalam bahasa Melayu, sebahagiannya dilambangkan dengan huruf (h) dan sebahagiannya dilambangkan dengan huruf (t). Bagi mengeja kata serapan Arab yang mengandungi huruf *ta marbutah* (ة) dalam Jawi boleh dikategorikan seperti berikut (PUEJBMD, 2020):

**Jadual 2.8** Kaedah Ta' Marbutah, Ta' maftuhah dan Ha bagi kata Serapan Bahasa Arab

Kategori Perkataan	Arab	Rumi	Jawi
Istilah Keislaman	بركة	Berkat	بركة
	نعمة	Nikmat	نعمت
Istilah Umum	زيارة	Ziarah	زياره

Berdasarkan analisis yang dibuat terhadap papan tanda yang dipilih, didapati terdapat kesalahan berkaitan penggunaan *ta' marbutah*, *ta' maftuhah* dan *ha* bagi perkataan serapan daripada bahasa Arab seperti berikut:

**Jadual 1.9** Kesalahan Penggunaan Ta' Marbutah, Ta' maftuhah dan Ha (Serapan Bahasa Arab)

RUMI	JAWI	
	Ejaan salah	Ejaan betul
Selamat datang	سلامة داتغ	سلامت
Syarikat Wanita Besar	شريكه وانيتا بسر	شريكه
KOOP Ummah	كووقف اوومه	امة

### 2.3.4 Padanan Huruf

#### i) Padanan vokal dan konsonan yang betul

Di dalam Pedoman Umum Ejaan Jawi terkini (PUEJBMD, 2020) terdapat empat huruf vokal iaitu “*alif, wau, ya, ye*” dan dua gabungan huruf vokal yang digunakan bagi melambangkan enam fonem vokal dan terdapat 35 huruf konsonan dalam sistem ejaan Jawi yang termasuk juga huruf *wau* dan *ya* yang turut berfungsi sebagai huruf vokal. Semua huruf konsonan digunakan untuk mengeja kata serapan bahasa Arab kecuali huruf *ca, nga, pa, ga, nya* dan *va*. Manakala untuk mengeja kata serapan bahasa Inggeris boleh menggunakan semua huruf konsonan Melayu jati kecuali huruf *qaf* dan *nya*. Walau bagaimanapun, terdapat empat huruf konsonan tambahan bagi kata serapan bahasa Inggeris, iaitu huruf *zai, syin, fa* dan *va*.

Keprihatinan yang kurang berkaitan huruf vokal dan konsonan Jawi ini menyebabkan fungsi dan kelemahan sistem ejaan Jawi sering kali dipersalahkan (Asyraf Ridwan Ali, 5015). Antara kesalahan yang sering ditemui pada papan-papan tanda di premis perniagaan ialah kesalahan memadankan huruf Rumi kepada Jawi sama ada kesalahan pada padanan huruf vokal mahupun padanan huruf konsonan seperti di jadual berikut:

**Jadual 2.10** Kesalahan Padanan Vokal Dan Konsonan Yang Betul

RUMI	JAWI	
	Ejaan salah	Ejaan betul
Kedai Alat Tulis	كداي اليا توليس	الت
Kedai Kopi Kemaman	كدي كوڤي كمامن	كداي
Pasar Arabian	بسر اربعين	فاسر
Butik	بونيل	بوتيك
Pusat Servis Tayar	فوست سرؤيس تاير	فوست سرؤيس
Kedai Gunting Rambut	كداي كونتيغ رمبوت	كونتيغ
Kedai Alat Telekomunikasi Gadgets World 666	كداي الت تيليمونيكاسي	تيليكومونيكاسي
Warung nasi lemak warisan	واروغ ناسي لمق واريشن	واريشن

## ii) Penggunaan Huruf (ك) dan (ق)

Huruf (ك) dan (ق) berbeza penggunaannya dalam ejaan Jawi berdasarkan kedudukannya dalam suku kata perkataan serta jenis perkataan tersebut sama ada perkataan Melayu jati, kata serapan daripada bahasa Inggeris atau Arab. Berdasarkan analisis terhadap papan tanda yang dipilih, kesalahan banyak terdapat pada penggunaan atau padanan huruf (K) yang terletak pada suku kata tertutup berpola KVK. Sekiranya perkataan tersebut adalah kata Melayu jati, maka huruf (ق) perlu dilambangkan sebagai huruf padanan bagi (K) dalam perkataan tersebut. Namun, jika perkataan tersebut

adalah kata serapan daripada sahaja Inggeris, huruf (ك) digunakan untuk melambangkan huruf (K) yang terdapat pada suku kata tertutup tersebut seperti berikut:

**Jadual 2.11** Kesalahan Penggunaan Huruf (ك) dan (ق)

RUMI	JAWI	
	Ejaan salah	Ejaan betul
Kedai Percetakan MR. PRINT	كڤاي فرجيتاكن	فرجيتقن
Penjual Produk Kesihatan dan Kecantikan	فنجوال فرودوق كصيحتن دان كچنتيكن	فرودوك كچنتيقن
Pusat seni reka grafik	فوست سني ريك كرافيق	كرافيك

### 2.3.5 Penulisan Angka

Angka terbahagi kepada dua kategori iaitu angka Hindi (۱۲۳۴۵۶۷۸۹۰) dan angka Arab (1,2,3,4,5,6,7,8,9,0). Angka yang digunakan dalam sistem ejaan Jawi ialah angka Arab yang ditulis dari kiri ke kanan. Angka Hindi hanya digunakan di dalam tulisan Jawi bagi melambangkan kata ganda penuh sahaja seperti perkataan rama-rama apabila dijawab akan ditulis dengan رام۲. Kekeliruan sering berlaku dalam penggunaan angka dalam Jawi sehingga menggunakan angka Hindi dalam penulisan termasuklah pada papan tanda premis seperti berikut:

**Jadual 2.12** Kesalahan penulisan Angka

RUMI	JAWI	
	Ejaan salah	Ejaan betul
Mabiq 2	مبيق۲	مابق 2

## 2.4 KESIMPULAN DAN CADANGAN

Secara keseluruhan, masih terdapat banyak kesalahan ejaan dan tulisan dalam pelbagai aspek pada papan-papan tanda perniagaan yang terdapat di Kuantan. Walaupun kerajaan memaklumkan pada Ogos 2020 sepertimana yang dilaporkan di dalam akhbar Sinar Harian yang diterbitkan pada 07 Ogos 2020, sebanyak 90 peratus premis perniagaan akur menggunakan tulisan Jawi pada papan tanda perniagaan mereka, beberapa aspek perlu diberi perhatian agar kepatuhan tersebut bukan sekadar melepaskan batuk di tangga sahaja.

Masyarakat perlu diberi kefahaman yang jelas berkaitan tulisan Jawi agar penggunaannya dapat dihayati bersama-sama tanpa mengira bangsa dan agama serta tanpa perasaan prejudis terhadap tulisan tersebut. Oleh yang demikian, beberapa cadangan berikut dipercayai dapat membantu menambahbaik mutu ejaan dan tulisan Jawi di papan-papan tanda yang terdapat di Kuantan khususnya dan negeri Pahang amnya.

Dewan Bahasa dan Pustaka dan Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Negeri Pahang telah menjalankan kerjasama yang erat dalam memperkasa dan menyemarakkan lagi tulisan Jawi di negeri Pahang khasnya dengan mentauliahkan sijil munsyi dewan (Jawi) kepada para peserta yang telah menyertai kursus dan bengkel serta lulus ujian kelayakan yang diikuti. Para munsyi ini sewajarnya menjadi duta dan pakar rujuk yang dapat membantu menyemak serta memberi tunjuk ajar kepada pihak-pihak yang berkaitan dan bertanggungjawab menyediakan papan tanda yang dikehendaki. Melalui



rujukan dan semakan yang dijalankan akan mengurangkan kesilapan yang terdapat pada ejaan dan tulisan Jawi tersebut.

Terdapat beberapa aplikasi seperti eJawi2u, eJawi Makmur dan eJawi translator yang dibangunkan oleh individu dan institusi bagi membantu pengguna tulisan Jawi mendapatkan ejaan Jawi dengan lebih mudah tanpa perlu merujuk kepada Dewan Bahasa dan Pustaka serta para munshi yang telah ditauliahkan. Namun, terdapat aplikasi yang tidak dikemaskini berdasarkan kaedah ejaan dan tulisan Jawi yang terkini sebagaimana yang terdapat di dalam pedoman umum ejaan Jawi Bahasa Melayu Dewan yang diterbitkan pada tahun 2020. Oleh itu, amatlah disarankan kepada pemilik-pemilik aplikasi tersebut dapat mengemaskini data-data ejaan Jawi agar dapat dimanfaatkan sebaik mungkin oleh pengguna.

Sebagaimana yang telah dimaklumkan dalam skop kajian ini, hanya 40 papan tanda perniagaan yang terdapat kesalahan dipilih untuk dianalisis dalam kajian ini. Sehubungan itu, kajian akan datang disarankan untuk meningkatkan jumlah sampel kajian agar dapat memberikan gambaran yang lebih tepat terhadap ketepatan ejaan dan tulisan Jawi yang digunakan pada papan-papan tanda perniagaan. Selain itu, kajian juga boleh diperluaskan kepada bidang atau aspek yang lain seperti tulisan Jawi yang terdapat pada papan iklan, papan tanda jalan atau arah dan lain-lain.

## RUJUKAN

- Ab. Halim Mohamad.2017. Penggunaan Vokal Alif Pada Suku Kata Terbuka Akhir Perkataan Dalam Sistem Tulisan Jawi. *Jurnal AL-ANWAR, Persatuan Bekas Mahasiswa Islam Timur (PBMITT) Volume 4, No.2, December 2017: 47-59*
- Hassan, A. (2006). *Morfologi. Akademia.*
- Adi Yasran Abdul Aziz, et.al. 2016. *Penyeragaman Sistem Ejaan Jawi di Negara Asean. Jurnal Linguistik Malaysia Vol. 20.*

- Ahmad Faisal bin Abdul Hamid & Noralina binti Abdullah. (2017). Penguasaan Tulisan Jawi Di Kalangan Mahasiswa Pengajian Islam: Kajian Di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) Tempatan. *Jurnal Al-Tamaddun*, Bil. 4 (2009) 145 – 156.
- Ali, A. R., & Abdullah, B. 2015. Falsafah pendidikan Jawi dalam memperkasakan tamadun Islam di Malaysia. In *Proceedings of ICIC2015-International Conference on Empowering Islamic Civilization in the 21st Century* (pp. 574-585).
- Annabel Teh Gallop. 1994. *The Legacy of Malay Letter: Warisan Warkah Melayu*. The British Library dan Arkib Negara Malaysia.
- Shapii, A., Mahayuddin, Z. R., & Othman, S. 2020. Jom Jawi: Meningkatkan Penguasaan Bahasa Jawi Di Kalangan Murid Sekolah Rendah Mengguna Media Interaktif. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 2(3), 212-230.
- Damayanti, E. (2019). Kesalahan Penggunaan Bahasa pada Iklan Komersial Media Luar Ruang di Kabupaten Kediri. *Jubindo: Jurnal Ilmu Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia*, 4(2), 85-102.
- Hamdan Hj. Abdul Rahman. et.al. 1984. *Sistem ejaan Jawi bahasa Melayu*. Konvensyen Kebangsaan Tulisan Jawi Terengganu. April 1984.
- Khamis, H. M., Aziz, A. Y. A., Musa, H., & Othman, M. S. 2015. Tahap Kemahiran Tulisan Jawi Dalam Kalangan Pelajar Sekolah di Singapura. *Sidang Editorial*, 261.
- John U. Wolff. 1988. *Indonesian Readings Edition: 3*. SEAP Publications: ISBN 0-87727-517-3.
- Kristanto, Y. D., & Padi, R. S. 2020. Analisis Data Kualitatif: Penerapan Analisis Jejaring untuk Analisis Tematik yang Cepat, Transparan, dan Teliti.
- Masitah Muhammadin, Rohaidah Kamaruddin & Sharil Nizam Sha'ri. 2018. Penggunaan Bahasa Melayu pada Papan Nama Premis Perniagaan di Sekitar Bandaraya Kuala Terengganu. *International Journal of the Malay World and Civilisation* 6(1), 2018: 41 – 50
- Dungcik, M., & Bety, B. 2014. *Standarisasi Sistem Tulisan Jawi di Dunia Melayu: Sebuah Upaya Mencari Standar*

- Penulisan yang Baku Berdasarkan Aspek Fonetis. *Tamaddun: Jurnal Kebudayaan Dan Sastra Islam*, 14(2), 213-230.
- Mohammed Zin Nordin et al. 2014. Analisis Kesalahan Penggunaan Bahasa Papan Tanda Perniagaan. *Procedia - Social and Behavioral Sciences* 134, 330 – 349
- Mohamad, M. Z., & Abdullah, A. H. 2018. Analisis Tematik Dalam Pembelajaran Dan Pemudahcaraan (PDPC) Proses Penulisan Karangan Argumentatif Berasaskan KBAT: Pemahaman Dan Amalan Pedagogi Guru Bahasa Melayu Tingkatan Empat. In *Prosiding Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan Universiti Awam* (Vol. 7, p. 8).
- Melayu, W. W. A. (n.d.). JAWI.
- Hussin, M., & Abas, N. 2012. Warkah Manuskrip Melayu, Bil. 2, Jul-Dis 2012.
- Ibrahim, R., Embong, R., Kadir, F. K. A., & Hashim, H. A. 2019. Pemerkaasan Tulisan Jawi Dahulu Dan Kini. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* (e-ISSN: 2600-9080), 2(1), 29–37.
- Latip, N. S. A. 2018. Daya Saing Tulisan Jawi Dan Potensi Kod Jawi Dalam Menghadapi Era Globalisasi. *Sains Insani*, 3(1), 38–45.
- Mohamad, A. H., & Jabar, M. A. A. 2018. Penggunaan Konsonan [Ø° Øœ Ø2Øœ Ø.] dalam Sistem Tulisan Jawi dalam Kalangan Pelajar Universiti Putra Malaysia. *Jurnal Pertanika MAHAWANGSA*, 5(2), 495–504.
- Wan Zuraidah, W. A., & Arsaythamby, V. 2012. Hubungan Minat Jawi Dengan Pencapaian Jawi Dan Pendidikan Islam Di Sekolah Rendah. UUM.
- Za'ba. (1928). *Kitab Pelita Bahasa Melayu I*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Za'ba. (1949). *Daftar Ejaan Melayu*. Tanjung Malim: Pejabat Karang Mengarang Sultan Idris Training College.
- Daftar Kata Bahasa Melayu: Rumi-sebutan-Jawi*. (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Garis Panduan Perancangan Papan Tanda Premis Perniagaan. 2018. Cetakan pertama. Jabatan Perancangan dan Desa (Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. ISBN 978-967-5456-58-9.

- Kamus Dewan Edisi Keempat. 2016. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Berita Harian. 2015. Papan Tanda Ada Rumi, Jawi Perlu Ada Kelulusan PBT-Exco Melaka. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2015/09/83627/papan-tanda-ada-tulisan-rumi-Jawi-perlu-kelulusan-pbt-exco-melaka>
- Brunei Times article. 2007. An Overview Of Jawi's Origin In Brunei. dated July 16.
- Sinar Harian. 2020. Tulisan Jawi: Tindakan Kompaun, Tiada Lagi Kompromi. <https://www.sinarharian.com.my/article/64193/EDISI/Pahang/Tulisan-Jawi-Tindakan-kompaun-tiada-lagi-kompromi>
- Sinar Harian. 2020. 90 Peratus Premis Perniagaan Di Pahang Akur Guna Tulisan Jawi. <https://www.sinarharian.com.my/article/95594/EDISI/Pahang/90-peratus-premis-perniagaan-di-Pahang-akur-guna-tulisan-Jawi>
- Pedoman Ejaan Jawi Yang Disempurnakan. 1986. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Pedoman Umum Ejaan Jawi Bahasa Melayu Dewan. 2020. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- كُونِيْشِن تُولِيْسِن جَاوِي > Peranan Za'ba Dalam Mengasaskan Teknik Tulisan Jawi>6. Sistem Ejaan Jawi Za'ba. Koleksi Digital. Dicapai pada 7 Feb 2012. [https://mpk.gov.my/sites/default/files/garis\\_panduan\\_tulisan\\_Jawi\\_2019.pdf](https://mpk.gov.my/sites/default/files/garis_panduan_tulisan_Jawi_2019.pdf)

BAB 3

**Amalan Kaedah Pengajaran Guru  
Pendidikan Islam Dalam Mata  
Pelajaran Bacaan Jawi, Sekolah  
Ugama Di Negara Brunei  
Darussalam**

<sup>1</sup>*Dr. Haji Mohd Shahrol Azmi bin Haji Abd Muluk*

<sup>1</sup>Timbalan Pengarah,  
Pusat Penyelidikan dan Pengajian Jawi dan Kitab Turath,  
KUPU SB

**Abstrak**

Kualiti pengajaran Guru Pendidikan Islam sering dijadikan isu untuk dikaitkan dengan kaedah pengajaran tradisional yang dikatakan sedikit membosankan pelajar. Namun tidak ramai yang mengetahui bahawa tokoh pendidik Islam iaitu Ibnu Khaldun telah menekankan ada 4 kaedah pengajaran yang merupakan kaedah asas yang perlu digunakakan oleh Guru Pendidikan Islam dalam apa jua bidang Ilmu yang mereka sampaikan termasuklah mata pelajaran Bacaan Jawi. Guru Pendidikan Islam dalam kajian ini adalah lebih tertumpu kepada guru-guru ugama yang mengajar di sekolah-sekolah Ugama. Oleh itu kajian yang telah dilaksanakan ini bertujuan mengenal pasti sama ada ciri-ciri pengajaran menurut Ibnu Khaldun tersebut dilaksanakan oleh Guru Pendidikan Islam (Guru Ugama di Sekolah Ugama) dalam kaedah pengajaran mata pelajaran Bacaan Jawi. Kajian ini juga bertujuan melihat perbezaan kaedah

pengajaran antara Guru Peringkat Novis Lanjutan dan Guru Peringkat Pakar yang dijadikan sebagai responden kajian dan seterusnya mengenal pasti kaedah-kaedah tertentu yang dipercayai berkesan dalam pengajaran mata pelajaran Bacaan Jawi yang dinyatakan sendiri oleh responden. Justeru itu kajian ini berbentuk kajian kualitatif yang menggunakan reka bentuk kajian kes bagi memperoleh data kajian melalui pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen. Hasil dapatan kajian mendapati GPP lebih banyak menggunakan kaedah pengajaran yang telah ditetapkan oleh Ibnu khaldun semasa proses pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Bacaan Jawi berbanding dengan GPNL. Berdasarkan daripada dapatan kajian memberi implikasi yang positif kepada guru dan pelajar dari segi mempelbagaikan kaedah pengajaran dengan mengaplikasikan kaedah pengajaran Ibnu khaldun dalam mata pelajaran Bacaan Jawi dan beberapa kaedah tambahan.

- 3.1 Pendahuluan 53
- 3.2 Pernyataan Masalah 55
- 3.3 Objektif Kajian 58
- 3.4 Persoalan Kajian 58
- 3.5 Kerangka Teori Kajian 59
- 3.6 Kerangka Konseptual Kajian 61
- 3.7 Kaedah Pengajaran Menurut Ibnu Khaldun 62
- 3.8 Metodologi Kajian 65
- 3.9 Dapatan Kajian Dan Perbincangan 66
  - 3.9.1 Pemerhatian Terhadap GPNL 67
  - 3.9.2 Pemerhatian Terhadap GPP 67
- 3.10 Kesimpulan, Implikasi Dan Cadangan 71
  - 3.10.1 Kesimpulan 71
  - 3.10.2 Implikasi Kajian 73
  - 3.10.3 Cadangan 76
- 3.11 Kesimpulan 77

### 3.1 PENDAHULUAN

Tulisan Jawi merupakan khazanah dan warisan bangsa Melayu dan merupakan salah satu sistem tulisan rasmi di Negara Brunei Darussalam. Tulisan ini menjadi alat untuk mempelajari dan memahami al-Quran dan al-Hadis kerana seperti mana yang diketahui kebanyakan kitab-kitab teras dan buku tersebut menggunakan tulisan Jawi. Rosita (2014) menyatakan bahawa penekanan terhadap memelihara, mengembangkan dan memartabatkan tulisan Jawi sangat penting. Ini kerana perkara tersebut telah disuarakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan, dalam titah baginda sempena pertandingan membaca al-Quran bahagian dewasa peringkat kebangsaan pada 14 Februari 1991 seperti berikut:

*“...banyak hal-hal yang relevan untuk kita buat...seperti memaju dan mengembangkan lagi tulisan Jawi sebagai tulisan al-Quran, tulisan ugama dan juga tulisan nasional. Kita tidak mahu kehilangan Jawi, sebab inilah satu-satunya yang agung dan besar dari warisan masih tinggal yang boleh kita banggakan. Kehilangan tulisan ini akan banyak menjejaskan kepentingan-kepentingan kita, seperti pudarnya semangat nasional dan binasanya ugama...”*

(Himpunan Titah, 1996:10)

Maka salah satu usaha untuk menjunjung titah tersebut adalah menerusi pendidikan. Umum mengetahui bahawa pendidikan merupakan satu perkataan yang mempunyai pengertian yang mendalam dan amat luas. Dalam usaha untuk mendapatkan hasil pendidikan yang baik, kebijakan dalam mengurus proses pengajaran dengan baik guru professional diperlukan. Ini ditekankan lagi dalam

titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) Majlis Konvoquesyen Keempat KUPUSB Tahun 1436 Hijriah/2014 Masihi (Abu Bakar, 2014):

*“...Kita menyedari persepsi terhadap guru pada masa ini tidak terkecuali guru agama bukan lagi setakat memfokus kepada guru yang baik semata-mata tetapi juga menghendaki supaya guru itu mampu untuk menyampaikan pengajaran dengan berkesan, dalam makna dari guru ‘good teaching’ kepada guru ‘effective teaching’...”*

Dengan yang demikian, tegas baginda, matlamat utama kita ialah melahirkan guru-guru agama profesional yang berupaya melahirkan sahsiah-sahsiah yang hebat. Di antara ciri-ciri yang hebat menurut baginda ialah sifat salih, berpengetahuan luas dan mendalam, pandai merancang dan mengurus serta mempunyai watak-watak kepimpinan dan perguruan yang digalati (Abu Bakar, 2014).

Jelasnya berdasarkan dari titah di atas, guru-guru pendidikan Islam sangat perlu untuk mempertingkatkan kemahiran dalam bidang perguruan termasuk penguasaan terhadap kaedah pengajaran yang guna pakai dalam menyampaikan mata pelajaran Bacaan Jawi. Oleh yang demikian guru pendidikan Islam perlu dibekalkan dengan ilmu serta kemahiran mengajar yang mantap. Ini kerana asas penting dalam pendidikan ialah kemahiran dan kebolehan guru dalam proses mengajar itu sendiri. Dalam pendidikan abad ke 21, kepelbagaian kaedah mengajar yang sesuai sangat diperlukan supaya pelajar dapat menerima dengan berkesan.



### 3.2 PERNYATAAN MASALAH

Prosedur pelaksanaan pengajaran Jawi amat penting untuk dikuasai oleh setiap Guru Pendidikan Islam. Kerana menurut Normazidah (2012) guru bukan sahaja perlu memiliki kemahiran dalam memilih pendekatan dan kaedah pengajaran yang sesuai dan berkesan malah guru juga harus menyedari keperluan untuk mengubahsuai kaedah pengajaran yang sedia ada agar bersesuaian dengan kebolehan pelajar yang mana perkara yang sama telah dijelaskan oleh Rosmiza, Mohd Zamro, Noraini et al., (2015). Menurut Kamarul Azmi & Ab Halim (2007), kepentingan untuk memilih kaedah pengajaran merupakan faktor penting yang menyumbang kepada keberkesanan pengajaran yang disampaikan selain dapat menarik minat pelajar kepada sesuatu mata pelajaran sehingga mampu mendorong mereka meraih pencapaian terbaik (Naquiah Nahar & Jimain Safar, 2016).

Berdasarkan kajian dan laporan yang dijalankan menurut Naquiah Nahar & Jimain Safar, (2016), mendapati bahawa penguasaan Jawi dalam kalangan pelajar masih pada tahap rendah dan kelemahan tersebut salah satunya berpunca daripada faktor amalan pengajaran Guru Pendidikan Islam yang kurang berkesan.

Jika diperhatikan menerusi kajian Nik Rosila Nik Yacob (2007) yang mendapati bahawa dalam kemahiran mengeja Jawi, data menunjukkan 19.4 peratus pelajar Tingkatan 2 yang cemerlang dalam Pendidikan Islam, lemah dalam kemahiran mengeja Jawi. Manakala 83.3 peratus pelajar yang gagal dalam Pendidikan Islam, lemah dalam kemahiran mengeja Jawi. Bagi pelajar Tingkatan 4 pula, 19.4 peratus pelajar yang mendapat cemerlang dalam Pendidikan Islam lemah dalam kemahiran mengeja Jawi berbanding 100 peratus pelajar yang gagal dalam Pendidikan Islam, lemah dalam kemahiran ini. Ujian korelasi

menunjukkan, terdapat hubungan yang signifikan antara pencapaian pelajar Tingkatan 2 dan Tingkatan 4 dalam Pendidikan Islam dengan kemahiran mengeja Jawi. Apa yang berlaku di dalam kajian ini menjadi indikasi terhadap lemahnya kemahiran membaca pelajar disebabkan mereka tidak mahir mengeja Jawi.

Masalah kelemahan pelajar dalam kemahiran membaca Jawi sedikit sebanyak berpunca daripada kaedah pengajaran guru yang kurang menarik. Kenyataan ini disokong berdasarkan kajian Zalmiza (2004) yang mana 26 orang murid menyatakan Pendidikan Islam tidak berkesan/ tidak pasti memberikan kesan dalam kehidupan seharian mereka dan 41 orang murid bersetuju corak pengajaran guru Pendidikan Islam membosankan manakala 31 murid tidak berminat dengan mengikuti pengajaran Guru Pendidikan Islam dan 18 daripada mereka bersetuju dengan kenyataan Guru Pendidikan Islam mengajar tanpa persediaan yang rapi. Masalah-masalah ini dilihat menjadi penyumbang utama penyebab pelajar-pelajar tidak menguasai Jawi.

Isu permasalahan di atas terbukti dan diakui sendiri oleh Awang Mohd Jamil Al Sufri (2008) yang menyatakan berdasarkan kajian beliau, kerjaya sebagai seorang guru sering diperkatakan dan menjadi topik hangat “Anak saya gagal kerana gurunya tidak pandai mengajar”, “guru hanya mengajar chalk and talk sahaja”, “guru mengajar duduk sahaja”, “guru lebih banyak menggunakan kaedah syarahan daripada kaedah lain yang lebih menarik” dan sebagainya.

Kualiti pengajaran guru dijadikan sebagai satu isu yang kritikal (Sarimah, Ab Halim, Mohd Aderi et al., 2010; Kamarul Azmi, 2011; Muzirah & Nurhana, 2013) yang mana berdasarkan daripada kajian-kajian mendapati bahawa amalan pengajaran Guru Pendidikan Islam mempunyai banyak kekurangan. Perkara ini secara langsung akan menjadi penyumbang terhadap faktor kelemahan pelajar dalam menguasai Pendidikan Islam termasuklah jua pelajaran Jawi (Nik Rosila, 2007; Suhaimi, 2007; Mohd

Yakub & Saidi, 2008; Ab Halim, Kamarulzaman, Rosli et al., 2012).

Berdasarkan kajian Mohd. Aderi (2008) menunjukkan bahawa guru Pendidikan Islam masih tertumpu dan menggunakan pengajaran yang berbentuk tradisional dan didapati lagi pengajaran yang disampaikan masih belum kreatif terutama dalam menggunakan bahan pengajaran dan pendekatan pengajaran, malah tahap pengajaran mereka masih pada tahap sederhana. Dalam kajian beliau juga mendapati bahawa sebahagian Guru Pendidikan Islam tidak mempunyai kemahiran yang khusus dalam mengajar Jawi. Apa yang banyak dilakukan ialah pengajaran yang disampaikan lebih berpusatkan guru sahaja malah hanya kaedah pengajaran tradisional sahaja yang banyak digunakan seperti kaedah kuliah, penerangan dan syarahan.

Pendidikan hari ini telah banyak mempunyai perubahan demi perubahan sehinggakan pelajar-pelajar sekarang memerlukan satu kaedah pengajaran yang boleh menarik minat mereka untuk terus mengikuti pengajaran yang disampaikan. Namun perlu diingat tokoh-tokoh pendidikan Islam terdahulu seperti Ibnu Khaldun telah menetapkan kaedah pengajaran & pembelajaran asas yang perlu digunai pakai oleh guru-guru. Guru Pendidikan Islam seharusnya memastikan kaedah asas tersebut dapat mereka laksanakan disamping melapangkan dada untuk mencari formula dan penyelesaian terbaik tentang aspek kaedah pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan dan strategik dari masa kesemasa mengikut kesesuaian keadaan pelajar-pelajar itu sendiri. Jika perkara ini diperhatikan dengan sewajarnya, pengajaran & pembelajaran Pendidikan Islam akan dapat berlangsung dalam suasana yang mendorong pelajar untuk belajar, pelajar bersemangat untuk membina ilmu, mendapat sokongan dan motivasi daripada guru serta berlakunya interaksi dua hala semasa proses pengajaran.

### **3.3 OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif kajian direka berdasarkan kepada latar belakang kajian dan masalah kajian yang tertumpu kepada pelbagai kes yang bertujuan untuk:

1. Mengenal pasti ciri-ciri pengajaran menurut Ibnu Khaldun dalam kaedah pengajaran Guru Pendidikan Islam dalam mata pelajaran Bacaan Jawi.
2. Mengenal pasti perbezaan kaedah pengajaran antara guru peringkat novis lanjutan dan guru peringkat pakar
3. Mengenal pasti kaedah-kaedah tertentu yang dipercayai berkesan dalam pengajaran mata pelajaran Bacaan Jawi.


### **3.4 PERSOALAN KAJIAN**

Persoalan kajian yang dibentuk adalah berpandukan kepada objektif kajian ini. Maka terdapat tiga persoalan kajian telah dibina:

1. Adakah kaedah pengajaran guru dalam mata pelajaran Bacaan Jawi memenuhi ciri-ciri kaedah pengajaran menurut Ibnu Khaldun?
2. Apakah perbezaan kaedah pengajaran guru dalam mata pelajaran Bacaan Jawi antara Guru Peringkat Novis Lanjutan dengan Guru Peringkat pakar?
3. Apakah kaedah pengajaran yang dipercayai berkesan dalam mengajar mata pelajaran Bacaan Jawi.

### 3.5 KERANGKA TEORI KAJIAN

Kajian ini telah menggunakan kerangka teori pengajaran Ibnu Khaldun sebagai rujukan terhadap amalan kaedah pengajaran yang dilaksanakan oleh guru pendidikan Islam. Antara kaedah-kaedah pengajaran yang penting menurut Ibnu Khaldun ialah kaedah pengajaran bertahap, pengulangan, dialog dan diskusi (Gamal, 2014: 250). Melihat kepada teori Ibnu Khaldun tersebut maka kerangka teori ini telah direka oleh pengkaji sendiri mengikut kesesuaian kajian yang akan dijalankan tanpa mengurangi atau menambah sedikit pun daripada dasar kaedah pengajaran yang telah dinyatakan oleh Ibnu Khaldun tersebut. Apa yang penulis lakukan hanyalah menyusun semula kaedah-kaedah tersebut dalam bentuk kerangka yang matlamatnya melahirkan pelajar yang mahir dan memahami setiap mata pelajaran yang disampaikan oleh guru pendidikan Islam.



**Rajah 3.1** Kerangka Teori Kaedah Pengajaran Ibnu Khaldun

Menurut Ahmad Tafsir (2006:40) belum pernah didengar ada suatu masa yang pendidikan tidak dibicarakan yang mana pendidikan merupakan masalah yang tidak pernah

selesai disebabkan ada sahaja perkara yang tidak memuaskan dari pelbagai pihak. Kerana itu pendidikan menjadi bahan perdebatan. Isu kemajuan dan kemunduran adalah dua perkara yang saling dikedutarkan. Terkadang di satu masa pendidikan memperoleh kemajuan yang signifikan. Sedangkan pada masa yang lain terkadang pendidikan mengalami kemunduran yang sangat mengerikan.

Berbicara tentang pendidikan Islam, maka mau tidak mau kita harus merujuk kepada tokoh-tokoh yang berkecimpung di dalamnya. Diantara tokoh pendidikan Islam yang sangat besar sumbangannya adalah Ibnu Khaldun. Hal ini sangatlah wajar, kerana Ibnu Khaldun merupakan seorang tokoh pendidikan yang terkenal di masa keemasan pendidikan Islam. Jelasnya kita tidak akan pernah berkembang dan maju melainkan dengan mengikuti apa yang telah diaplikasikan oleh para tokoh pendidikan terdahulu. Sebagaimana Imam Malik berkata:

لن يصلح آخر هذه الأمة الا ما أصلح أولها


*“Generasi akhir umat ini tidak akan baik kecuali dengan apa yang diperbaiki oleh generasi awal umat ini”*

(Al-Ghunaimān, 2011: 22)

Perkara tersebut di atas menjadi justifikasi kenapa kaedah pengajaran Ibnu Khaldun dijadikan sebagai teori rujukan kajian ini. Perkara ini dapat dilihat lebih jelas lagi melalui kerangka konseptual kajian berikut.

### 3.6 KERANGKA KONSEPTUAL KAJIAN

Secara umumnya kajian yang telah dijalankan bertujuan bagi mengenal pasti kaedah-kaedah pengajaran yang sering digunakan oleh guru-guru pendidikan Islam khusus dalam menyampaikan pelajaran Bacaan Jawi di sekolah-sekolah agama. Pemerhatian terhadap kaedah-kaedah yang kerap digunakan telah dinilai sama ada kaedah tersebut mengikuti kriteria-kriteria kaedah pengajaran yang ditetapkan oleh Ibnu Khaldun atau sebaliknya. 2 Orang guru telah dijadikan sampel kajian berdasarkan pengalaman mereka bertugas. Kajian ini dapat digambarkan seperti kerangka konseptual kajian seperti berikut:



Rajah 3.2 Kerangka Konseptual Kajian

### **3.7 KAEDAH PENGAJARAN MENURUT IBNU KHALDUN**

Dunia pendidikan pada ketika ini termasuklah pendidikan Islam itu sendiri telah banyak diwarnai dan didominasi oleh teori-teori yang bersumber dari pemikiran Barat, sementara teori-teori dari ilmuan muslim yang mengambil sumber dari al Quran dan al Hadith seperti dilupakan, walhal buah fikir mereka sangat menarik dan penting untuk pengembangan model pendidikan Islam itu sendiri (Juju Saepudin, 2015). Umpamanya Ibnu Khaldun yang terkenal sebagai ilmuan besar disebabkan karya kitabnya yang bertajuk “Muqaddimah” yang mana karya tersebut telah membuat para sarjana baik di Barat maupun di Timur sangat mengaguminya.

Ibnu Khaldun menegaskan agar guru-guru mempelajari bersungguh-sungguh perkembangan akal fikir pelajar, kerana pelajar pada awal hidupnya belum memiliki kematangan pertumbuhan. Jelasnya menurut Ibnu Khaldun kebanyakan guru pada ketika itu tidak mengetahui metode pengajaran dan cara penggunaannya, sehingga mereka hadir di hadapan pelajar dengan mengajarkan permasalahan yang sukar untuk difahami, dan mereka menyuruh agar menganalisisnya dan mereka mengandaikan bahawa cara tersebut akan memperkembangkan pengajaran padahal kemampuan menerima pengetahuan di kalangan pelajar dan kematangannya, berkembang secara bertahap. Itulah sebabnya pelajar mula-mula lemah pemahamannya terhadap keseluruhan ilmu, kecuali dengan jalan mendekati dan memperbaiki dengan menggunakan contoh-contoh yang dapat diamati dengan pancaindera. Jelasnya menurut Ibnu Khaldun kesediaan dari kematangan pelajar tersebut berkembang setingkat demi setingkat, bertentangan dengan



permasalahan ilmu yang dihadapkan kepadanya. Dan proses pengalihan ilmu untuk mendekati, dengan cara menganalisa permasalahan tersebut, sehingga kemampuan untuk menyiapkan diri mereka dengan ilmu itu benar-benar sempurna, kemudian baru mendapatkan hasilnya (Ali al-Jumbulati dan ‘Abdul Futuh at-Tuwānisi, 2002: 196). Kenyataan ini secara langsung menegaskan bahawa pemilihan kaedah pengajaran yang sesuai dengan tahap pemikiran pelajar sangat penting.

Justeru itu agar kajian yang dilaksanakan ini lebih terarah, kaedah pengajaran yang akan diperhatikan adalah kaedah pengajaran yang telah ditetapkan oleh Ibnu Khaldun sendiri. Menurut Ibnu Khaldun kaedah pengajaran merupakan langkah atau cara yang harus dicontohi oleh guru supaya para pelajar memahami pelajaran yang disampaikan kepada mereka. Dengan kata lain kaedah pengajaran mencakupi program atau rencana tersebut selepas memasuki ruang (al-Abrasyi, 1975). Maka kaedah pengajaran Ibnu Khaldun tidak terlepas daripada langkah dan cara-cara efektif yang digunakan oleh guru dalam menyampaikan informasi (pengetahuan), ketrampilan dan norma-norma yang diinginkan kepada para pelajar. Tanpa kaedah pengajaran yang tepat tidak mungkin dapat dilakukan pemindahan segala idea, pengetahuan pengalaman dan orientasi sebagai penghubung dan suatu cara menghubungkan guru dengan pelajar (Syaibani, 1975).

Ibnu Khaldun juga memberikan prinsip-prinsip asas yang dijadikan pedoman dalam menentukan kaedah pengajaran. Prinsip-prinsip asas ini hendaklah diperhatikan oleh guru dalam pengajaran dan dapat disimpulkan sebagai (Gamal, 2014: 238):

- Persiapan para pelajar dalam menerima dan memahami ilmu secara beransur-ansur.

- Apabila para pelajar sudah memiliki kemampuan tertentu mengenai salah satu ilmu, maka dia bersiap sedia menerima ilmu lain dan lebih bersemangat menuntutnya sehingga berjaya menguasai keseluruhan ilmu tersebut.
- Jika pelajar tidak mampu memahaminya pada kali pertama atas sebab susah tidak teratur susunan pembahasannya sehingga menyebabkan mereka susah memahami apa yang diajarkan kepada mereka. Ini mengakibatkan para pelajar tersebut menjadi malas, fikirannya beku, putus asa serta benci dalam menuntut ilmu.
- Kebiasaan dan kemampuan sesuatu ilmu yang diperolehi dengan cara melakukan segala aktiviti secara berterusan dan berulang-ulang kali. Sekiranya pelajar lupa melakukan aktiviti tersebut, ini bererti mereka juga tidak akan memperolehi kebiasaan dan kemampuan daripadanya.
- Perhatian kepada pelajar kepada dua disiplin ilmu yang berbeza dalam waktu tertentu menyulitkan mereka memahami kedua-dua disiplin ilmu itu, sebaliknya apabila perhatian difokuskan kepada satu disiplin ilmu sahaja (yang tidak dicampuradukkan dengan ilmu lain), ia memudahkan mereka memahami dan memperolehi ilmu.

Berdasarkan prinsip-prinsip itu, Ibnu Khaldun menetapkan beberapa kaedah pengajaran asas yang cukup penting untuk sentiasa diperhatikan oleh guru-guru terutama dalam proses pengajaran supaya objektif pendidikan akan dapat tercapai. Guru-guru perlu tahu membezakan kaedah yang sesuai digunakan dalam pembelajaran, kerana kaedah

yang digunakan bagi pelajar rendah berbeza dengan kaedah yang digunakan bagi golongan dewasa.

### **3.8 METODOLOGI KAJIAN**

Kaedah yang akan digunakan untuk mendapatkan data dalam kajian ini ialah kaedah Triangulasi data, iaitu berdasarkan temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen. Penggunaan gabungan pelbagai kaedah ini dicadangkan oleh Miles dan Huberman (1994), Yin (1994), Marshall, Catherine dan Rosman (1995), serta Silverman (2002) bertujuan bagi memastikan data yang dikumpul diperolehi sepenuhnya atau dikumpulkan secara habis-habisan daripada pelbagai sumber.

Kajian ini telah menjalankan temubual separa-struktur kerana menurut Merriam (1988) temu bual separa berstruktur yang dilakukan secara bersemuka dapat membantu penyelidik memperoleh data secara tepat berdasarkan isu-isu yang dikehendaki. Selain itu juga pemerhatian akan dijalankan di dalam kajian ini. Ini kerana Marshall, Catherine dan Rosman (1995), menyatakan bahawa teknik pemerhatian adalah suatu kaedah asas dan amat signifikan dalam penyiasatan kualitatif. Pemerhatian 'Non participant observation' akan dijalankan iaitu pengkaji tidak ikut serta dalam sebarang aktiviti pemerhatian, pengkaji sekadar duduk di satu sudut dan memerhatikan informan. Pengkaji hendak melihat segala aktiviti pengajaran guru, peristiwa atau situasi secara langsung, kaedah ini di cadangkan oleh Vales (1950), Webb, Campbell, Schwartz dan Sechrest (1996).

Selain daripada itu beberapa dokumen juga telah dianalisa bagi memberikan maklumat tambahan kajian

yang berkaitan dengan pengajaran guru seperti sukatan pelajaran, persediaan mengajar guru, latihan pelajar, kertas ujian , peperiksaan pelajar dan catatan markah pelajar.

### **3.9 DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

Bahagian ini membincangkan mengenai dapatan kajian yang diperolehi melalui kaedah triangulasi iaitu pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen untuk menghuraikan tema yang terhasil berdasarkan tiga soalan kajian iaitu adakah kaedah pengajaran guru dalam mata pelajaran Bacaan Jawi memenuhi ciri-ciri kaedah pengajaran menurut Ibnu Khaldun?, apakah perbezaan kaedah pengajaran guru dalam mata pelajaran Bacaan Jawi antara Guru Peringkat Novis Lanjutan (sekitar 4-9 tahun) dengan Guru Peringkat Pakar (sekitar 20 tahun)?, dan apakah kaedah pengajaran yang dipercayai berkesan dalam mengajar mata pelajaran Bacaan Jawi?.

#### **Soalan Kajian 1: Adakah Kaedah Pengajaran Guru Dalam Mata pelajaran Bacaan Jawi Memenuhi Ciri-Ciri Kaedah Pengajaran Menurut Ibnu Khaldun?**

Berdasarkan catatan analisis pemerhatian yang telah dilakukan terhadap dua orang responden iaitu GPNL dan GPP, yang mana pemerhatian telah pun dilaksanakan sebanyak dua kali bagi setiap seorang. Hasil daripada pemerhatian tersebut adalah seperti berikut:

### **3.9.1 Pemerhatian Terhadap GPNL:**

Dalam pengajaran & pembelajaran yang telah disampaikan oleh GPNL, pengkaji mendapati hanya 3 kaedah pengajaran sahaja yang telah ditetapkan oleh Ibnu Khaldun ini digunakan sepanjang sesi pengajaran & pembelajaran GPNL dijalankan. Kaedah pengulangan (latih tubi) lebih kerap digunakan oleh yang demikian pengajaran pelbagai hala sukar dilaksanakan kerana GPNL tidak menggunakan kaedah diskusi. Pengajaran yang disampaikan akan lebih menarik jika kaedah diskusi dapat dilaksanakan.

(CPKPIK/GPNL/P1/25.9.2017)

Dalam temubual yang dijalankan juga mendapati bahawa GPNL tidak mengenali Ibnu Khaldun dan perkara ini secara langsung menjadi faktor utama penyebab mengapa keempat-empat kaedah penting pengajaran Ibnu Khaldun tidak dilaksanakan di dalam pengajaran & pembelajaran GPNL pada ketika pemerhatian dijalankan. Perkara ini jelas dinyatakan menerusi temu bual (TB/B6/GPNL/16.9.2017) berikut:

*“Inda siapa tu?...”*

### **3.9.2 Pemerhatian Terhadap GPP**

Berdasarkan pemerhatian yang telah dijalankan ke atas GPP pula, pengkaji mendapati bahawa keempat-empat kaedah pengajaran yang dianggap penting oleh Ibnu Khaldun telah digunakan oleh GPP sepanjang pengajaran & pembelajaran yang telah dijalankan. Pengkaji juga mendapati keadaan bilik darjah adalah aktif dan interaksi

pelbagai hala dalam pengajaran & pembelajaran dapat dilaksanakan dengan baik.

(CPKPIK/GPP/P1/18.9.2017)

Walaupun keempat-empat kaedah tersebut telah digunakan, namun berdasarkan temu bual yang telah dijalankan sekali lagi mendapati bahawa GPP juga tidak mengenali Ibnu Khaldun. Perkara ini terbukti berdasarkan temu bual (TB/B75/GPP/22.9.2017) berikut:

*“Inda siapa tu?...”*

Secara kesimpulannya berdasarkan pemerhatian dan temu bual yang telah dijalakna terhadap GPNL dan GPP, pengkaji mendapati kedua-dua responden tidak mengenali siapa sebenarnya Ibnu Khaldun dan perkara ini boleh menjadi bukti bahawa guru-guru pengajian Islam kurang terdedah dengan tokoh-tokoh pendidik Islam yang mempunyai teori kaedah pengajaran mereka yang tersendiri yang dianggap sangat penting untuk dilaksanakan oleh guru-guru pendidikan Islam bagi menjamin keberkesanan pengajaran mata pelajaran pendidikan Islam itu sendiri.

### **Soalan Kajian 2: Apakah Perbezaan Kaedah Pengajaran Guru Dalam Mata pelajaran Bacaan Jawi Antara GPNL dengan GPP?**

Menerusi temu bual yang telah dijalankan kepada kedua-dua responden dan juga beberapa pemerhatian, pengkaji mendapati bahawa kaedah pengajaran yang digunakan oleh GPNL dengan GPP hanya terdapat sedikit perbezaan sahaja khusus di dalam pengajaran mata pelajaran Jawi. Huraian kaedah pengajaran yang sering digunakan oleh kedua-dua

responden adalah berdasarkan temu bual (TB/GPNL/P1/16.9.2017) dan (TB/GPP/P1/22.9.2017) seperti di dalam jadual berikut:

**Rajah 3.2** Kaedah Pengajaran Mata pelajaran Bacaan Jawi

Bil	Kaedah	GPNL	GPP
1	Kaedah Pengajaran Bertahap	✓	✓
2	Kaedah Pengulangan	✓	✓
3	Kaedah Dialog	✓	✓
4	Kaedah Diskusi	x	✓
5	Kaedah Bermain	x	✓
6	Kaedah Menghafal	✓	✓
7	Kaedah Menulis Di Papan Putih	✓	✓
8	Kaedah Mengeja Perseorangan	✓	✓
9	Kaedah Membaca Perseorangan	✓	✓
10	Kaedah Kuiz	✓	✓

Berdasarkan daripada pemerhatian yang telah dijalankan oleh pengkaji juga mendapati bahawa GPP lebih banyak dan kerap mempelbagaikan kaedah pengajaran & pembelajaran berbanding dengan GPNL. Perkara tersebut dapat diperhatikan menerusi catatan pemerhatian keseluruhan (CPK/GPNL/P1/25.9.2017) dan (CPK/GPP/P1/18.9.2017). Kenyataan ini juga dapat dinilai dan seterusnya terbukti menerusi temu bual lengkap yang telah dilaksanakan terhadap kedua-dua responden. Lihat pada lampiran (TB/GPNL/P1/16.9.2017) dan (TB/GPP/P1/22.9.2017).

### **Soalan Kajian 3: Apakah Kaedah Pengajaran Yang Dipercayai Berkesan Dalam Mengajar Mata pelajaran Bacaan Jawi?**

Berdasarkan temu bual bersama GPP, kaedah bermain merupakan di antara kaedah yang dipercayai berkesan dalam mengajar mata pelajaran Bacaan Jawi. Kenyataan ini adalah berdasarkan temu bual (TB/B45/GPP/P1/22.9.2017) berikut:

*“Menggunakan papan putih yang kecil, saya sediakan setiap seorang, kan murid ada sudah pandai mengeja sendiri iatah saya soal murid itu menulis di papan putih kecil itu iatah mereka suka tu. Selain itu roda impian, kad tayang”*

GPP menjelaskan lagi bukti keberkesanan kaedah bermain dalam temu bual (TB/B55/GPP/P1/22.9.2017) berikut:

*“Cikgu mengeja sambil membunyikan perkataan, kemudian diikuti oleh murid beramai/ kumpulan dan beberapa orang individu sebab kalau semua in da sempat tu masa in da cukup. Selepas tu baru aktiviti dengan menggunakan alat bantu kalau menulis sahaja biasa nya muird keboringan tu, mesti jua pakai kad, meneka, menyusun huruf tunggal yang diceraikan dan tidak bersusun menjadi satu perkataan yang betul.”*

Menurut GPP juga, beliau gemar untuk mempelbagaikan aktiviti pengajaran kerana perkara tersebut akan membantu kelancaran pengajaran & pembelajaran yang dijalankan



disebabkan pelajar-pelajar tertarik untuk mengikuti pengajaran yang disampaikan. Perkara ini dinyatakan dalam temubual (TB/B63/GPP/P1/22.9.2017) berikut:

*“Sama jua saya akan banyakan aktiviti , pelbagaikan lagi aktiviti bukan sahaja mengeja, membaca tapi menulis, menyusun huruf, memilih huruf dengan berbatukan pelbagai alat bantu yang saya sediakan. Di sini saya nampak murid yang dulunya lemah mikin meningkat mikin kenal huruf. dan juga yang lemah itu mesti selalu libatkan, yang penting banyak aktiviti supaya murid kesiukan.”*

Sebagai kesimpulan, kaedah bermain sangat sesuai digunakan dalam pengajaran & pembelajaran peringkat rendah bawah persekolahan agama. Perkara ini adalah dengan mengambil kira peringkat umur pelajar adalah pada peringkat kanak-kanak yang mana naluri dan fitrah mereka lebih tertarik pada apa jua bentuk permainan.

### **3.10 KESIMPULAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN**

#### **3.10.1 Kesimpulan**

Berdasarkan hasil kajian yang telah diperolehi, GPNL dan GPP yang mewakili guru pendidikan Islam, telah menggunakan kaedah pengajaran Ibnu Khaldun di dalam pengajaran & pembelajaran yang telah mereka laksanakan khususnya dalam mata pelajaran Jawi walaupun pada hakikatnya mereka tidak menyedari bahawa kaedah yang mereka guna pakai tersebut merupakan kaedah penting dalam pengajaran pendidikan Islam yang telah ditetapkan

oleh Ibnu Khaldun. Perkara ini adalah disebabkan oleh para pendidik Islam kurang terdedah atau didedahkan dengan tokoh-tokoh pendidikan Islam.

Kenyataan ini disokong oleh Juju Saepudin (2015) yang menjelaskan bahawa teori-teori yang bersumber dari pemikiran Barat telah menguasai dunia pendidikan pada ketika ini termasuklah pendidikan Islam itu sendiri, sementara teori-teori dari ilmuan muslim yang mengambil sumber dari al Quran dan al Hadith seperti dilupakan, walhal buah fikir mereka sangat menarik dan penting untuk pengembangan model pendidikan Islam itu sendiri.

Menurut Stephens, & Crawley (2002) guru merupakan penggerak dan pendorong kepada semua proses pengajaran yang berlaku dalam kalangan pelajarannya sama ada di dalam atau di luar kelas yang mana kedua-duanya mempunyai peranan sebagai penggerak dan pendorong dalam usaha membantu pelajar meningkatkan keinginan untuk meneroka alam akademik yang ada kalanya melampaui batasan keupayaan mereka untuk belajar terutamanya di zaman era globalisasi ini. Namun apa yang berlaku sekarang guru-guru pendidikan Islam kurang mempelbagaikan kaedah pengajaran yang akhirnya menjadikan pengajaran yang disampaikan kurang menarik minat pelajar untuk belajar. Ini kerana mereka hanya terikat dengan kaedah pengajaran tradisional semata-mata.

Perkara ini juga dijelaskan oleh Muhamad Suhaimi (2014) yang menyatakan bahawa budaya “spoon feeding” di sekolah terbawa-bawa hingga pelajar tersebut melanjutkan pelajaran ke institusi-institusi pengajian tinggi. Kajian Mohd Ery Johaizal (2009) mendapati bahawa antara faktor utama yang mempengaruhi pembelajaran terarah sendiri pelajar (PTK) adalah motivasi intrinsik pelajar itu sendiri. Motivasi intrinsik pula dipengaruhi faktor seperti pengajaran guru,

interaksi guru dengan pelajar di luar bilik darjah, dan juga jenis gaya pertautan yang dimiliki pelajar. Apabila pengajaran guru kurang menarik secara tidak langsung akan memberikan kesan negatif terhadap peningkatan motivasi pelajar untuk belajar.

Oleh sebab itu Ali al-Jumbulati dan ‘Abdul Futuh at-Tuwānisi (2002: 196) menjelaskan bahawa Ibnu Khaldun sememangnya menitik beratkan terhadap kaedah mengajar yang diguna pakai kerana pengajaran tidak akan sempurna tanpa kaedah yang betul. Jelasnya guru-guru pendidikan Islam perlu berusaha untuk sentiasa meningkatkan mutu pengajaran melalui penggunaan kepelbagaian kaedah pengajaran dalam pengajaran & pembelajaran.

Ibnu Khaldun dalam karya agunginya “Muqaddimah” telah menjelaskan mengenai kepentingan pendidikan yang berupaya mengubah potensi manusia. Penjelasan tersebut adalah berdasarkan pengalamannya yang luas sebagai pendidik dan sebagai penganalisis yang sangat teliti tentang realiti masyarakat dan pendidikan pada zamannya. Menurut Shahrul Riza (2008) perkara inilah yang juga menjadikan Ibnu Khaldun membangunkan teori-teori pendidikan Islam yang sangat bermanfaat. Inilah yang menjadi sebab utama teori kaedah pengajaran Ibnu Khaldun dijadikan rujukan utama kajian ini.

### **3.10.2 Implikasi Kajian**

Berdasarkan kepada dapatan kajian, memberi implikasi yang sangat signifikan dengan amalan kaedah pengajaran guru pendidikan Islam dalam mata pelajaran Jawi. Berikut disenaraikan beberapa implikasi kajian iaitu:

**i. Kaedah Pengajaran Mata pelajaran Bacaan Jawi**

Mata pelajaran Bacaan Jawi merupakan satu mata pelajaran yang sangat penting. Ini kerana matapelajaran ini berkaitan dengan pelajaran agama yang lainnya disebabkan tulisan yang digunakan bagi mata pelajaran tersebut adalah menggunakan tulisan Jawi. Tanpa penguasaan yang mantap di dalam bacaan Jawi, pelajar pasti akan menghadapi kesukaran untuk memahami isi pelajaran yang lainnya. Justeru itu mata pelajaran Bacaan Jawi harus disampaikan dengan menggunakan kaedah pengajaran yang pelbagai termasuklah menggunakan keempat-empat Kaedah Pengajaran yang telah ditetapkan oleh Ibnu Khaldun sebagai kaedah asas yang perlu ada dalam setiap pengajaran & pembelajaran guru pendidikan Islam. Pemilihan kaedah pengajaran yang sesuai perlu diambil kira dengan sewajarnya kerana jika berlakunya kesilapan, pengajaran yang akan disampaikan mungkin tidak akan berkesan kerana pelajar-pelajar kurang berminat untuk belajar.

**ii. Kaedah Bermain (Aktiviti)**

Kaedah Ibnu Khaldun merupakan kaedah asas yang perlu digunakan dalam setiap pengajaran & pembelajaran guru pendidikan Islam seperti mana yang telah dijelaskan sebelumnya dan dalam kajian ini mendapati bahawa Kaedah Bermain sangat sesuai digunakan dalam menyampaikan pengajaran & pembelajaran mata pelajaran Bacaan Jawi kerana mata pelajaran ini diajarkan pada peringkat rendah bawah persekolahan agama. GPP mengakui akan keberkesanan kaedah bermain menerusi temu bual (TB/B63/GPP/P1/22.9.2017) berikut:

*“Sama jua saya akan banyakan aktiviti , pelbagaikan lagi aktiviti bukan sahaja mengeja, membaca tapi menulis,*

*menyusun huruf, memilih huruf dengan berbantuan pelbagai alat bantu yang saya sediakan. Di sini saya nampak murid yang dulunya lemah mikin meningkat mikin kenal huruf. dan juga yang lemah itu mesti selalu libatkan, yang penting banyak aktiviti supaya murid kesiukan.”*

### **iii. Guru Pendidikan Islam**

Guru-guru pendidikan Islam menghadapi cabaran terutama dalam sama-sama memberikan pengajaran yang terbaik kepada pelajar-pelajar. Justeru, guru Pendidikan Islam seharusnya menggunakan segala kemahiran mengajar yang ada untuk tujuan menarik minat pelajar dan seterusnya menyediakan diri pelajar untuk mengikuti proses pengajaran yang disampaikan kepada mereka. Guru Pendidikan Islam juga perlu membantu pelajar untuk melangkah batasan keupayaan mereka agar dapat terus maju dalam bidang akademik dan juga ko-kurikulum. Ini kerana pendidikan Islam merupakan pendidikan yang bersifat holistik yang akan melahirkan umah yang terbaik.

Guru Pendidikan Islam juga sepatutnya akan sentiasa bersedia untuk membantu pelajar mereka belajar melalui kesilapan yang dilakukan yang mana proses penerokaan pembelajaran perlu diterapkan. Akhirnya Guru Pendidikan Islam juga sangat perlu untuk didedahkan dengan pelbagai strategi, pendekatan, kaedah dan teknik yang bersesuaian untuk menarik perhatian pelajar dan menjadikan pengajaran lebih berkesan. Terdapat tiga jenis strategi yang biasanya diguna pakai, iaitu sama ada berpusatkan guru, berpusatkan pelajar, atau berpusatkan sumber. Pemilihan yang tepat adalah penting agar proses pengajaran yang dilaksanakan berkesan dan dapat menarik perhatian pelajar agar dapat menguasai sesuatu ilmu pengetahuan atau kemahiran yang disampaikan. Pemilihan tersebut bukan hanya setakat

menggunakan teori-teori ilmuan pendidik barat akan tetapi pendedahan kepada teori-teori ilmuan pendidik Islam juga perlu untuk didedahkan dan seterusnya dikuasai oleh Guru Pendidikan Islam.

### **3.10.3 Cadangan**

Berdasarkan dari pada perbincangan di atas yang merangkumi pelbagai aspek utama termasuklah kesedaran Guru Pendidikan Islam sendiri di dalam membuat pemilihan kaedah pengajaran yang sesuai terutama pada mata pelajaran Bacaan Jawi. Oleh yang demikian kajian ini mencadangkan beberapa perkara seperti berikut:

1. Guru-guru pendidikan Islam perlu didedahkan dengan teori-teori pendidikan yang telah dikemukakan oleh ilmuan-ilmuan Islam seperti Ibnu Khaldun, alGhazali, Ibnu Sahnun dan ramai lagi.
2. Perkongsian pandangan atau kaedah pengajaran Bacaan Jawi yang sesuai bagi pelajar rendah bawah perlu dilaksanakan iaitu menerusi satu sesi kongsi sama ataupun bengkel.
3. ABM yang sesuai perlu digunakan di dalam menyampaikan mata pelajaran Bacaan Jawi agar pelajar sentiasa tertarik untuk mengikuti pengajaran yang disampaikan.
4. Buku teks perlu diolah agar lebih menarik dan mudah digunakan oleh pelajar.
5. Bahan bacaan Jawi perlu diperbanyakkan lagi.

### 3.11 KESIMPULAN

Diharap dengan terhasilnya kajian ini nanti, ianya akan dapat memberikan satu sumbangan yang cukup berharga terutama dalam usaha memperkasakan lagi tulisan Jawi itu sendiri khususnya dalam pemilihan kaedah pengajaran yang sesuai digunakan bagi mata pelajaran Bacaan Jawi. Penyampaian pengajaran yang berkesan adalah terhasil melalui pemilihan kaedah pengajaran yang menarik dan apabila pelajar tertarik dengan pengajaran yang disampaikan, masalah kurang minat untuk mempelajari Bacaan Jawi insya-Allah pasti akan dapat diatasi.

### RUJUKAN

- Ab. Halim Tamuri, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff. (2011). *Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ab Halim Tamuri, Kamarulzaman Abdul Ghani, Rosli Mokhtar et al. (2012). *Penilaian pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran kurikulum Pendidikan Islam Bahagian Pendidikan Islam (JAIS) di sekolah-sekolah rendah agama negeri Selangor*. Jurnal Penyelidikan Pendidikan dan Pengajian Islam, Bil. 1, ISSN2231-8291. Februari 2012.
- Ab Halim Tamuri & Mohamad Khairul Azman Ajuhary. (2010). *Amalan pengajaran Guru Pendidikan Islam berkesan berteraskan konsep mu'allim*. Journal of Islamic and Arabic Education 2(1), 2010 43-56.
- Ab Halim Tamuri, Khadijah Abdul Razak, Shahrin Awaluddin, Kamarulzaman Abd Ghani & Mohd Aderi Che Noh. (2006). *Kajian amalan pengajaran Pendidikan Islam di sekolah rendah dan menengah*. Prosiding Seminar IRPA RMK-8, Kategori ERK 2006, Jilid 11. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ab Halim Tamuri, Adnan Yusopp, Kamisah Osman, Khadijah Abdul Razak, Shahrin Awaluddin, Zamri Abdul Rahim.

- (2004). *Keberkesanan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam ke atas pembangunan diri pelajar*. Laporan Penyelidikan Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Abu Bakar Haji Abdul Rahman. Guru Uagama Profesional Lahirkan Sahsia Hebat. *Pelita Brunei*. Dimuat turun pada 4 November 2017 dari [http://www.pelitabrunei.gov.bn/Arkib%20Dokumen/2014/November/pelitabrunei\\_221114.pdf](http://www.pelitabrunei.gov.bn/Arkib%20Dokumen/2014/November/pelitabrunei_221114.pdf)
- Ahmad Busyra Mat Zan. (2013). *Tulisan Jawi Di Negara Brunei Darussalam: Penguasaannya Dalam Kalangan Guru-Guru Sekolah Rendah & Menengah Di Daerah Brunei Muara*. sebuah disertasi M. Ed. Yang tidak diterbitkan) Universiti Brunei Darussalam.
- Ahmad Tafsir. (2006). *Filsafat Pendidikan Islami*. Bandung: Remaja Rosdakarya.
- Al-Ghunaimān. (2011). *Syarḥ Fath̄ al-Majīd Syarḥ Kitāb at-Tauhīd, Juz 6*. Maktabah Syamilah.
- Al-Ghazali, Abu Hamid. (1939). *Ihya Ulum al-Din*. Juzuk 1. Mesir: Mutba'ah Mustafa al-Bab al-Halabi.
- Ali al-Jumbulati dan 'Abdul Futuh at-Tuwānisi. (2002). *Perbandingan Pendidikan Islam*, Jakarta: Rineka Cipta.
- Awang Mohamd Amin. (1989). Tulisan Jawi ke arah penggunaan yang lebih meluas dan berkesan. *Jurnal Dewan Bahasa*, 33(12), 937-941.
- Awang Mohd Jamil Al Sufri. (2008). Satu Pemikiran Mengenai Pendidikan Untuk Brunei Darussalam Berasaskan Islam: Melalui Pengalaman Dan Sejarah. Brunei: Pusat Sejarah.
- Azman Wan Chik. (1986). *Kaedah amali hayati: Satu pendekatan mengajar Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bhasah Abu Bakar, Mohd Nafiruddin Mad Siadid, Abdul Jadid Suwairi et al. (2012). *Persepsi pelajar terhadap keberkesanan program j-QAF dalam kalangan pelajar tingkatan 1 – Satu kajian kes*. Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan IPTA 2012. Johor Bahru: The Zon Regency By The Sea Johor Bahru.



- Che Siah Che Man. (2000). *Pendekatan Pengajaran Jawi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Creswell, J.W. (2005). *Research Design: Qualitative Approaches*. London, UK: Sage.
- Enggen, P. D., & Kauchak, D. P. (2012). *Strategies and models for teacher: Teaching content and thinking skills* (6th ed.). Boston, MA: Allyn & Bacon.
- Ernie Yusnani Hj Md Noor. (2015). *Pembinaan Ujian Diagnostik Untuk Mengesan Tahap Kemahiran Bacaan Jawi Muir-Murid Sekolah Ugama Di Negara Brunei Darussalam*. (sebuah disertasi M. Ed. Yang tidak diterbitkan) Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan.
- Gamal Abdul Nasir Zakaria. (2014). *Tokoh-Tokoh Abadi Pendidikan Islam: Ibnu Sahnun, Al-Qabisi, Ibnu Khaldun*. Brunei Darussalam: Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan.
- Ghazali Darussalam, Sufean Hussin. (2016). *Metodeologi Penyelidikan dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Isahak Haron dan Hassan Basri. (1994). *Laporan Penguasaan Jawi Pelajar Sekolah Menengah*. Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya (tidak diterbitkan).
- Juju Saepudin. (2015). *Model Pembelajaran Dalam Perspektif Ibnu Khaldun: Resepsi Terhadap Kitab Muqaddimah*. EDUKASI: Jurnal Penelitian Pendidikan Agama dan Keagamaan, cetakan ketiga 5 Ogos 2015.
- Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri. 2007. *Pendidikan Islam Kaedah Pengajaran & Pembelajaran*. Johor Bahru: UTM Press.
- Kamarul Azmi Jasmi. (2011). *Pendidikan Islam: Cabaran Di Alaf Baru*. Seminar Pendidikan Islam. Kuala Kangsar: Madrasah Idrisiah. 30 Oktober 2011.
- Kamarul Azmi Jasmi. 2010. *Guru Cemerlang Pendidikan Islam Sekolah Menengah di Malaysia: Satu Kajian Kes*. Tesis PhD, UKM
- Mangantar Simanjuntak. (1987). *Pengantar Psikolinguistik Moden*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan pustaka.
- Mardhiyyah Md Sahmilin. (2012). *Penggunaan 'Kaedah Tiru Macam Saya' membantu menyambung huruf Jawi tunggal*

- dalam kalangan murid tahun tiga. Seminar Penyelidikan Tindakan IPG KBL Tahun 2012.*
- Marshall, Catherine, N.J.W., & Rossman. (1995). *Designing Qualitative Research*. (5th ed). Hillsdale: New Jersey.
- Merriam, B.S. (1988). *Case Study Research In Education: A Qualitative Approach*. California: Josey- Bass Inco.
- Miles, M.B., & Huberman, M.A. (1994). *Qualitative Data Analysis: An Expanded Source Book*, (2nd ed), California: Sage.
- Mohammad Salleh Lebar, Yusof Abdullah, Mazne Othman, & Hurul 'Ain Nukbah Rabaha. (2014). Isu-isu Ejaan Jawi dan Kaedah Memajukannya. *Memperkasa Ejaan Jawi : Isu, Cabaran dan Penyelarasan* (hlm. 1-20). Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan dan Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.
- Mohd Aderi Bin Che Noh. (2008). *Hubungan Antara Amalan Pengajaran Guru Dan Pencapaian Tilawah Al-Quran Pelajar Tingkatan Dua Di Malaysia*. Tesis PhD: Universiti Putra Malaysia
- Mohd Ery Johaizal Ramli. (2009). *Hubungan Antara Tahap Kediaan Pembelajaran Arahan Kendiri dengan Tahap Penggunaan E-Pembelajaran di Kalangan Pelajar UTHM*. Tesis Sarjana. Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Yakub @ Zulkifli Mohd Yusof & Saidi Mohd. (2008). *Keupayaan bacaan Al-Quran di kalangan pelajar tingkatan empat: Kajian di beberapa sekolah menengah terpilih di Terengganu*. AL-Bayan Journal of Al-Quran & al-Hadis. 6: 53-85.
- Muhamad Suhaimi Taat & Mohd Yusof Abdullah. (2014). *Impak Pengajaran Dan Bimbingan Guru Pendidikan Islam Terhadap Motivasi Dan Pembelajaran Terarah Kendiri Pelajar*. Jurnal Pemikir Pendidikan, Vol. 5, pp. 1-17, ISSN 1985-3637: Universiti Malaysia Sabah.
- Muhammad Endut. (1992). *Pendidikan Islam KBSM: Satu kajian tentang masalah pengajaran di sekolah-sekolah di negeri Johor*. Tesis M. Ed., Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Murni Hashim. (2013). *Meningkatkan penguasaan kemahiran membaca dan menjawab perkataan rumi murid tahun 2*

- dengan menggunakan sifir Jawi, Jadual Daftar Ejaan Jawi-Rumi dan Jadual Kelompok Huruf Jawi.* Ipoh: SK Raja Chulan.
- Mustapha Yazid. (1991). *Penguasaan Jawi di kalangan pelajar-pelajar sekolah menengah di negeri Kelantan: Satu kajian khusus di daerah Kota Bharu.* Latihan ilmiah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Muzirah Ab Mokhti & Nurhana Mohamad Rafiuddin. (2013). *Persepsi guru Sains yang mengamalkan lesson study sebagai program pembangunan professional guru terhadap keberkesanan pengajaran dan pembelajaran.* Proceeding of the Global Summit on Education 2013, Kuala Lumpur, 11-12 March 2013. ISBN 978-967-11768-0-1.
- Naquiah Nahar, & Jimain Safar. (2016). *Amalan Pengajaran Jawi Dalam Pendidikan Masa Kini: Suatu Tinjauan.* Tinta Artikulasi Membina Ummah 2(2), 70-85.
- Nik Rosila Nik Yaacob. (2007). *Penguasaan Jawi dan hubungannya dengan minat dan pencapaian pelajar dalam Pendidikan Islam.* Jurnal Pendidik dan Pendidikan Islam, Jld.22, 161-172.
- Nur Hanani Hussin, Mohd Aderi Che Noh, AB Halim Tamuri. (2013). *Elemen Mengenal Murid dalam Pengajaran Guru Cemerlang Pendidikan Islam.* Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Othman Lebar. (2009). *Penyelidikan Kualitatif Pengenalan Kepada Teori dan Method.* Tanjong Malim: Penerbitan Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Qardhawi, Yusof. (1980). *Pendidikan Islam dan madrasah Hassan al-Banna.* Trj.H.Bustami A.Gani, Zainal Abidin Ahmad. Jakarta: Bulan Bintang.
- Rohizani Yaakub, Shahabuddin Hashim, Mohd Zohir Ahmad. (2007). *Pedagogi: strategi dan teknik mengajar dengan berkesan.* Selangor: PTS Professional.
- Sarimah Mokhtar, Ab Halim Tamuri, Mohd Aderi Che Noh et al. (2010). *Amalan Pengajaran Pendidikan Islam: Aplikasi teori menurut perspektif al-Ghazali dan Dunkin Biddle.* 1st International Conference on Islamic Education 2010. 29th

- September – 1st December 2010. Malaysia: Holiday Villa & Suites Subang, pp. 637-646. ISBN 978-967-10160-0-8.
- Shahril @Charil bin Hj Marjuki. 2005. *Amalan Pengajaran yang berkesan: Kajian di beberapa Sekolah Menengah Malaysia*. Pembentangan daam Seminar Penyelidikan Pendidikan Maktab Perguruan Batu Lintang, Batu Lintang.
- Silverman, D. (2002). *Whay Interview*. London, UK: Sage Publications.
- Suhaimi Muhamad. (2007). *Tahap kesediaan guru terhadap pelaksanaan modul pengajaran simulasi bagi mata pelajaran Pendidikan Islam*. Tesis Sarjana. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Sulaiman Ngah Ghazali. (1990). *Ke arah mempertingkat mutu pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah agama rakyat di negeri Perak: Satu kajian*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Stephens, P. dan Crawley, T. 2002. *Becoming an effective teacher*. UK: Nelson Thornes Ltd.
- Totter, R. (1986). The Mystery of Mastery. *Psychology Today*. Vol. 20(7), halaman: 32-38.
- Vales, R. (1950). *Intercarion Process Analysis*. Reading, Ma: Addison- Wesley.
- Webb. E.J., Campbell, Schwartz. D.T., R.D., & Sechrest. (1996). *Unobstrusive Measures*. Chicago: Rand Mc. Nally.
- Yin, R.K. 1994. *Case Study Research: Design and Methods (2nd edition)*. Thousand Oaks: Sage Publications, Inc.
- Zalmiza Zakariya. (2004) *Penerimaan dan penghayatan pelajar terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam: satu kajian di sekolah-sekolah menengah kebangsaan di daerah Kota Setar, Kedah*. Disertasi Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia.

## BAB 4

# **Kerelevanan Tulisan Jawi Dalam Penerokaan Ilmu: Analisa Aplikasi Kod Jawi di dalam Bidang Seni Bina – Ukiran Melayu**

*<sup>1</sup>Nurul Syala Abdul Latip, <sup>2</sup>Noor Hayati Ismail, <sup>3</sup>Nur Aisyah Safwa Rashidi, <sup>4</sup>Syahril Mohamad, <sup>5</sup>Mohd Shahfez Sulaiman, <sup>6</sup>Mohamad Hairi Rosman, <sup>7</sup>Ruhul 'Izzati binti Shahrudin dan <sup>8</sup>Indirawati Zahid*

<sup>1</sup>Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai,  
71800 Nilai, Negeri Sembilan  
Email: nurulsyala@usim.edu.my

<sup>2</sup>Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai,  
71800 Nilai, Negeri Sembilan  
Email: noorhayatiismail@usim.edu.my

<sup>3</sup>Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai,  
71800 Nilai, Negeri Sembilan  
Email: safwarashidi47@gmail.com

<sup>4</sup>Institut Tahfiz Al-Quran lil Muttaqin,  
Jalan Sungai Lalang, Selangor  
Email: ideahead1430@gmail.com

<sup>5</sup>Institut Tahfiz Al-Quran lil Muttaqin,  
Jalan Sungai Lalang, Selangor  
Email: shahfez1229@gmail.com

<sup>6</sup>Institut Tahfiz Al-Quran lil Muttaqin,  
Jalan Sungai Lalang, Selangor  
Email: mhairirby@gmail.com

<sup>7</sup>Institut Tahfiz Al-Quran lil Muttaqin,

Jalan Sungai Lalang, Selangor  
Email: ruhulizzatiium@gmail.com

<sup>8</sup>Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya,  
Kuala Lumpur  
indirawati@um.edu.my

### **Abstrak**

Sejarah telah membuktikan bahawa tulisan jawi telah sekian lama menjadi tulisan yang membolehkan penerokaan ilmu baru berlaku terutama ilmu dari Al-Quran. Sejak ia diperkenalkan di Nusantara, begitu banyak ilmu yang berkembang dengan menggunakan tulisan jawi. Tetapi kini, penerokaan ilmu baru menggunakan tulisan jawi sudah kurang dipraktikkan malah kajian tulisan jawi kini banyak tertumpu kepada seninya. Pengkajian tadabbur Al-Quran yang telah dibuat 16 tahun yang lalu oleh pengkaji dari Maahad Tahfiz Al-Quran lil Muttaqin telah menghasilkan penemuan baru yang dinamakan Kod Jawi. Kod jawi adalah satu sistem pemaknaan Bahasa yang membolehkan penerokaan ilmu menggunakan tulisan jawi berlaku semula. Objektif kertas kerja ini adalah untuk menganalisa aplikasi kod jawi di dalam bidang Seni bina fokus kepada bidang ukiran Melayu. Metodologi kualitatif dengan teknik analisa kandungan kod jawi dan temu bual mendalam telah digunakan di dalam pengkajian ini. Kajian ini mendapati bahawa kod jawi ini mempunyai potensi besar dan dapat digunakan sebagai mekanisme untuk menerokai bidang Seni bina dan memahami falsafah di sebalik ukiran Melayu. Dengan dapatan ini, kod jawi membuka jalan kepada tulisan jawi untuk menjadi relevan semula sebagai tulisan asas dalam penerokaan ilmu baru dan boleh terus dianalisa

kerelevanan kod jawi di dalam penerokaan ilmu di bidang yang lain.

**Kata kunci:** Kod Jawi, Ukiran Melayu, Seni Bina, Penerokaan Ilmu, Tulisan Jawi

- 4.1 Pengenalan 85
  - 4.1.1 Jawi dan perkembangan ilmu ketamadunan Melayu 85
- 4.2 Metodologi Kajian 87
- 4.3 Analisa dan Dapatan Kajian 90
  - 4.3.1 Ukiran Melayu 90
- 4.4 Kesimpulan 99

## **4.1 PENGENALAN**

### **4.1.1 Jawi dan perkembangan ilmu ketamadunan Melayu**

Tulisan jawi dan perkembangan ilmu di dalam ketamadunan Melayu tidak dapat dipisahkan. Keilmuan di alam Melayu berkembang pesat setelah kedatangan Islam (Siti Izzah et.al, 2021). Tulisan jawi telah mula wujud di nusantara seawal tahun ke-3 hijrah yang telah dibuktikan melalui penemuan batu nesan di Kedah yang tertulis 651 Masehi. Bukti tanda terbesar tentang kehebatan tamadun Islam telah termaktub di Batu Bersurat Terengganu yang bertarikh 1303 Masehi yang telah merangkumi pelbagai ilmu termasuk ilmu undang-undang, ilmu Bahasa, ilmu ekonomi, ilmu falak dan ilmu pentadbiran Islam.

Perkembangan tamadun Islam telah berkembang sejak kurun ke-7 Masehi yang dirintis oleh Nabi Muhammad

S.A.W. Perkembangan ini meliputi beberapa benua termasuk benua Asia. Tamadun Islam ini tidak cenderung kepada mana-mana bangsa malah ia bangun didasari ajaran agama Islam itu sendiri. Walaupun pada asalnya ia didominasi oleh bangsa Arab tetapi perkembangan tamadun Islam kemudiannya berekspansi dengan sumbangan dari pelbagai bangsa lain termasuk bangsa Turki semasa kerajaan Uthmaniah dan bangsa Melayu di bahagian nusantara.

Walaupun demikian tidak dinafikan Bahasa Arab yakni bahasa di dalam Al-Quran itu sendiri menjadi tunjang kepada pelbagai Ilmu yang berkembang dari situ. Jadi tidak hairan para ilmuwan dari pelbagai pelosok dunia berusaha mempelajari bahasa arab bagi menguasai ilmu yang berkembang dari Al-Quran. Bagi menyampaikan mesej ilmu dari Al-Quran di Nusantara, tulisan jawi yang lahir dari tulisan arab sebagai terjemahan Al-Quran yang berasas dari tiga puluh (30) huruf hijaiyyah di dalam Al-Quran yang kemudiannya disesuaikan dengan lenggok lidah orang Melayu dengan pengenalan lagi enam (6) huruf tambahan iaitu cha (چ) pa (پ), ga (گ) ,nga (غ) , nya (ن), va (و). Pada asasnya tulisan jawi dan ilmu Al-Quran itu tidak boleh dipisahkan. Peranan tulisan jawi sebagai sumber dalam penyampaian ilmu sangat besar terutama di dalam agama Islam.

Bukti perkembangan ilmu menggunakan tulisan jawi di Nusantara dapat dilihat di dalam manuskrip lama yang masih banyak belum dikaji. Tetapi penggunaannya tidak terhad di dalam bidang agama sahaja malah dalam pelbagai bidang ilmu yang lain seperti yang termaktub di dalam Kitab Taj al-Salatin oleh Bikhari al-Jauhari dan Kitab Bustan al-Salatin karya Nuruddin al-Raniri (Syakila Ahmad et.al, 2018). Seiring dengan Bahasa Melayu yang menjadi lingua Franca pada zaman kegemilangan Melaka suatu ketika dahulu, tulisan jawi turut digunakan sebagai penulisan bahasa Melayu ini dalam pelbagai urusan termasuk pentadbiran dan perkembangan ilmu. Walaupun demikian



kerelevanan tulisan jawi kini sudah semakin pudar apabila ia tidak lagi menjadi tulisan utama di dalam penerokaan ilmu baru. Kebanyakan generasi baru sudah tidak merasai belajar tulisan jawi itu penting kerana tiada tempat yang jelas untuk mengaplikasikannya (Noraziah M.A et.al, 2018). Jauhnya tulisan jawi dari jiwa anak bangsa menjadikan peluang untuk meneroka ilmu Al-Quran itu semakin jauh. Malah, Mansor (2012) menegaskan bahawa tulisan jawi adalah satu penanda aras bagi perkembangan tamadun Islam.

Permasalahan utama kajian adalah kebanyakan tumpuan kepada tulisan jawi banyak difokuskan pada keindahan seninya dan penggunaannya dipapan-papan tanda jalan atau bangunan tetapi tidak lagi digunakan dalam penerokaan ilmu baru. Objektif utama kertas kerja ini adalah untuk mengkaji potensi kod jawi (Rujuk Jadual 1.0) sama ada ia dapat digunakan untuk meneroka ilmu baru. Kod Jawi lahir dari hasil pengkajian Al-Quran sejak tahun 1427 Hijrah oleh Encik Mohamed bin Abbas dari Institut Tahfiz Al-Quran lil Muttaqin. Aplikasi kod jawi ini cuba diterokai di dalam bidang seni bina mengkhusus kepada kajian warisan ukiran melayu. Kajian ini juga akan melihat potensi kod jawi untuk menjadikan tulisan jawi relevan semula di dalam perkembangan ilmu.

## **4.2 METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini menggunakan metodologi kualitatif dengan analisa kandungan falsafah ukiran Melayu menggunakan teknik kod jawi dan hasil temu bual mendalam (in-depth interview) dengan Pengukir Haji Zakaria bin Daud dari Balai Seni Wanpo. Ukiran Melayu yang diteliti di dalam kajian ini adalah hasil kerja dari Balai Seni Wanpo yang dikenali masih memelihara falsafah ukiran Melayu yang sebenar di sebalik setiap ukiran yang dihasilkan sehingga kini. Kajian

tentang falsafah seni adalah satu cabang ilmu falsafah. Ia mengandungi nilai kemahiran, pertukangan, atau kebolehan yang mengutamakan sensitiviti pada persekitaran, kehalusan, keindahan, dan nilai estetik yang tinggi (Mohammed Iqbal et.al, 2019).

Kod jawi adalah satu sistem pemaknaan kata. Hakcipta penghasilan Kod jawi telah pun didaftarkan di Perbadanan Harta Intelek Malaysia di bawah nombor pendaftaran CRDV00000199. Penggunaan kod jawi di dalam pengkajian ini telah pun memperoleh izin guna dari pemunya hakcipta. Kod Jawi mempunyai sistem pemaknaan yang terhasil dari pengkajian lebih 15 tahun dan penemuan yang diperolehi adalah seperti berikut (Rujuk Jadual 4.0):

- 1) terdapat kolerasi di antara susunan huruf jawi dengan susunan surah di dalam Al-Quran;
- 2) setiap huruf jawi mempunyai makna khusus yang dinamakan kod jawi berdasarkan kesimpulan/ intipati setiap surah;
- 3) Dan fenomena ini piawai untuk semua sebutan perkataan yang dibunyikan di dalam Bahasa Melayu.

Jadual 4.1 Menunjukkan sebahagian jadual kod jawi dari huruf alif (ا) hingga huruf (ب) dan dari huruf kaf (ك) hingga huruf nya (ث) (Sumber: Perbadanan Harta Intelek Malaysia: CRDV00000199)

No Surah	Nama Surah	Huruf Jawi	Kod Jawi
Surah 1	فمبوكاءن) سورة الفاتحة	ا	Aturan
Surah 2	ساقفي بتينا) سورة البقرة	ب	Dasar
Surah 3	كلوارك عمران) سورة آل عمران	ت	Ikatan
Surah 4	وانيتنا) سورة النساء	ث	Hubungan
Surah 5	هيدغن) سورة المائدة	ج	Sumber

No Surah	Nama Surah	Huruf Jawi	Kod Jawi
Surah 5 + 6	(هيدغن+ بيناتغ ترنق) سورة المائدة +سورة الأنعام	چ	Sumber Dengan Sifat
Surah 6	(بيناتغ ترنق) سورة الأنعام	ح	Sifat
Surah 7	(تمفت ترنيغكي ) سورة الأعراف	خ	Pentadbiran
Surah 8	(رمقسن فراغ ) سورة الأنفال	د	Hasil
Surah 9	(فغمقونن ) سورة التوبة	ذ	Pengampunan
Surah 10	(يونس ) سورة يونس	ر	Yakin
Surah 22	(حاج ) سورة الحج	ك	Kefahaman pengurusan modal insan
Surah 22+23	(حاج + اورغ ٢ يغ برايمان) سورة الحج + المؤمنون	ك	Kefahaman pengurusan sumber tenaga
Surah 23	( اورغ ٢ يغ برايمان)سورة المؤمنون	ل	Orang-orang yang beriman
Surah 24	(جهاي ) سورة النور	م	Pedoman
Surah 25	(قمبيذا) سورة الفرقان	ن	Pembeza
Surah 26	(فارا فيغير) سورة الشعراء	و	Jelas
Surah 26+27	(فارا فيغير + سموت ) سورة الشعراء + النمل	ف	Jelas berjemaah
Surah 27	(سموت) سورة النمل	ه	jemaah
Surah 28	(چريتا٢ ) سورة القصص	لا	Cerita-cerita
Surah 29	(لاب٢ ) سورة العنكبوت	ء	Muslihat
Surah 30	(الروم ) سورة الرّوم	ي	Tanda-tanda kejayaan
Surah 31	(لقمان ) سورة لقمان	ث	Mentauhidkan kejayaan sistem rangkaian

## 4.3 ANALISA DAN DAPATAN KAJIAN

### 4.3.1 Ukiran Melayu

Seni Ukiran Melayu mempunyai ciri-ciri yang mendalam dengan falsafahnya yang sangat terkait langsung dengan pengajaran Al-Quran dan Sunnah. Menurut Haji Zakaria (2022), sedihnya kini ramai pengukir sudah tidak lagi menjiwai falsafah ini dan rata-rata hanya mengukir dengan skil teknikal dipelajari untuk pengkomersialan semata-mata. Walhal, seawalnya melalui seni ukiran inilah mesej pengajaran dari Al-Quran dan Sunnah dihayati oleh pengukir, diterjemahkan dalam ukiran dan disebarakan kepada masyarakat.

Diantara ukiran Melayu yang paling dikenali adalah ukiran jenis awan larat yang dimanifestasikan melalui elemen tumbuh-tumbuhan yang sangat terkait langsung dengan alam sekitar ciptaan Allah (Rajah 4.1).



Rajah 4.1 Contoh ukiran awan larat (Sumber: Balai Seni Wanpo, 2022)

Menurut Haji Zakaria (2022), perkara paling utama yang perlu difahami disebalik ukiran melayu secara rangka utamanya akan berbentuk simetri/ timbal balik berasaskan kepada kalimah ‘Lailahailallah Muhammad Rasulallah’ yakni ‘Tiada Tuhan yang disembah melainkan Allah dan Nabi Muhammad itu adalah Pesuruh Allah’. Maksudnya ukiran timbal balik ini memmanifestasikan makna ‘Setiap

perintah dari Allah di dalam Al-Quran dilaksanakan dengan sepenuhnya oleh Rasulullah melalui sunnahnya’.

Halusnya pemaknaan disebalik ukiran ini, berdasarkan Prinsip Piagam Melayu (Abdul Latif A.B et.al, 2012) tentang ukiran kayu, falsafah disebalik ukiran Melayu ‘awan larat’ dapat dijelaskan seperti di bawah:

*Tumbuh berpunca  
Punca penuh rahsia,  
Tumbuh tidak menujah kawan  
Memanjat tidak memaut lawan  
Tetapi melingkar penuh mesra*

Penjelasan falsafah ini dibandingkan dengan pemaknaan yang diperolehi dari kod jawi untuk meneliti samada dengan kod jawi dapat menjelaskan ciri-ciri utama falsafah ini. Berikut adalah perincian kod jawi untuk perkataan ukiran Melayu (اوکیرن ملايو) berdasarkan Jadual 4.2.

Jadual 4.2 Perincian Kod Jawi perkataan ukiran Melayu

Huruf	Kod jawi	Kod jawi dalam bentuk ayat
ا	Aturan	Punyai aturan yang jelas dikuasai kefahaman pengurusan modal insan yang punyai tanda-tanda kejayaan, keyakinan dengan adanya pembeza.
و	Yang Jelas	
ك	Kefahaman Pengurusan Modal Insan	
ي	Tanda-tanda kejayaan	
ر	yakin	
ن	Pembeza	
م	Pedoman	Punyai pedoman, cerita-cerita (چريتا <sup>۲</sup> ): punyai sumber dengan sifat, keyakinan yang ada tanda-tanda kejayaan,
لا	Cerita- cerita	

	چ	sumber dengan sifat	punyai ikatan untuk diatur berlandaskan hasil yang jelas aturan) yang ada tanda-tanda kejayaan yang jelas.	
	ر	yakin		
	ي	tanda-tanda kejayaan		
	ت	ikatan		
	ا	aturan		
	۲	د		hasil
		و		jelas
ا		aturan		
ي	Tanda-tanda kejayaan			
و	Yang Jelas			

Berikut adalah perbandingan di antara falsafah ukiran dalam Prinsip Piagam Melayu (Abdul Latif A.B et.al, 2012) dan kod jawi (Rujuk Jadual 4.3). Dapat dilihat dari perbandingan di atas, apa yang terdapat di dalam kod jawi tidak bercanggah malah selari dan bertepatan dengan falsafah ukiran dari Prinsip Piagam Melayu (Abdul Latif A.B et.al, 2012) dan Haji Zakaria juga mengesahkan bahawa:

*‘Pemaknaan dari kod jawi tepat menjelaskan makna disebalik ukiran melayu – tetapi bukan semua pengukir kini dapat menghayatinya seperti mana yang ada di dalam pemaknaan kod jawi ini’*

Jadual 4.3 Perbandingan antara falsafah ukiran dalam Prinsip Piagam Melayu (Abdul Latif A.B et.al, 2012) dengan kod jawi

Falsafah ukiran	Kod jawi perkataan 'ukiran': اوکیرن	Kod Jawi perkataan 'Melayu': ملايو	
Tumbuh berpunca	Punyai aturan yang jelas	Punyai pedoman (Al-Quran dan Sunnah)	
Punca penuh rahsia,		cerita-cerita (چريتا):	punyai sumber dengan sifat,
Tumbuh tidak menujah kawan	keyakinan yang ada tanda-tanda kejayaan,		
Memanjat tidak memaut lawan	punyai ikatan untuk diatur berlandaskan hasil yang jelas aturan		
Tetapi melingkar penuh mesra	keyakinan dengan adanya pembeza.	yang ada tanda-tanda kejayaan yang jelas	

Falsafah disebalik 'Tumbuh berpunca' membawa makna lahirnya manusia di muka bumi ini berpunca dari Yang Satu – Allah S.W.T. Dari kod jawi dapat memperjelaskan makna bahawa jika ia berpunca dari Yang Satu yang pasti ada 'aturan yang jelas' perlu diikuti dengan ikhlas. 'Aturan yang jelas' dan ikhlas ini dapat diperolehi dari 'pedoman Al-Quran dan Sunnah'. Ia dimanifestasikan di dalam penghasilan ukiran ini juga ada 'aturannya yang jelas' dan ikhlas tidak boleh bercampur antara motif awan larat dengan motif yang lain.

*'Punca penuh rahsia'* – Allah S.W.T sebagai punca utama mempunyai banyak rahsia dilangit dan di bumi malah pedoman Al-Quran yakni sumber/punca utama yang diberikan kepada manusia juga penuh rahsia dan jika diamalkan akan membentuk 'sifat' manusia dalam konteks ini orang Melayu itu sendiri. Sebagai pengukir penghayatan yang awal ini adalah pada diri pengukir itu sendiri terlebih dahulu (Haji Zakaria, 2022). Dapat dilihat di dalam ukiran melayu jenis beribu/berpasu pasti akan dimulakan dengan satu punca (Rajah 4.2).



Rajah 4.2 Contoh ukiran awan larat jenis 'beribu' yang bermula dari punca yang satu (Sumber: Balai Seni Wanpo, 2022)

Falsafah *Punca penuh rahsia* ini bertepatan dengan Firman Allah di dalam Quran: Surah Al Baqarah: 33

قَالَ يَا آدَمُ أَنْبِئْهُمْ بِأَسْمَائِهِمْ فَلَمَّا أَنْبَأَهُمْ بِأَسْمَائِهِمْ قَالَ أَلَمْ أَقُلْ لَكُمْ إِنِّي أَعْلَمُ الْغَيْبِ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَأَعْلَمُ مَا تُبْدُونَ وَمَا كُنْتُمْ تَكْتُمُونَ

*Allah berfirman: "Hai Adam, beritahukanlah kepada mereka nama-nama benda ini". Maka setelah diberitahukannya kepada mereka nama-nama benda itu,*



*Allah berfirman: "Bukankah sudah Ku-katakan kepadamu, bahwa sesungguhnya Aku mengetahui rahasia langit dan bumi dan mengetahui apa yang kamu lahirkan dan apa yang kamu sembunyikan?"*

Falsafah seterusnya yang digariskan dalam Prinsip Piagam Melayu (Abdul Latif A.B et.al, 2012) adalah *'Tumbuh tidak menujah kawan, Memanjat tidak memaut lawan'*. Dari kod jawi dapat menjelaskan makna falsafah ini terkait langsung dengan penguasaan 'kefahaman pengurusan modal insan' yang punyai tanda-tanda kejayaan. Seorang pengukir itu perlu menguasai kefahaman untuk menguruskan diri sendiri dan masyarakat dengan tanda-tanda kejayaan. Seawalnya pengukir bertanggungjawab untuk *'tumbuh'* mempelajari, memahami dan mempraktikkan ilmu ukiran yang tepat dari segi falsafah dan seni ukirnya sehingga ia punyai 'keyakinan yang ada tanda-tanda kejayaan' dalam 'menghasilkan' ukiran 'yang jelas aturannya'. Kefahaman falsafah dan skil menggunakan pahat dan pisau perlu diasah bertahun-tahun untuk membina keyakinan yang jitu dalam menghasilkan ukiran yang terbaik. Dalam proses *'tumbuh'* tidak boleh sekali-kali *'menujah kawan'* atau menganiaya kawan. Hubungan silaturrahim itu perlu dipelihara dengan sebaik-baik kerana sebagai manusia kita saling memerlukan diantara satu sama lain. Bertepatan dengan Firman Allah di dalam Quran: Surah An-Nisa: 1

يَا أَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا رَبَّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ نَفْسٍ وَاحِدَةٍ وَخَلَقَ مِنْهَا زَوْجَهَا وَبَثَّ  
مِنْهُمَا رِجَالًا كَثِيرًا وَنِسَاءً وَاتَّقُوا اللَّهَ الَّذِي تَسَاءَلُونَ بِهِ وَالْأَرْحَامَ إِنَّ اللَّهَ كَانَ  
عَلَيْكُمْ رَقِيبًا

*Hai sekalian manusia, bertakwalah kepada Tuhan-mu yang telah menciptakan kamu dari seorang diri, dan dari padanya Allah menciptakan isterinya; dan dari pada keduanya Allah memperkembang biakkan laki-laki dan perempuan yang*

*banyak. Dan bertakwalah kepada Allah yang dengan (mempergunakan) nama-Nya kamu saling meminta satu sama lain, dan (peliharalah) hubungan silaturrahim. Sesungguhnya Allah selalu menjaga dan mengawasi kamu.*


Dalam proses ‘*Memanjat tidak memaut lawan*’ yakni dalam proses meningkatkan diri tidak boleh bersekongkol sekali-kali dengan lawan dan tidak boleh menjatuhkan lawan. ‘*Lawan*’ di dalam konteks ini boleh jadi seseorang musyrik atau sifat kemusyrikan yang mungkin ada pada diri dan juga pesaing dalam bidang yang sama. Berdasarkan pemaknaan kod jawi, ‘Ikatan’ ini perlu ‘diatur’ dengan baik supaya tidak membawa kepada kemudharatan. Ini adalah prinsip orang mukmin yang perlu ada dalam setiap pengukir dan ini juga dipesan kepada masyarakat melalui ukirannya. Ini bertepatan dengan Firman Allah di dalam Quran: Surah At-Taubah:3

وَأَذَانٌ مِّنَ اللَّهِ وَرَسُولِهِ إِلَى النَّاسِ يَوْمَ الْحَجِّ الْأَكْبَرِ أَنَّ اللَّهَ بَرِيءٌ مِّنَ الْمُشْرِكِينَ  
وَرَسُولُهُ فَإِنْ تُبْتُمْ فَهُمْ خَيْرٌ لَّكُمْ وَإِنْ تَوَلَّيْتُمْ فَأَعْلَمُوا أَنَّكُمْ غَيْرُ مُعْجِزِي اللَّهِ وَبَشِّرِ  
الَّذِينَ كَفَرُوا بِعَذَابِ الْبَلِيمِ

*Dan (inilah) suatu permakluman daripada Allah dan Rasul-Nya kepada umat manusia pada hari haji akbar bahwa sesungguhnya Allah dan Rasul-Nya berlepas diri dari orang-orang musyrikin. Kemudian jika kamu (kaum musyrikin) bertobat, maka bertaubat itu lebih baik bagimu; dan jika kamu berpaling, maka ketahuilah bahwa sesungguhnya kamu tidak dapat melemahkan Allah. Dan beritakanlah kepada orang-orang kafir (bahwa mereka akan mendapat) siksa yang pedih.*


Kedua-dua falsafah ‘*Tumbuh tidak menajah kawan*, ‘*Memanjat tidak memaut lawan*’ dapat dilihat di terjemahan mesej ini di dalam seni ukiran awan larat yang diukir batang tidak berselisih seperti di dalam Rajah 4.3.

Falsafah yang terakhir ialah ‘*Tetapi melingkar penuh mesra*’ yang membawa maksudnya seseorang perlu terus berjalan dan maju ke hadapan dengan penuh kemesraan dan tidak mencipta musuh. Berdasarkan kod jawi ini dapat dijelaskan bergerak dengan penuh ‘yakin’ serta dapat ‘membezakan’ antara yang baik dengan yang bathil yakni dengan penuh tatasulisa dengan akhlak yang mulia. Berdasarkan Haji Zakaria (2022) yang baik termasuk rasa hormat-menghormati sesama manusia, dengan orang tua, hormat orang alim dan hormat yang muda. Beliau memaklumkan manifestasi mesej ini dapat dilihat pada perincian ukiran di dalam Rajah 4.4 yang mana batang yang melingkar tidak menyusuri batang yang lain malah melingkar secara mesra di antara batang yang yang lain dengan bentuk ‘lengkungan yang lembut’ dan tidak menggunakan bucu-bucu yang tajam. Teknik pisau juga digunakan untuk menghasilkan ukiran yang lebih lembut dan halus berbanding dengan teknik pahat. Pergerakan hujung daun dan bunga diukir ‘menunduk’ bagi mengingatkan manusia tentang kepentingan untuk sentiasa tunduk dengan Allah dan sifat rendah diri dan tidak sombong (Rajah 4.5). Ia melambangkan Agama Islam yang lembut dan mesra untuk semua manusia.



Rajah 4.3 (Kiri) Contoh batang yang tidak berselisih. (Sumber: Balai Seni Wanpo, 2022)

Rajah 4.4 (Kanan) Pergerakan batang yang diukir adalah mesra dan tidak menyusuk batang yang lain. (Sumber: Balai Seni Wanpo, 2022)



Rajah 4.5 Pergerakan hujung daun dan bunga diukir 'menunduk' (Sumber: Balai Seni Wanpo, 2022)

Dari pemaknaan kod jawi dapat dijelaskan jika pengukir tidak mempunyai 'kefahaman pengurusan modal insan' dengan melaksanakan penghayatan falsafah dan seni ukir yang betul, ia tidak akan membawa 'tanda ke arah kejayaan' yang menyeluruh. Hasil ukiran yang terhasil juga tidak jelas aturannya. Sebagai contoh, ia mungkin dapat mengkomersialkan ukirannya tetapi tidak dapat menyampaikan mesej sebenar dari pedoman Al-Quran dan Sunnah kepada masyarakat. Oleh itu amat penting untuk setiap pengukir menghayati falsafah sebenar yang ada di sebalik ukiran Melayu yang boleh diungkap dengan menggunakan kod jawi.

#### **4.4 KESIMPULAN**

Daripada penelitian, didapati falsafah ukiran Melayu sebenarnya mempunyai rahsia yang begitu besar maknanya dan perlu dijiwai oleh para pengukir itu terlebih dahulu supaya mesej ini sampai kepada masyarakat yang menerimanya. Falsafah ini dapat dihayati dan diungkap dengan dokongan teknik kod jawi. Dapatan kajian dapat disimpulkan bahawa dengan menggunakan kod jawi, ia dapat mendokong penerokaan kajian dalam bidang seni bina ukiran melayu. Kod jawi dapat membantu dalam memahami falsafah di sebalik sesuatu perkataan itu dengan lebih baik dan lebih mendalam serta terperinci.

Dari kajian ini dapat disimpulkan bahawa kod jawi mempunyai potensi yang sangat tinggi sebagai satu teknik yang boleh digunakan untuk pengkajian dan penerokaan ilmu baru. Adalah disyorkan pengkajian diteruskan dalam pelbagai bidang lain untuk menguji keberkesanan kod jawi sebagai teknik kajian kerana pembuktian dapatan seterusnya akan dapat mengukuhkan lagi kedudukan tulisan jawi untuk menjadi relevan semula di dalam perkembangan ilmu dunia.

## RUJUKAN

- Abdul Latif A.B et.al, *Jati Diri dan Patriotisme. Teras Peradaban Malaysia*, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak. 2012
- Mansor, Sulaiman. Tulisan Jawi Sebagai Penanda Aras Penguasaan Tamadun Islam di Nusantara : Meneladani Peranan Tamadun Islam Silam Dalam Mengukuhkan Penggunaan Tulisan Jawi. In: Seminar Kebangsaan Tulisan Jawi & Teknologi, 18 October 2012 , Universiti Malaysia Pahang. pp. 1-9.2012 (Unpublished)
- Mohammed Iqbal et.al, Teori Dan Kaedah Analisa Terhadap Nilai Apresiasi Motif Reka Corak Tradisional Melayu: Satu Perbandingan Umum. *International Journal of Heritage Art and Multimedia*, Vol. 2 Isu 5,ms 56-71, 2019.
- Noraziah M.A et.al, *Pemeliharaan Tulisan Jawi dan Penggunaan Tulisan Jawi di Media: Kajian Persepsi Pelajar Melayu di UNITEN*, Vol. 3 No. 2: Jurnal Sains Insani. 2018
- Perbadanan Harta Intelek Malaysia: CRDV00000199
- Quran Terjemahan
- Siti Nurul Izza et.al, *Tulisan Jawi Pelopor Keilmuan Di Alam Melayu: Satu Kajian Awal*, MANU Bil. 32(2), 19-34 (Disember) (E-ISSN 2590-4086) 2021.
- Shakila Ahmad, Hussain Othman, Rafiuddin Afkari, Mikdar Rusdi & Muhammad Hisyam Abdul Rahim. *Tinjauan terhadap cabaran semasa tulisan Jawi sebagai warisan masyarakat peradaban bangsa Melayu*. *Journal of Techno Social*, 10(1), 57-62. 2018
- Zakaria bin Daud. Temubual di Balai Seni Wanpo.2022

BAB 5

**KAEDAH PENGAJARAN  
KURSUS JAWI SECARA  
DALAM TALIAN DI  
UNIVERSITI SELANGOR:  
SUATU TINJAUAN**

<sup>1</sup>*Mohd Adlin bin Salleh*, <sup>2</sup>*Mumtazah binti Narowi dan*  
<sup>3</sup>*Hafizah binti Kusnek@Khusni*

<sup>1</sup>Pusat Pengajian Asasi & Umum,  
Universiti Selangor  
Email: mohdadlin@unisel.edu.my  
0133780394

<sup>2</sup>Pusat Pengajian Asasi & Umum,  
Universiti Selangor  
Email: azah83my@unisel.edu.my  
0193604247

<sup>3</sup>Fakulti Pendidikan & Sains Sosial,  
Universiti Selangor  
Email: hafizah@unisel.edu.my  
0196111250

**Abstrak**

Jawi merupakan suatu kaedah penulisan yang menjadi identiti masyarakat Melayu dan merupakan khazanah warisan tamadun Melayu. Walau bagaimanapun, kemerosotan penulisan Jawi bermula setelah pengenalan terhadap Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 yang memberi

ruang kepada penulisan Rumi sebagai tulisan rasmi negara Malaysia. Namun, kesedaran masyarakat kini telah mengembalikannya martabat tulisan Jawi sebagai satu warisan budaya masyarakat Melayu yang telah diterapkan dalam pendidikan di sekolah mahupun di peringkat pengajian tinggi. Penguasaan penulisan Jawi yang lemah dalam kalangan pelajar memerlukan kaedah pengajaran yang lebih berkesan. Pandemik Covid-19 juga turut memberi kesan terhadap proses pengajaran dan pembelajaran. Kaedah pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian dipilih sebagai kaedah alternatif dalam melaksanakan proses tersebut. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti kaedah pengajaran kursus Jawi secara dalam talian di Universiti Selangor. Kajian ini juga mengenal pasti isu dan cabaran dalam proses pengajaran kursus Jawi secara dalam talian di Universiti Selangor. Kaedah kualitatif digunakan dalam kajian ini. Kaedah kepustakaan dan analisis dokumen digunakan dengan meneliti data daripada artikel ilmiah, laporan kajian serta dokumen penyelidikan berkaitan pengajaran Jawi. Kaedah temu bual semi berstruktur juga digunakan dalam kajian ini terhadap tenaga pengajar bagi kursus Jawi. Hasil kajian ini mendapati bahawa pensyarah menggunakan platform google meet dan UNISEL Online Web Conferencing Platform (OWC) dalam proses pengajaran kursus Jawi secara dalam talian di Universiti Selangor. Walau bagaimanapun, pensyarah menghadapi cabaran dalam proses pengajaran terutama ketika memberi kefahaman terhadap pelajar untuk menguasai teknik penulisan Jawi. Pensyarah juga lebih memilih kaedah secara bersemuka terutama sewaktu memberi kefahaman terhadap pelajar.

**Kata kunci:** Jawi, Melayu, Pengajaran, Dalam Talian.



- 5.1 Pengenalan 103
- 5.2 Objektif Kajian 104
- 5.3 Sorotan Literatur 105
- 5.4 Metodologi Kajian 107
- 5.5 Amalan Pengajaran Jawi 108
- 5.6 Kaedah Pengajaran Jawi Era Pandemik 109
- 5.7 Isu Dan Cabaran Pengajaran Jawi Di Universiti Selangor 112
- 5.8 Kesimpulan/Cadangan 114

## **5.1 PENGENALAN**

Tulisan Jawi sudah terbukti menjadi salah satu daripada elemen keagungan dan kemapanan Tamadun Melayu di nusantara. Ia berjaya membangunkan keintelektualan Melayu di samping menyatukan bangsa Melayu menerusi bidang pendidikan. Dewasa ini peningkatan kefahaman tentang kepentingan khazanah Melayu Islam ini berlaku semakin ketara menerusi kewujudan kelas-kelas pengajaran dan pembelajaran Jawi di pelbagai peringkat sama ada di peringkat rendah, menengah malahan di institusi pengajian tinggi. Universiti Selangor (UNISEL) juga merupakan salah satu Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) yang turut menawarkan kursus Jawi bermula dengan penawaran program Diploma Pendidikan Pengajian Islam di bawah Fakulti Pendidikan dan Sains Sosial. Program ini menawarkan kursus EID3151 Kemahiran Jawi dan Khat dengan nilai satu jam kredit. Setelah itu, program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Islam telah ditawarkan di fakulti yang sama dan program ini turut menawarkan kursus EIS2151 Pengajaran Jawi dengan nilai satu jam kredit. Kursus Kemahiran Jawi dan khat di peringkat Diploma mengkhususkan pengajaran tentang pengkaedahan tulisan

Jawi dan seni khat. Manakala di peringkat Ijazah Sarjana Muda memfokuskan tentang pengkaedahan tulisan Jawi dan teknik penulisan Jawi.

Walau bagaimanapun, pengajaran dan pembelajaran Jawi yang selama ini dilakukan secara bersemuka di antara guru dan pelajar menghadapi pelbagai cabaran dan pengalaman baharu apabila Malaysia menghadapi ujian pandemik Covid-19. Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah dikenakan di seluruh negara bertujuan untuk mengekang dan memutus rangkaian virus bahaya ini daripada merebak bermula pada 18 Mac 2020 yang lalu. Akibatnya proses pengajaran seluruh negara mula diubah kepada pengajaran secara dalam talian termasuk di UNISEL. Pengajaran baharu ini amat bergantung kepada sistem teknologi komunikasi terkini khususnya penggunaan peranti-peranti seperti komputer riba dan telefon pintar di samping memerlukan capaian internet yang tinggi. Menurut Ehwan Ngadi, terdapat tiga cabaran besar kepada pendidik sepanjang pelaksanaan pengajaran secara atas talian iaitu capaian dan kestabilan internet, pengurusan emosi dan pentaksiran secara holistik.

Justeru, kajian ini dibuat adalah untuk meninjau sejauhmana senario pengajaran tulisan Jawi dilakukan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat pandemik Covid-19 di UNISEL, sebuah daripada institusi pengajian tinggi swasta yang mendokong aspirasi pendidikan negara demi mengangkat dan mengembalikan status tulisan Jawi ke persadanya.

## **5.2 OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif kajian adalah seperti berikut:

1. Mengetahui pasti kaedah pengajaran kursus Jawi secara dalam talian di Universiti Selangor (UNISEL).

2. Mengenal pasti isu dan cabaran dalam proses pengajaran kursus Jawi secara dalam talian di UNISEL.

### 5.3 SOROTAN LITERATUR

#### *Pengajaran Dalam Talian*

Perkembangan pesat teknologi khususnya evolusi internet telah mencabar konsep dan teori pendidikan tradisional yang banyak bergantung kepada penggunaan bilik darjah dan metod bersemuka antara guru dan pelajar. Penggunaan teknologi dalam pendidikan khususnya secara pembelajaran dalam talian semakin menjadi pilihan dan kemudahan yang seiring dengan perkembangan Revolusi Industri 4.0. Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) menerusi Pelan Strategik Pendidikan Tinggi telah menggagaskan kaedah *Blended Learning* atau *Hybrid learning* sebagai salah satu kaedah untuk mencapai tahap daya saing tinggi Malaysia ke peringkat global menerusi bidang pendidikan. Kaedah ini banyak menggunakan teknik pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara dalam talian.

Namun sistem dan kaedah ini juga berdepan dengan masalah dan cabaran. Tinjauan oleh Anuar Hasin, Zainora Daud dan Norazman Alias mendapati cabaran terbesar yang dihadapi oleh para pelajar sepanjang tempoh PKP ialah capaian internet yang rendah, talian sering terputus dan tidak menyeluruh. Masalah ini timbul kerana kediaman pelajar yang berada di luar kawasan liputan internet, langganan data yang kecil, gangguan cuaca dan lain-lain.

Sementara itu Syed Lamsah Syed Chear ketika meninjau kesediaan dan keupayaan pelajar di Fakulti Pendidikan Sains Sosial, UNISEL terhadap pembelajaran melalui saluran *WhatsApp* dan *Telegram* (m-pembelajaran) mendapati rata-rata mereka tidak terdedah kepada kaedah ini

tetapi bersedia untuk mempelajarinya dan berfikiran positif terhadap kemampuan m-pembelajaran untuk mengangkat imej institusi dan kebolehpasaran graduan. Namun kajian ini adalah sebelum berlakunya ujian wabak pandemik pada penghujung 2019 yang lalu.

### *Pengajaran Jawi di Institusi Pengajian Tinggi*

Asyraf Ridhwan dan Berhanuddin dalam kajian mereka mendapati kesinambungan pengajaran dan pembelajaran Jawi di peringkat rendah terputus apabila para pelajar tidak lagi didedahkan dengan subjek ini di peringkat menengah. Ia melahirkan generasi muda yang agak lemah penguasaan dan kemahiran Jawi. Demikian juga fakulti-fakulti pengajian Islam seperti Usuluddin, Syariah, Dakwah dan lain-lain juga tidak memberi penekanan serius terhadap keperluan ini menyebabkan graduan-graduan pengajian Islamnya tidak terdedah dengan sistem ejaan Jawi terkini.

Menurut Muhammad Bukhari Lubis terhadap aspek pengajaran Jawi di universiti-universiti tempatan iaitu Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Malaya (UM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Sains Malaysia (USM) dan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) pula mendapati tiada sebarang pengajaran Jawi secara formal dan tersendiri di pusat-pusat pengajian tinggi ini kecuali di Jabatan Kesusasteraan Melayu Universiti Malaya yang menawarkan Kajian Tulisan Jawi dalam Teks Sastera. Juga di Universiti Putra Malaysia (UPM) menerusi Pengajaran Jawi dan Khat bernilai 3 jam kredit melalui Jabatan Bahasa dan Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi. Di sini aspek teori penulisan Jawi diberikan tumpuan manakala 30% daripada masanya difokus kepada amali kemahiran khat.

Bermula tahun 2020, UPSI telah mengimarahkan penulisan Jawi dengan tujuan memartabatkan aksara tersebut sebagai warisan negara. Kursus Jawi merupakan

kursus minor di UPSI dan ditawarkan kepada pelajar di bawah program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Bahasa Melayu, Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu di Fakulti Bahasa dan Komunikasi. Ia menjadi subjek wajib lulus bagi pelajar yang mengikuti kursus tersebut. Sebenarnya pelaksanaan kursus Jawi di IPT telah dipersetujui sebagai satu langkah memelihara warisan bangsa Melayu. Satu kajian juga pernah dibuat ke atas pelajar Universiti Tenaga Nasional (UNITEN). Majoriti pelajar Melayu bersetuju bahawa tulisan Jawi merupakan suatu lambang identiti bangsa Melayu dan Melayu beragama Islam.

Sebelum itu Faisal @ Ahmad Faisal bin Abdul Hamid dan Niswa @ Noralina binti Abdullah pernah mengkaji penguasaan tulisan Jawi di kalangan mahasiswa pengajian Islam di IPTA tempatan. Hasilnya ialah hampir kesemua mereka amat berminat untuk menggunakan tulisan ini serta cenderung pula untuk memantapkan tahap kepandaian menulis dalam Jawi. Namun kekurangan sumber bacaan, kekeliruan sistem ejaan, masa yang lama untuk mengeja dan menulis Jawi dan lain-lain menjadi antara hambatan yang menyebabkan tulisan ini kurang diguna pakai. Akhirnya penggunaan tulisan Jawi menjadi terbatas malahan ada responden yang tidak pernah menggunakannya dalam penulisan mereka.

#### **5.4 METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini menggunakan data kualitatif yang merangkumi kaedah kepustakaan dan analisis dokumen dengan meneliti data daripada artikel ilmiah, laporan kajian serta dokumen penyelidikan berkaitan pengajaran Jawi. Kaedah temu bual juga turut digunakan dalam kajian ini. Temu bual adalah alat pengumpulan data yang paling menonjol dalam

penyelidikan kualitatif. Ia merupakan kaedah yang sangat baik untuk meneroka persepsi dan pandangan, definisi dan makna sesuatu situasi dan pembinaan realiti. Ia juga salah satu kaedah untuk memahami situasi orang lain.

Kajian ini menggunakan kaedah temu bual semi berstruktur terhadap tenaga pengajar kursus Jawi di UNISEL. Dalam temu bual semi struktur, pengkaji akan menyoal soalan yang telah dibina sebelum sesi temu bual dijalankan, namun pengkaji juga diberi kebebasan untuk menambah soalan bagi mendapatkan data yang lebih terperinci. Dalam kajian ini, hanya seorang pensyarah sahaja yang terlibat dalam sesi temubual kerana kursus ini hanya ditawarkan bagi pelajar yang mengambil Diploma dan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Pengajian Islam). Hanya seorang pensyarah sahaja yang mengajar kursus Jawi di UNISEL iaitu Puan Rabiatul Aribah binti Muhammad Isa @Omar dari Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Pendidikan dan Sains Sosial.

## **5.5 AMALAN PENGAJARAN JAWI**

Pengajaran merupakan suatu proses yang dirancang secara sistematik, bermula dengan langkah merancang pengajaran, permulaan pengajaran, perkembangan konsep dan diakhiri dengan aktiviti peneguhan dan pengukuhan secara tersirat atau tersurat. Kaedah pengajaran yang baik seharusnya mempunyai langkah-langkah dan strategi yang tersusun, objektif yang boleh dicapai, matlamat yang terang dan jelas. Dengan pemilihan kaedah tepat ianya mampu memberikan kesan yang mendalam kepada kefahaman, jiwa dan perasaan pelajar itu sendiri. Hasilnya kelihatan apabila pelajar dapat menerima pengajaran yang disampaikan dan kemudiannya dapat mengaplikasikan ilmu yang diperolehi dengan baik.

Amalan pengajaran jawi, ia amat berkait rapat kepada pengetahuan, penguasaan dan kepakaran guru dalam mata pelajaran yang diajar, di samping kemahiran dalam mengaplikasikan strategi, pendekatan, kaedah serta teknik dalam pengajaran sebagai proses penyampaian ilmu pengetahuan kepada para pelajar.

Pelajaran Jawi merupakan salah satu bidang yang disusun dan diselaraskan dari sudut pengetahuan, kemahiran dan nilai yang terdapat dalam mata pelajaran Pendidikan Islam di Malaysia. Oleh kerana pentingnya penguasaan Jawi, maka mata pelajaran Jawi telah diajar bukan sahaja di peringkat rendah tetapi juga sehingga peringkat institut Pengajian Tinggi. Dalam konteks pengajaran jawi di Universiti Selangor, guru bukan sekadar memindah, mengajar dan menyampaikan ilmu pengetahuan, tetapi untuk membolehkan para pelajar menguasai ilmu-ilmu dalam pendidikan Islam, seperti Asuhan Tilawah Al-Qur'an, Akidah, Ibadah dan Sirah serta Adab dan Akhlak Islamiah. Adalah diharapkan agar penguasaan dan pengetahuan jawi boleh meningkatkan kemampuan pelajar dalam memahami kandungan ilmu dalam Pendidikan Islam dan memartabatkannya sebagai seni warisan budaya bangsa Melayu yang tidak wajar dipinggirkan. Penguasaan jawi membolehkan guru menyampaikan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam mata pelajaran Pendidikan Islam dengan berkesan selaras dengan keperluan pengajaran abad ke-21.

## **5.6 KAEDAH PENGAJARAN JAWI ERA PANDEMIK**

Fenomena pandemik Covid-19 telah membuka minda dan memberi perspektif baharu terhadap pelaksanaan pendidikan

dan mengubah landskap pembelajaran daripada bersemuka kepada pembelajaran secara dalam talian. Penggunaan teknologi untuk berkomunikasi dengan pelajar merupakan satu-satunya pilihan yang ada agar proses PdP tidak terhenti. Secara idealnya, pembelajaran maya yang disarankan di Universiti Selangor adalah menggunakan pendekatan pembelajaran dalam talian secara bersemuka (Synchronous Learning) atau secara tidak bersemuka (Asynchronous Learning). Platform pembelajaran yang disarankan pula menggunakan pelantar Microsoft Teams, Google Meet, Big Blue Button (OWC), Zoom, dan sebagainya.

Sebelum pandemik, kaedah pengajaran bersemuka membolehkan aktiviti pengajaran mendengar-bertutur, kaedah membaca – menulis, kaedah memerhati dan membuat dijalankan seperti kaedah pandang sebut, kaedah huruf (abjad), kaedah bunyi (fonetik), kaedah mengeja/mematang, kaedah imlak, kaedah latih tubi, kaedah permainan dan kaedah nyanyian. Kaedah pengajaran ini bersifat tradisional, mempunyai gaya interaksi sehalu, berfokuskan guru dan agak membosankan. Kaedah yang dijalankan melibatkan peranan guru secara aktif dalam bilik kuliah dan diikuti dengan aktiviti berkumpulan bagi memperkukuhkan kefahaman dan kemampuan pelajar.

Strategi yang dilaksanakan dalam pengajaran jawi adalah secara berkumpulan dan individu, di mana pelajar dengan kemampuan yang sama akan merancang dan melakukan aktiviti pembelajaran bersama-sama. dengan memastikan setiap pelajar memperolehi kefahaman secara bertahap dan beransur-ansur. Manakala strategi pengajaran jawi secara individu pula, pelajar dengan masalah yang berbeza dan tahap kefahaman yang berlainan akan dibimbing menggunakan teknik perancah pengajaran bagi memastikan pelajar yang lebih baik kefahamannya membantu rakan lain yang lemah penguasaan dan



kefahaman untuk turut menguasai pembelajaran yang diberikan.

Namun setelah bermula pembelajaran dalam talian, kaedah pengajaran interaktif yang menjadi satu alternatif kepada para pensyarah dalam meneruskan kesinambungan pendidikan dan pembelajaran di institusi pendidikan. Penggunaan kaedah pengajaran interaktif khususnya bagi mata pelajaran jawi menuntut pensyarah untuk menjadi lebih kompetan dalam menguasai teknologi yang menjadi alat memudahcara pengajaran. Kaedah pengajaran interaktif memerlukan pelajar untuk diajar secara selektif dan pada masa yang singkat, dan hanya digunakan pada tahap tertentu pelajaran, untuk tujuan tertentu, dalam jangka waktu tertentu. Kaedah pembelajaran interaktif seperti brainstorming, permainan peranan dan perbincangan perlu diperkembangkan agar hasil pembelajaran yang diharapkan diperolehi.

Bukan sahaja pensyarah, malah pelajar sendiri masih tidak memahami intipati kaedah pengajaran interaktif apabila sebahagian besar pelajar menjadi pasif dan hanya semata-mata mendengar pengajaran pensyarah dalam pelantar maya serta kurang berkomunikasi. Dalam konteks pengajaran jawi, pensyarah menjadi yang pemimpin yang aktif dan pada masa yang sama berusaha untuk membina kefahaman pelajar dengan realiti yang hanya pelajar sahaja yang tahu.

Konsep pengajaran Jawi boleh disimpulkan sebagai proses guru menyampaikan pengetahuan dan mengasah kemahiran pelajar melalui aktiviti-aktiviti yang dirangka dalam langkah-langkah pengajaran berlandaskan implementasi strategi, pendekatan, kaedah serta teknik pengajaran yang bermatlamat untuk membentuk kemahiran membaca, menulis dan mengajar Jawi dengan baik. Hakikatnya keberkesanan pengajaran seorang guru masih lagi terletak kepada kemampuan guru dari sudut pengajaran, kaedah pengajaran dan keperluan pelajar dalam sesebuah

kelas. Justeru, ilmu pengetahuan mengenai psikologi pelajar, pedagogi, teknik dan strategi pengajaran amat diperlukan bagi memantapkan proses pengajaran dan pembelajaran secara bersemuka atau maya.

## **5.7 ISU DAN CABARAN PENGAJARAN JAWI DI UNIVERSITI SELANGOR**

Pandemik Covid-19 yang berlaku memberikan banyak perubahan dalam sistem pendidikan di Malaysia terutama dari aspek pengajaran dan pembelajaran. Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengambil inisiatif dengan menyediakan modul Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) sebagai langkah alternatif dalam pengendalian sistem persekolahan. Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) juga telah mengeluarkan kenyataan media untuk membenarkan semua Universiti Awam (UA) dan Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) melaksanakan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) secara dalam talian. Unisel juga turut terlibat dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian agar sistem pengajaran terus berjalan walaupun dalam keadaan pandemik ini.

Sistem pengajaran secara bersemuka merupakan satu kaedah yang digunapakai sebelum pandemik ini berlaku. Hasil temu bual bersama pensyarah yang mengajar kursus Jawi iaitu Puan Rabiatul Aribah mendapati bahawa terdapat beberapa isu dan cabaran dalam pengajaran Jawi khususnya semasa dalam arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

*Pelajar lemah dalam penguasaan tulisan Jawi.*

Penulisan Jawi ini telah diperkenalkan bermula dari peringkat prasekolah. Pada peringkat ini kanak-kanak mampu membaca suku kata dan membentuk huruf asas Jawi.

Penulisan Jawi juga turut diajar di peringkat sekolah rendah dan menengah. Namun, terdapat segelintir pelajar di UNISEL masih lagi kurang dalam penguasaan tulisan Jawi. Kaedah pembelajaran secara berkumpulan merupakan kaedah yang dapat membantu dalam meningkatkan penguasaan Jawi. Pelajar akan diagihkan dalam kumpulan supaya pelajar yang menguasai Jawi dapat membantu pelajar lain .

Namun pada awal pandemik Covid-19, pembelajaran secara dalam talian memberikan sedikit cabaran kepada pelajar apabila pelajar tidak dapat bersemuka untuk membuat ulangkaji secara berkumpulan. Pensyarah juga tidak dapat memantau dengan lebih teliti seperti mana yang dilakukan di dalam kelas.

### *Kaedah pengajaran*

Kaedah pengajaran kursus Jawi secara bersemuka dan dalam talian mempunyai perbezaan dari sudut pelaksanaannya. Sebelum pandemik ini berlaku, kaedah pengajaran yang dilaksanakan adalah secara bersemuka. Kaedah ini memudahkan pensyarah dan pelajar untuk berinteraksi. Berbeza dengan pengajaran secara dalam talian. Pelajar agak sukar untuk memahami terutama yang melibatkan aspek praktikal seperti penulisan. Walaupun pengajaran secara dalam talian, aktiviti yang berbentuk praktikal masih dilaksanakan. Namun begitu, tumpuan pelajar agak kurang berbanding kelas secara bersemuka.

Pada awal pengenalan pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian, isu capaian internet merupakan suatu cabaran kepada pensyarah untuk mendapatkan keberkesanan dalam pengajaran. Terdapat sebilangan pelajar yang berada di kawasan yang kurang liputan jalur lebar, menyukarkan pelajar untuk mengakses pautan kuliah.

### *Pemantau pelajar*

Selain pengajaran di dalam kelas, pelajar juga diwajibkan menghadiri seminar atau bengkel pemantapan Jawi yang dianjurkan oleh Munsyi Dewan, Dewan Bahasa dan Pustaka. Ini merupakan satu kaedah pengajaran luar kelas yang dilaksanakan di UNISEL. Sejak bermula kaedah pengajaran secara dalam talian, tidak lagi membenarkan pelajar untuk menghadiri seminar atau bengkel secara bersemuka. Pelajar hanya diwajibkan menghadiri seminar atau bengkel Jawi secara dalam talian sahaja seperti di laman Facebook. Walau bagaimanapun, terdapat isu kesukaran pensyarah untuk memantau kehadiran pelajar dalam seminar atau bengkel tersebut kerana ia dijalankan secara dalam talian. Isu ini menjadi satu cabaran kepada pensyarah untuk memastikan pelajar hadir dalam seminar dan bengkel tersebut.

Walaupun terdapat beberapa isu dan cabaran dalam konteks pengajaran, tidak dinafikan juga terdapat isu dalam konteks pembelajaran pelajar terutama yang melibatkan capaian internet. Namun, setelah 2 tahun pandemik ini berlaku, kaedah pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian telah menjadi kebiasaan bagi pensyarah dan pelajar. Pelajar juga boleh mendapat capaian internet setelah kebenaran pelajar kembali ke kampus dibenarkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi.

## **5.8 KESIMPULAN/CADANGAN**

Kesimpulannya, hasil kajian ini mendapati proses pengajaran dan pembelajaran tulisan Jawi di UNISEL berupaya untuk membantu proses membina kemahiran dan kesedaran generasi muda kepada warisan penting ini. Penentuannya sebagai subjek wajib di peringkat Diploma

dan Ijazah Sarjana Muda di Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Pendidikan dan Sains Sosial, UNISEL diyakini dapat menjana kesungguhan pelajar yang mengambil subjek ini untuk memahirkan diri dan seterusnya menguasai khazanah ilmu yang berharga ini. Malah pembelajaran tulisan Jawi dalam norma baharu secara dalam talian juga menambah keyakinan terhadap kesungguhan tinggi dan minat berterusan UNISEL untuk sama-sama memartabatkan pusaka bangsa ini.

Dalam memperkasakan kursus Jawi di UNISEL, pengkaji mencadangkan agar kursus Jawi ini ditawarkan sebagai salah satu kursus elektif di UNISEL yang bukan sahaja ditawarkan kepada pelajar di Jabatan Pengajian Islam tetapi kepada semua pelajar. Melalui cara ini, tujuan untuk memaju dan menjana lebih ramai generasi muda yang memiliki kesedaran dan kemahiran tinggi pada ilmu ini dapat dicapai. Selain itu, para pelajar perlu didedahkan dengan kempen-kempen Sedar-Jawi yang berterusan menerusi siri-siri pameran Jawi, bengkel dan pertandingan menulis Jawi, dedah-temu tokoh-tokoh Jawi yang masih ada di tanahair dan lain-lain. Semoga ia mampu merangsang semangat dan minat berterusan generasi muda ini.

## RUJUKAN

- Akmariah Mamat dan Sofiah Ismail. (2010)., Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran Guru Pemulihan Jawi Di Malaysia. *Proceedings of The 4th International Conference on Teacher Education; Join Conference UPI & UPSI Bandung, Indonesia*, 8-10 November 2010, 321-329.
- Anuar Hasin, Zainora Daud & Norazman Alias. 2020. "Cabaran Pelaksanaan Pembelajaran Ilmu Tajwid Secara Dalam Talian Dalam Fasa PKP: Kajian Di Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia". Kertas kerja dibentangkan *Seminar Antarabangsa Islam*

- Dan Sains (SAIS 2020). USIM, 15 October 2020.*  
<https://oarep.usim.edu.my/jspui/handle/123456789/6853>
- Asyraf Ridwan, A & Berhanundin, A. 2015. Proceedings of ICIC2015 - International Conference on Empowering Islamic Civilization in the 21st Century: Falsafah Pendidikan Jawi Dalam Memperkasakan Tamadun Islam Di Malaysia, Fakulti Kontemporari Islam, UNISZA, Terengganu. 6-7 September 2015. 574-585:  
[https://www.unisza.edu.my/icic/images/Fullpaper/67\\_-Asyraf\\_Ridwan\\_Ali.pdf](https://www.unisza.edu.my/icic/images/Fullpaper/67_-Asyraf_Ridwan_Ali.pdf)
- Bernama. (26 Disember 2019). *UPSI jadikan 2020 tahun mengimarahkan Jawi.*  
<https://www.astroawani.com/berita-malaysia/upsi-jadikan-2020-tahun-mengimarahkan-tulisan-Jawi-226333>.
- Chaturvedi, S. Purohit, S. & Verma, M., Effective Teaching Practices for Success During COVID 19 Pandemic: Towards Phygital Learning. *Front. Educ.* (2021): 6:646557. doi: [10.3389/educ.2021.646557](https://doi.org/10.3389/educ.2021.646557). Diakses pada 8 Februari 2022
- Chua, Y. P. (2012). *Mastering Research Method*. McGraw-Hill Education.
- Ehwan Ngadi. “Covid-19: implikasi Pengajaran dan Pembelajaran Atas Talian”. Lihat:  
<https://www.usim.edu.my/news/in-our-words/covid19-implikasi-pengajaran-dan-pembelajaran-atas-talian/>.
- Faisal @ Ahmad Faisal bin Abdul Hamid, Niswa @ Noralina binti Abdullah. 2009. “Penguasaan Tulisan Jawi Di Kalangan Mahasiswa Pengajian Islam: Kajian Di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) Tempatan”. *Jurnal Al-Tamaddun, Bil. 4 (2009) 145-156*.
- Fauzi Suhaimi. 2020. *KPT benarkan UA, IPTS laksanakan PdP dalam talian.* Astro Awani.  
<https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpt-benarkan-ua-ipts-laksanakan-pdp-dalam-talian-234541>
- Jabatan Pembangunan Kemahiran. 2020. Cabaran Pembelajaran Online-Cadangan Mengatasinya.  
<http://jpkmalaysia.com/cabaran-pembelajaran-online-cadangan-mengatasinya/>.

- Keith F Punch & Alis Oancea. (2014). *Introduction to Research Methods in Education*. Sage Publication Ltd.
- Kementerian Pendidikan Malaysia, *Garis Panduan Pelaksanaan Program j-QAF*, (Bahagian Pendidikan Islam, 2015)
- Makmur Harun, Muhammad Bukhari Lubis & Mohamad Ramadhan Habibi. 2012. Kaedah Pengajaran Seni Khat Dan Jawi Di Universiti: Sistem Pengajaran Khat Nasakh Dalam Unit Kajian Jawi Dan Khat Di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Jabatan Bahasa Dan Kesusasteraan Melayu Fakulti Bahasa Dan Komunikasi Universiti Pendidikan Sultan Idris Tanjong Malim, Perak.
- Mokhtar, S., Thia, K., Othman, I.W., & Moharam, M.M.H. (2021). Prospek Pengajaran dan Pembelajaran Online Sepanjang Tempoh PKP Pandemik Covid-19 di Sandakan, *5th International Conference on Teacher Learning and Development (ICTLD)*, 03-05, (2021): 348-359, <https://www.researchgate.net/publication/354400072>.  
Diakses pada 22 Februari 2022.
- Muhamad Zaki Samsudin, Razali Hassan, Azman Hasan et al. Amalan kreativiti guru dalam pengajaran Pendidikan Asas Vokasional (PAV). *Technology, Education and Science International Conference (TESIC)*. (Skudai: Universiti Teknologi Malaysia, 2013).
- Naquiah, N., & Jimaain, S., Pengajaran Jawi Berkesan Dalam Usaha Memartabatkan Warisan Budaya Bangsa. *Proceedings of the International Conference on Education towards Global Peace*. (2016): 30 November – 01 December (2016). Diakses pada 15 Feb 2022: <http://www.iium.edu.my/capeu/2016/index.php/proceedings/>
- Naquiah, N., & Jimaain, S., Amalan pengajaran Jawi dalam pendidikan masa kini: Suatu tinjauan. *TAMU Journal*, 2, (2016): 70-85. Diakses pada 26 Feb. 2022: <https://www.researchgate.net/publication/320609654>
- Noor Azam A.R., Noraziah M.A. & Wan Noorli A. 2017. “Persepsi Pelajar Melayu UNITEN berkaitan Kemahiran Menggunakan Tulisan Jawi sebagai lambang Identiti Bangsa Melayu dan Tulisan Jawi sebagai lambang Identiti

- Bangsa Melayu Beragama Islam”. *Jurnal Sains Insani* 2,1: 42-47. <https://doi.org/10.33102/sainsinsani.vol2no1.49>.
- Noor Azizah Noorashid, 2019. Revolusi Industri 4.0: Impak Terhadap Perkembangan Pendidikan Tinggi Di Malaysia. *Journal Of Sciences And Management Research* 2600-738x.
- Norizan Mat Diah & Nor Azan Mat Zin. 2013. Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran Asas Jawi Bagi Kanak-Kanak Prasekolah. *Esteem Academic Journal* 9,no. 2, (December), 28-3.
- Syed Lamsah Syed Chear. 2018. Pengajaran dan Pembelajaran Melalui Aplikasi Whatsapp dan Telegram di Universiti Swasta. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 42(2)(2017): 87-97.
- Tang, Ashley. 2020. *Malaysia Announces Movement Control Order After Spike in Covid-19 Cases (updated)*. The Star. <https://www.thestar.com.my/news/nation/2020/03/16/malaysia-announces-restricted-movement-measure-after-spike-in-covid-19-cases>.
- Zahiah Binti Kasim, Abdul Razaq bin Ahmad. 2010. “E-Pembelajaran: Evolusi Internet Dalam Pembelajaran Sepanjang Hayat”. *Proceedings of Regional Conference on Knowledge Integration in ICT 2010*”.
- Zurina Abdullah, & Adi Yasran Abdul Aziz. (2020). Peminggiran Tulisan Jawi Sebagai Lambang Jati Diri Melayu: Satu Kajian Tinjauan, 7(2). 244-255. Diakses pada 20/2/22 <http://jsass.kuis.edu.my/index.php/jsass/article/view/152>,



BAB 6

# KARAKTERISTIK SENI KHAT KONTEMPORERI NUSANTARA: KONSEPTUAL DAN KONTEKSTUAL

<sup>1</sup>*Makmur Harun*, <sup>2</sup>*Hajar Nurma Wachidah*, <sup>3</sup>*Dian Cita Sari*, <sup>4</sup>*Ita Rahmania Kusumawati* dan <sup>5</sup>*Rina Septiani*

<sup>1</sup>Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI),  
35900 Tanjung Malim, Perak Darul Ridzuan, Malaysia.  
Email: makmur@fbk.upsi.edu.my

<sup>2</sup>Universitas Islam Majapahit,  
Mojokerto, Jawa Timur, Indonesia.  
Email: mnurma833@gmail.com

<sup>3</sup>Universitas Islam Negeri (UIN) Sulthan Thaha Saifuddin,  
Jambi, Indonesia.  
Email: diancital@gmail.com.

<sup>4</sup>Universitas Hasyim Asy'ari,  
Tebuireng, Jombang, Jawa Timur, Indonesia.  
Email: itajombang111@gmail.com

<sup>5</sup>Universitas Nahdlatul Ulama Indonesia,  
DKI Jakarta, Indonesia.  
Email: rinaseptiani@unusia.ac.id

## Abstrak

Karakteristik seni khat kontemporeri terhasil beragam bentuk dan coraknya yang terus berkembang pesat melalui institusi, lembaga, yayasan, galeri seni dengan didukung

teknologi digital yang semakin canggih. Hal ini jika dikaji secara mendalam dapat mengungkap konseptual dan kontekstual hasil karya seni khat yang menakjubkan. Isu utama pembahasan konsep adalah segala yang berkaitan idea-idea serta gaya olahan dalam menghasilkan karya. Sementara yang berkaitan konteks sering dikembalikan keberagaman jenis khat yang menjadi dasar kriteria sesuatu karya. Objektif kajian ini pada dasarnya adalah ingin mengangkat karakteristik seni khat kontemporeri yang berkembang di Nusantara secara meluas dari masa ke masa. Antara aspek diberi tumpuan adalah aplikasi seni khat di beragam corak dan bahan yang digunakan para khatat menggunakan kemahirannya masing-masing. Metodologi kajian ini menggunakan kajian perpustakaan dan analisis karya-karya khatat Nusantara dengan menggunakan pendekatan estetik melalui karya-karya terkini dan kontemporeri sesuai relevansinya. Dapatan kajian memaparkan bahawa: Pertama, huraian teknik dan cara penghasilan karya hebat di merata tempat di Nusantara, selain pengaruh, nilai estetik serta penghayatan peminatnya. Kedua, membincangkan bentuk dan medium yang digunakan dalam menghasilkan karya seni khat. Ketiga, mengangkat tentang kehalusan rasa seni dan ketajaman daya pemikiran para khatat Nusantara dalam berkarya. Selain masyarakat Islam di Nusantara dapat memberi penghormatan tinggi terhadap warisan seni ini sebagai seni rupa Islami terunggul bagi umatnya. Kemudian melalui kajian ini dapat memmanifestasikan tamadun Islam melalui seni teragung khat Islami sebagai asas tulisan al-Quran dan al-Sunnah.

**Kata kunci:** Karakteristik, Seni khat kontemporeri, Nusantara, Konseptual, dan Kontekstual.

- 6.1 Pendahuluan *121*
- 6.2 Latar Belakang Kajian *124*
- 6.3 Objektif Kajian *124*
- 6.4 Metodologi Kajian *125*
- 6.5 Dapatan Dan Perbincangan *125*
  - 6.5.1 Konsep Istilah Seni Khat dan Seni Khat Kontemporeri *126*
  - 6.5.2 Kontek Jenis-jenis Seni Khat dan Corak Seni Khat Kontemporeri *128*
  - 6.5.3 Perkembangan Seni Khat Tradisional dan Kontemporeri Nusantara *131*
- 6.6 Konseptual Dan Kontekstual Karakteristik Seni Khat Kontemporeri Nusantara *137*
  - 6.6.1 Konseptual Perkembangan Seni Khat melalui Yayasan Restu dan Nasyrul Quran, Malaysia *139*
  - 6.6.2 Penerapan Kontekstual Kaedah Seni Khat melalui LEMKA dan Pondok LEMKA, Indonesia *144*
- 6.6 Kesimpulan *150*

## **6.1 PENDAHULUAN**

Beragamnya karakteristik seni khat kontemporeri yang berkembang di Nusantara sedikit sebanyak dapat merangkumi kepelbagaian jenis seni khat yang dihasilkan oleh para khatat. Ada karya seni yang dihasilkan berupa lukisan, fotografi, cetakan dan catan. Dalam bidang binaan pula kegiatan seni merangkumi seni bina dan arca. Manakala dalam bidang kraftangan, kegiatan seni itu melibatkan pelbagai jenis dan bentuk kraf seperti seramik, tekstil, anyaman dan sebagainya. Bidang seni persembahan pula merangkumi kegiatan seperti drama, teater, musik dan tarian

(Ahmad Roshidi Hasan, 2001: 1). Sementara kajian ini akan membicarakan secara asas dari sudut keberagaman karakteristik seni khat kontemporari yang berupa karya visual merangkumi dinamika pengkaryaan seni khat tersebut secara konseptual dan juga kontekstual. Seni khat atau seni menulis indah huruf-huruf Arab adalah salah satu kebesaran seni budaya Islam yang bersumber daripada al-Quran dan al-Hadith dengan memiliki corak serta jenis-jenis yang menjadi ciri khas tersendiri dalam perkembangan kebudayaan Islam dari zaman keemasan Islam sehingga ke zaman sekarang ini.

Oleh sebab itu, seni khat termasuk salah satu seni dan kebudayaan Islam yang dapat mencorakkan ketamadunan masyarakat setempat termasuk masyarakat Islam yang ada di Nusantara. Maka pada hakikatnya, studi mengenai perkembangan karakteristik seni khat di Nusantara secara konseptual dan kontekstual diharapkan dapat menjadi salah satu usaha yang ingin menjadikan objek artistik dan estetik sebagai gagasan, inspirasi dan ekspresi rasa artistik untuk menghasilkan karya dengan dilandasi al-Quran dan al-Hadith. Hal ini sesuai dengan isyarat yang sangat jelas mengenai tulisan dan pena sebagai suatu hal harus dipelajari manusia seperti yang dimanifestasikan dalam al-Quran, Surah al-'Alaq (96): 3-4), seperti berikut:

إقرأ وربك الأكرم ﴿١﴾ الذي علم بالقلم ﴿٢﴾

Maksudnya: *“Bacalah, dan Tuhanmulah Yang Paling Pemurah, Yang Mengajarkan (manusia) dengan perantaraan kalam”*.

Beragamnya karakteristik seni khat kontemporeri yang dimunculkan para khatat dan seniman dapat mencorakkan perkembangan seni ini di Nusantara, sama ada di Malaysia mahupun di Indonesia yang sedikit sebanyak dipengaruhi oleh sekolah, pondok, lembaga, institusi,

yayasan dan juga univerraiti, sebagai salah satu lembaga pendidikan informal dan nonformal dengan menitik beratkan perkembangan seni khat dalam segala seginya. Selain ianya menjadi sebagai sarana untuk merakamkan penulisan ayat-ayat suci al-Quran, al-Hadith mahupun doa-doa dan lain sebagainya. Dinamika perkembangan karakteristik seni khat kontemporeri ini juga dapat dikaji melalui tulisan atau karya yang ada di atas batu nesan, batu bersurat, warqah, istana, rumah, kulit, kertas, kain, senjata, wang syiling, rehal dan sebagainya yang tersebar luas di kawasan Nusantara. Pelbagai jenis khat yang sudah teraflikasi, seperti khat Kūfi, Thuluth, Naskhi, Dīwāni, Fārisi, Riq‘ah, Ta‘līq, Rayhan juga digunakan untuk melahirkan keindahan tulisan-tulisan ini sebagai ciri tersendiri dalam seni bina Islam dari zaman ke zaman (Muhammad Bukhari Lubis, 1998: 33).

Oleh sebab itu, penting untuk dipaparkan bagaimana karakteristik seni khat kontemporeri tersebut yang berkembang di Nusantara. Melalui kajian ini juga, dapat ditemukan kepelbagaian konseptual dan kontekstual yang digunakan untuk meningkatkan serta mengembangkan seni yang sangat unik ini, hal tersebut juga dapat dipelbagaikan melalui objek-objek seni hiasan lokal dengan sokongan kepakaran para seniman Muslim di merata tempat tersebar luas di Nusantara, seterusnya ia diharapkan dapat melahirkan ciri-ciri karya yang sempurna dan berkualiti. Selain itu, kajian ini turut membincangkan lebih terperinci beberapa objektif dan permasalahan penting dalam mengklasifikasikan karakteristik seni khat kontemporeri Nusantara yang dapat diterima keberadaannya oleh masyarakat yang dilestarikan melalui yayasan atau lembaga pendidikan yang berintegriti. Selain itu, akan dibahas juga mengenai cara pengembangan seni khat kontemporeri ini yang wujud di Nusantara sepanjang perjalanan perintisan corak dan gayanya masing-masing.

## **6.2 LATAR BELAKANG KAJIAN**

Latar belakang kajian ini bermula daripada proses keingingan tahuhan karakteristik seni khat kontemporari yang berkembang di Nusantara, terutama yang dikaryakan oleh para khatat di Malaysia dan Indonesia sebagai suatu model karya terkini sama ada dari sisi konseptual mahupun dari sisi kontekstualnya. Karakteristik ini tidaklah selalu dengan "gaya", tetapi juga dapat dikembangkan seluas mungkin sesuai dengan kehendak zaman moden dengan mengikuti bentuk kontemporeri asal tidak mengubah atau beranjak daripada makna seni hakikinya. Hal ini dianggap penting kerana perkembangan karakteristik seni terutama di era virtual ini, tetap diupayakan agar dapat sejalan dengan perkembangan zaman dan masyarakatnya, sehingga karya-karya seni yang mengandung nilai-nilai keislaman dapat pula terus hidup dan berkembang dalam masyarakat pendukungnya.

## **6.3 OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif kajian ini pada dasarnya adalah ingin mengangkat karateristik seni khat kontemporeri yang berkembang di Nusantara secara meluas dari masa ke masa terutama yang dikaryakan di Malaysia dan Indonesia. Antara aspek diberi tumpuan adalah aplikasi seni khat di beragam corak dan bahan yang digunakan para khatat menggunakan kemahirannya masing-masing.

## **6.4 METODOLOGI KAJIAN**

Metodologi kajian ini menggunakan metode deskriptif kualitatif dan metode studi kes. Pengambilan data dengan menggunakan studi literature melalui kegiatan-kegiatan seni yang digelar secara maya dan dalam talian. Indikator pemilihan sampel adalah hasil pameran karya-karya seni visual yang representative dalam penyajian data seperti karya seni khat berkaedah, seni khat lukis, seni khat atas poster, ilustrasi ataupun karya seni khat kontemporeri lainnya yang dilengkapi data seperti judul karya, nama pencipta, tahun pembuatan, ukuran karya, teknik dan media. Metode pengumpulan data primer melalui data dari media sosial dan media online lainnya, sedangkan data sekunder diperoleh dari studi pustaka yang berasal daripada penelitian terdahulu. Dalam kajian kualitatif, teknik pengambilan sampel secara random adalah teknik pengambilan sampel dimana semua populasi sama ada secara sendiri-sendiri atau bersama-sama diberi kesempatan yang sama untuk dipilih sebagai kumpulan sampel (Sugiyono. 2003). Tidak ada batasan jumlah sampel yang diambil secara random, asalkan maklumat yang diinginkan dapat diperoleh dan dihasilkan. Untuk melakukan kajian kes, maka Creswell (2013) menyampaikan bahawa kepentingan analisis dan interpretasi data adalah bahagian penting dari kajian kualitatif.

## **6.5 DAPATAN DAN PERBINCANGAN**

Dapatan dan perbincangan kajian ini untuk memberikan maklumat secara terperinci bagaimana upaya perupa dan seniman dalam menghasilkan sehingga muncul beragam karakteristik bentuk dan corak seni khat kontemporeri yang

berkembang di Nusantara. Kegiatan pameran, penghasilan karya, proses penulisan Arab berkembang dan kemudian diperindah secara pesat sehingga melebihi jenis-jenis huruf tulisan bangsa lain. Tulisan Arab akhirnya lebih dikenali sebagai seni kaligrafi Islam atau disebut juga sebagai seni khat. Seni khat ini merupakan tulisan indah dari jelmaan kehalusan rasa seni dan ketajaman daya pemikiran manusia sebagai pencipta tulisan tersebut sebagai cetusan ungkapan, lambang bicara dan perkataan ditutur. Perbedaannya dengan huruf-huruf lain iaitu dari segi keindahan, mudah dirubah, selalu disandarkan kepada perkara agama berupa tulisan ayat-ayat suci al-Quran dan al-Hadith mahupun kata-kata hikmah. Demikian juga dengan adanya seni khat yang berkembang di Nusantara. Seni khat ini berperanan penting untuk kegunaan segala aspek kehidupan, digunakan dalam tulisan Jawi dan penulisan-penulisan buku di samping dimanfaatkan dalam aspek kepentingan individu, masyarakat, ilmu pengetahuan dan teknologi, keagamaan dan kepentingan nilai-nilai estetik. Seni khat yang berkembang di Nusantara ini dapat dilihat dari beberapa peninggalan tulisan khat mahupun Jawi di pelbagai batu nesan, batu bersurat, ukiran kayu dan lain-lainya.

### **6.5.1 Konsep Istilah Seni Khat dan Seni Khat Kontemporeri**

Pengertian seni khat dapat dilihat dalam dua pengertian, iaitu pengertian secara etimologi dan terminologi. Pengertian *etimologi*, kata khat lebih popular dan lebih dikenal dengan seni kaligrafi Islam yang merupakan penyederhanaan daripada kata *calligraphy*. Erti kaligrafi iaitu “seni menulis dengan indah, tulisan tangan yang menghasilkan huruf atau tulisan indah sebagai suatu seni; khat” (Kamus Dewan,



2015: 522). Adapun makna seni khat adalah “seni (kemahiran) menulis tulisan Arab atau tulisan Jawi dengan gaya khas atau unik sehingga menghasilkan tulisan indah.” Pengertian lain seni ini ialah “seni menulis indah dengan pena” (Kamus Dewan, 2015: 1245).

Pengertian secara *terminologi*, istilah *al-khat* (الخط) ada beberapa pengertian yang agak berbeza pandangan antara para pakar kaligrafi, hal ini tergantung kepada sudut pengamatan masing-masing.

Menurut Ibrahīm ibn Muhammad al-Shaibani, mengatakan bahawa:

الخط لسان اليد وبهجة الضمير وسفير العقول ووصي الفكر وسلاحه وأنس  
الاخوان عند الفرقة ومحادثتهم على بعد المسافة ومستودع الشر وديوان الأمور.

Maksudnya:

Khat adalah merupakan lidahnya tangan, kecantikan rasa, penggerak akal, penasihat fikiran, senjata pengetahuan, perekat persaudaraan ketika bertikai dan pembincang ketika berjauhan, pencegah segala keburukan dan khazanah pelbagai masalah kehidupan (Aiman Abdul Salām, 2002: 9).

Kaligrafer Yaqut al-Musta’shimi (698 H/1298 M), telah meletakkan syarat makna seni khat, bahawa: “suatu tulisan akan disebut indah bila karya tersebut memancarkan pengaruh keindahannya kepada hati, jiwa dan fikiran, seperti pengaruh dakwah yang dipantulkan dari lukisan kaligrafi indah.” Selain ungkapan popular itu, beliau juga menyatakan bahawa:

الخط هندسة روحانية ظهرت بألة جسمانية

Maksudnya:

Khat adalah seni arkitেক rohani yang lahir melalui perabot kebendaan (Didin Sirojuddin, 1995: 71).

Definisi-definisi ini menunjukkan bahawa seni khat apabila sudah dituliskan di atas benda apa sahaja, maka ianya akan melahirkan teks tulisan yang sangat terkesan cantik dan bermakna, dan malahan penuh kedalaman ertinya dalam unsur kerohanian, sehingga dapat memberikan nilai estetik unik dan bernilai suci. Oleh sebab itu, melalui huraian-huraian ini juga akan menunjukkan bahawa seni khat lahir dan berkembang melalui proses perjalanan panjang, dengan melintasi berbagai benua dan negara sehingga menjadi satu tulisan sempurna, dengan merangkumi berbagai pandangan dan pendapat seperti apa yang terlihat sekarang, ini juga menunjukkan betapa seni khat berdampak positif dan bernilai dalam hidup dan kehidupan yang berbudaya dan bertamadun.

### **6.5.2 Kontek Jenis-jenis Seni Khat dan Corak Seni Khat Kontemporeri**

Ibnu al-Nadim menyatakan bahawa terdapat 12 (dua belas) corak tulisan utama dalam seni khat. Akan tetapi, sangat sukar untuk menemukan bukti tipologinya. Bukti-bukti yang banyak adalah berupa tulisan al-Quran, sama ada tertulis di atas papirus, kulit-kulit binatang mahupun kertas. Ibnu al-Nadim menghuraikan lagi bahawa corak lain daripada khat Kūfi dan Naskhi terdapat lagi bentuk lain berupa tulisan “setengah” (*nisf*), disebut juga corak *Thulusain* (dua-pertiga) atau “sepertiga” (*Thuluth*). Selain itu, Ibnu Muqlah pula mengklasifikasi enam jenis tulisan seni khat yang berkembang dalam dunia Islam iaitu: Khat Thuluth (خط الثلث), Khat Naskhi (خط النسخ), Khat Dīwāni (خط الديواني), Khat Kūfi (خط الكوفي), Khat Pārisi (خط الفارسي) dan Khat Riq’ah (خط الرقعة) (Al-Nadim dalam Bayard Dodge, t.th: 172).

Para ahli khat berpendapat bahawa “induk” daripada seni khat adalah khat Thuluth dan Naskhi. Sementara orang-orang Parsi terutama kalangan seniman, mengembangkan sebuah corak lain disebut Ta’līq (menggantung) yang sebenarnya merupakan perkembangan lanjut daripada corak Riq’ah dan Taūqī’ setelah diubahsuai dikerjakan secara teliti dan sungguh-sungguh (Hasan Muarif Ambary, 2018: 172). Induk tulisan ini berkembang menjadi berbagai macam jenis aliran dan corak. Ada delapan corak aliran seni khat yang lazim digunakan secara umum dalam dunia Islam hingga sekarang. Masing-masing jenis ini, walaupun memiliki perbezaan dan teknik penulisan masing-masing, tetapi masih ada hubung kait antara satu dengan lainnya. Contoh khat Kūfi banyak berpengaruh kepada jenis-jenis khat lainnya seperti Riq’ah dan Dīwāni bahkan menjadi penyempurna corak ini.


Untuk menyimak kembali pertumbuhan dan perkembangan seni khat ini, secara tradisi klasik yang pernah dikembangkan oleh para kaligrafer awal. Bentuk seni khat ini lebih dikenal dengan nama *al-Aqlām al-Sittah* الأقسام الستة (enam skrip yang asal) (Lois al-Maclūf, t.th: 185), juga berkembang sehingga ke Nusantara. Jenis-jenis tulisan khat inilah yang akhirnya berkembang dan dipergunakan di berbagai tempat dan medium sehingga kini. Adapun jenis-jenis tulisan tersebut, huraian secara terperinci adalah sebagai berikut: Khat Thuluth, Naskhi, Fārisi, Rayhan, Riq’ah, Dīwāni, Dīwāni Jali dan Khat Kūfi. Hal ini berbeza dengan jenis-jenis seni khat kontemporer yang berkembang di dunia seni visual sekarang ini, biasanya diklasifikasikan Seni khat tersebut keluar dari aturan yang baku, tidak terlalu begitu menuruti kaedah penulisan huruf khat yang sedia ada, kecuali hanya sedikit sahaja. Peralatan ataupun bahan atau medium penyediaannya lebih bebas tidak hanya menggunakan sama ada kertas mahupun pen biasa. Sementara dalam proses pembuatannya selalu bergaya dan

bertema bebas, tidak terikat, terkadang abstrak, bersimbol atau berekspresi.

Secara garis besarnya dari ciri dan karakteristik seni khat kontemporeri tersebut di atas, seni khat ini juga memiliki beberapa corak dan bentuknya yang ciri khas. Berkemungkinan jenis khat ini dapat dikatakan sebagai bentuk pembangkangan atas kaedah-kaedah khat murni yang sedia ada telah ditetapkan sejak berzaman. Hal ini, Ismail dan Lamy Al-Faruqi (2016: 28) membahagi corak dan jenis seni khat kontemporeri ini menjadi lima jenis, iaitu corak tradisional, figural, ekspresionis, simbolik dan abstrak. **Pertama**, corak tradisional merupakan jenis karya yang masih lebih mengutamakan kepada kaedah kepenulisan huruf hurufnya, bukan kepada lukisan yang menjadi *background* tulisan khatnya tersebut. **Kedua**, corak ekspresionis menjadi satu jenis khat yang sudah mengarah kepada perkembangan ukuran dalam estetika barat, para khatat atau kaligrafer jenis ini lebih menggunakan perbendaharaan kata warisan dari arkitek Islam yang sudah menjauh daripada kaedah seni khat yang asli. **Ketiga**, corak simbolis adalah jenis yang biasanya memaksakan penyatuan karya khat melalui kombinasi makna huruf untuk menyampaikan sebuah pesan yang terkandung dalam tulisan atau karya lukisan yang dihasilkan. Malahan design khat corak ini sering menggunakan huruf Arab sebagai simbol suatu gagasan atau idea yang sangat kompleks, seperti membubuh huruf alif atau sin yang dikaryakan menyerupai sebuah tiang, tongkat, pedang, pisau atau bentuk lainnya.

Sementara **keempat**, corak abstrak pula menurut Al-Faruqi bahawa jenis khat ini dijuluki sebagai seni khat kontemporeri dengan khat palsu atau khat kabur mutlak, karena menyerupai huruf atau perkataan, akan tetapi tidak mengandungi apa-apa makna yang berkaitan dengan tulisan atau karya tersebut. **Kelima**, corak figural adalah jenis karya yang menggabungkan motif figura dengan unsur-unsur seni khat melalui pelbagai cara gaya dan motifnya.

Seperti karya motif yang menyerupai daun atau bunga, manusia atau binatang yang ditulis seni kaligrafi Arab. Dari kelima corak seni khat kontemporer di atas semuanya memiliki nilai dan ciri khas tersendiri, dengan tetap tidak menafikan unsur seninya sehingga dapat mencorakkan karya-karya seni Islami ini menjadi karya-karya kontemporer yang disesuaikan dengan kehendak zaman. Berikut beberapa gambaran corak dan bentuk gaya seni khat kontemporer yang berkembang di Nusantara, seperti karya di bawah ini:



Ilustrasi 6.1 a. Karya lakaran H. Syaiful Adnan dari Sumatra Barat, seniman khat kontemporer berciri khas dan keunikan tersendiri. b. Gambar karya Ustadz Abdul Aziz dari Jambi, ciri khat lukisan yang kemas dan menarik dipadukan dengan alam semula jadi. c. Karya perpaduan warna yang luar biasa dari kreativiti H. Purwanto Zain dengan tulisan beragam jenis khatnya mencerminkan warna warni khat kontemporer (Koleksi seniman Asia Tenggara, 2022).

### 6.5.3 Perkembangan Seni Khat Tradisional dan Kontemporer Nusantara

Perkembangan tulisan Arab yang setelah sekian tahun berterusan, lambat laun berkembang sehingga menembusi Jazirah Arab dan dunia Islam lainnya termasuk di Asia Tenggara. Tradisi kebiasaan lisan menjadi tulisan juga semakin luas penggunaannya di mana-mana tempat kekuasaan Islam, peralihan ini berterusan sehingga ke Nusantara. Proses inilah menjadikan seni khat sebagai tulisan wasilah penyampai dakwah Islam menjadi semakin dikenali, sebagai tulisan cantik, berhuruf indah dari kehalusan budi dan menjiwai rasa dengan disertai ketajaman pikiran, semakin memperkayakan lagi seni khat sebagai khazanah budaya Islam yang perlu terus dipertingkatkan. Perkembangan ini juga mewakili perlambangan yang dituturkan. Perbezaan huruf-hurufnya dengan budaya bangsa lain bukan justeru menyusahkannya, akan tetapi bahkan mempermudah bagi lainnya untuk mempelajarinya kerana ia terdiri daripada simbol keindahan, mudah dirubah, senang untuk dilafazkan dan bahkan selalu disandarkan kepada perkara agama berupa tulisan ayat-ayat suci al-Quran dan al-Hadith. Oleh itu, istilah seni khat ini akhirnya digunakan untuk mesej penyampai kebaikan, di samping dimanfaatkan berbagai aspek kebaikan sama ada secara individu, keluarga mahupun masyarakat. Prosesi sejarah panjang tulisan seni khat ini selanjutnya tidak berhenti setakat itu, bahkan seterusnya berlanjutan sehingga masuknya Islam ke Nusantara yang sedikit sebanyaknya dapat merangkumi pelbagai kegiatan dan cara tersampainya dakwah tersebut, baik secara lisan mahupun tulisan.

Seni khat termasuk salah satu seni dan kebudayaan Islam yang disampaikan melalui tulisan sehingga semakin meluasnya pengaruh kebudayaan Islam di Nusantara. Seni ini juga dapat mencorakkan kehidupan masyarakat setempat termasuk di Asia Tenggara. Esensi dakwah melalui seni ini, cukup membantu kerana setiap orang Islam harus belajar

membaca dan menulis agar dapat membaca al-Quran dengan baik sebagai pedoman hidup, seni khat sebenarnya merupakan salah tulisan yang boleh dijadikan sebagai satu *way of life*, bagi umat Islam. Sumber tulisan khat adalah epigrafi, yakni studi dari perkembangan tulisan Arab dari pelbagai benda seperti artifak, makam, mata wang, masjid atau objek-objek lainnya yang diiktiraf sebagai asal muasal perkembangan seni khat itu sendiri daripada peninggalan masa lampau yang terdapat di merata tempat di dunia (An Nemasie Schimel, 2017: 2-3). Seterusnya, seni khat ini lalu dipelajari di Nusantara melalui pengajian pondok, sekolah-sekolah Arab dan beberapa maktab dan institusi yang lain.

Perkembangan tulis baca dalam Islam berasaskan huruf-huruf Arab yang kemudian menjadi huruf dasar tulisan seni khat ini. Seni khat atau juga sering disebut seni kaligrafi Islam, menyatakan bahawa betapa seni khat menjadi tulisan yang ditulis indah dengan menggunakan huruf-huruf Arab sebagai tulisan asas, selain diikuti dengan corak hiasan dan motif menarik sehingga memunculkan berbagai jenis seni tulisan cantik dan menarik, untuk dilihat dan dinikmati lalu dikembangkan sehingga ke Nusantara. Kemudian semakin berkembang peralatan teknologi, maka seni khat ini juga tidak terkecuali, proses penghasilan karya seni tersebut terkesan terutama penulisan huruf-huruf Arab yang semakin diperluaspenerapannya, bahkan dapat dikatakan hampir setiap negara Islam atau negara majoriti penduduknya beragama Islam seperti Indonesia, Malaysia dan Brunei Darussalam, terdapat sekurang-kurangnya satu jenis tulisan khusus yang digunakan untuk negara tersebut, seperti tulisan Jawi digunakan di negara Malaysia dan Brunei Darussalam. Tulisan tersebut sebenarnya merupakan sumbangan besar agama Islam terhadap sastera, persuratan, aksara, seni dan kebudayaan. Demikian pula aksara Arab sangat berperanan dalam memberikan corak serta bentuk khusus pada seni dan kebudayaan Islam di Nusantara. Perwujudan tersebut sangat beragam seperti tulisan-tulisan

seni khat, penulisan karya akademik, ilmu keagamaan, sains, teknologi, sastera dan sebagainya. Hal ini senada dengan ungkapan Naquib al-Attas (1990: 54) yang menyatakan, bahawa:

*Masuknya huruf Arab (Hijaiyah) ke negeri Melayu yang akhirnya menggeser huruf terdahulu, kemungkinan erat kaitannya dengan penyebaran agama Islam di Asia Tenggara yang bermula pada abad ke-13. Ada yang memperkirakan penyebaran agama Islam itu dilakukan oleh orang-orang Gujarat dari India, ada pula yang menyatakan hal itu dilakukan oleh para pedagang dari Semenanjung Arab sendiri.*

Bukti lain penyebaran pengaruh tulisan Arab terhadap agama Islam, adalah terdapat sebahagian besar naskah-naskah yang disalin pada abad ke-16 sehingga ke-19 dalam bahasa Melayu dan bahasa lainnya di Nusantara. Tulisan-tulisan tersebut kebanyakannya ditulis dalam bahasa Arab kerana orang-orang yang berketurunan Arab lebih dominan pengaruhnya daripada masyarakat setempat. Namun aksara Arab terus digunapakai ke dalam bahasa setempat seperti bahasa Jawa, Sunda, Bugis dan Madura sebagai media penyampai ajaran Islam, hukum-hakam syara', ilmu-ilmu sains dan bidang sastera. Seperti pandangan Van Ronkel (1906 M), dalam catatannya tentang naskah-naskah yang ada di Muzium Batavia. Menyatakan bahawa:

*Naskah-naskah tersebut ditulis oleh penulis-penulis Muslim, meliputi pelbagai cabang ilmu pengetahuan dan sastera. Dari fakta-fakta tersebut telah membuktikan bahawa Islam berpengaruh bahkan dapat memberikan sumbangan bagi perkembangan kebudayaan dan pemikiran bangsa Indonesia. Selain itu,*



*dapat mewarnai kehidupan suku-suku atau suku bangsa di kepulauan Nusantara seperti Melayu, Aceh, Minangkabau, Palembang, Jawa Pesisir, Madura, Sunda, Bugis Makassar, Bima, Banjar, Gorontalo dan lain sebagainya yang sering mengaku identik dengan Islam dan tidak dapat dipisahkan daripada pengaruh ke-Islaman tersebut (Othman Mohd. Yatim, 2006: 165).*

Selain peninggalan-peninggalan bersejarah tersebut, seni khat juga telah muncul di Nusantara pada abad ke-11, terbukti setelah ditemukannya tulisan-tulisan indah di atas batu nisan di makam Maulana Malik Ibrahim dan Fatimah binti Maimun di Loran Gresik (Jawa Timur) bertarikh 1424 oleh J.P. Moquette pada tahun 1921 (Mohd. Johari Ab. Hamid, 2004: 103). Pada masa berikutnya, khususnya sejak abad ke-13 seperti terlihat pada makam raja-raja Peurelaks dan Pasai di Aceh, penulisan huruf Arab kian meluas dan menyebar di kalangan penduduk Nusantara yang mulai memeluk agama Islam (Didin Sirojuddin A.R, 2017: 407). Selain penulisan seni khat dan Jawi di batu nisan tersebut, terdapat juga dalam seni lain seperti seni ukiran sebagai alat penyebaran agama Islam di Nusantara. Seni khat terkesan kuat dalam mempengaruhi kesenian Islam. Perkembangan ini terlihat di pelbagai pola dan motif hiasan pada seni ukir, seni pahat, seni batik, sulam, tenun ikat, lukisan kaca, kraftangan dan seni bina masjid, istana, rumah kediaman yang ditulis mahupun diukir dengan memperlihatkan ciri-ciri ketamadunan Islam di Nusantara.

Selain untuk keperluan menyalin kitab suci, menulis buku-buku, mencetak naskah-naskah keagamaan dan kebudayaan sastra, seni khat juga digunakan sebagai medium untuk mengungkapkan perasaan seni dan estetik. Dapat dikatakan bahawa seni khat menjadi lambang seni rupa Islam yang utama, di samping merupakan salah satu manifestasi penting dalam kebudayaan dan ketamadunan

sebagai asset khazanah bangsa kerana semua hiasan yang digunakan cuba menampilkan lambang atau simbol yang tidak bertentangan dengan syariat Islam (Didin Sirojuddin A.R, 2017: 408). Selain itu, peranan seni khat pada hiasan bangunan di Nusantara kurang dapat dibanggakan, kerana masjid lama dengan bangunan yang dibina menggunakan bahan daripada kayu, menyebabkan tidak banyak memberi peluang hadirnya hiasan seni khat cantik (indah) dan menarik. Walau bagaimanapun masih terdapat hiasan seni khat pada hiasan di mimbar, mihrab masjid dan sebagainya. Oleh sebab itu Abdul Djalil Pirous (2003: 104) salah seorang tokoh seni kaligrafi lukis dan seni lukis moden, berjaya menghidupkan semangat seniman kaligrafi di Indonesia dengan karya-karya beliau dengan mencadangkan bahawa:

*Masjid, istana dan makam lama sedikit sekali menampilkan hiasan khat yang dapat menambah nilai keindahan bangunan seperti pada rekabentuk Islam pada period yang sama di luar Indonesia. Memang ada kecendrungan di daerah Geudong bekas kerajaan Samudra Pasai sekitar bandar Lhokseumawe Aceh, terdapat banyak sekali makam-makam kuno (abad ke 14-15) yang begitu kaya dengan bentuk khat indah. Di samping batu nesan yang memakai batu asal setempat, juga dipakai batu pualam diperkirakan didatangkan dari luar negara, sehingga suratan kaligrafi pada batu-batu nesan tersebut dapat diartikan adanya pengaruh daripada luar yang ikut memperkayakan perkembangan seni khat di dalam negeri.*

Demikianlah perkembangan seni khat tersebut, dengan kedatangan dan bertapaknya Islam di Nusantara, telah membawa pengaruh penting yang dapat memperkayakan kesenian dan kebudayaan dalam masyarakat Islam itu sendiri, selain dapat menarik simpati

dan persepsi positif daripada agama-agama lainnya. Kesan tulisan dan lukisan seni khat daripada artisnya dikembangkan di berbagai wilayah di Asia Tenggara telah membawa masuk pelbagai elemen penting yang dikembangkan melalui beragam bentuk dan coraknya. Selain peranan yang diwujudkan melalui Yayasan Restu di Malaysia dan melalui LEMKA dan Pondok LEMKA di Indonesia, peranan Pondok-pondok di Selatan Thailand, dan juga peranan kerajaan di Brunei Darussalam, maka melalui yayasan, institusi dan lembaga tersebut telah menambah landskap pengembangan seni khat ini di Nusantara sebagai salah satu bahagian terpenting yang telah mengangkat nilai-nilai dan keluhuran Islam yang wujud di Nusantara untuk dilestarikan selama berabad-abad lamanya sehingga kini. Belum lagi peranan sekolah, maktab, muzium, galeri, universiti, perguruan tinggi yang telah melahirkan ramai guru yang mengajar seni khat dan tulisan Jawi tersebut sepanjang zaman.

## **6.6 KONSEPTUAL DAN KONTEKSTUAL KARAKTERISTIK SENI KHAT KONTEMPORER NUSANTARA**

Seni Khat merupakan salah satu tulisan yang digunakan dalam penulisan Mushaf al-Quran sebagai mu'jizat terbesar Rasulullah SAW untuk dijadikan pedoman bagi kaum muslimin di muka bumi ini. Tulisan seni khat yang cantik dan menarik, memiliki hiasan corak dan hiasan motif serta iluminasi yang pelbagai dan beragam. Penggunaan seni khat dalam berbagai mushaf al-Quran, manuskrip, logam, ukiran, matawang, artifak dan benda-benda lainnya di Nusantara khususnya dan Dunia Islam umumnya, di mana ianya terus berkembang dengan tidak sekadar berfungsi sebagai media tulisan kitab suci dan pedoman para seniman mahupun

khatat semata-mata, bahkan ianya menjadi rujukan bagi para ilmuwan, sasterawan, budayawan, peguam dan bahkan engineer. Malahan ia juga menjadi pengungkap bidang seni dan hiasan lainnya yang sangat mendalam sama ada menerusi tulisan, tanda bacaan, motif, corak, jenis, hiasan luaran mahupun hiasan dalamannya. Wujudnya konseptual dan kontekstual untuk memajukan seni khat di Nusantara tidak dapat lari dari peranan yang dimainkan oleh Yayasan Restu, Nasyrul Quran di Malaysia dan Lembaga Kaligrafi al-Qur'an dan Pondok LEMKA di Indonesia yang menjadikan penggunaan tulisan seni khat sama ada dalam berbagai mushaf, manuskrip, logam mahupun benda-benda lainnya menjadi semakin rancak, terutamanya ia dipelbagaikan lagi sehingga ianya dapat menjadi sebagai media dakwah, saluran artistik, hiasan estetika dan bahkan menjadi pola hidup dalam membentuk simbol-simbol seni kerohanian dan jasadiyah seseorang ataupun masyarakat persekitarannya.

Penerapan seni khat dalam masyarakat Nusantara, semakin marak dengan diwarnai setelah didirikannya yayasan dan lembaga atau institusi yang mengembangkan pengajaran dan pembelajaran seni khat ini. Wujudnya Yayasan Restu di Shah Alam, Selangor dan Nasyrul Quran di Present 14, Putrajaya, di Malaysia dan Lembaga Kaligrafi al-Qur'an dan Pondok LEMKA di Indonesia yang terus berusaha merealisasikan agar dapat melahirkan seni khat berwawasan Nusantara, selain akan lebih ramai lagi peminat, sama ada khatat mahupun seniman muslim yang berwibawa dan berkepakaran dalam bidang seni ini. Di samping itu, pengembangan yayasan ini melalui perjalanan panjang sehingga berdiri megah, dalam bangunannya sendiri di Kompleks Taman Seni Islam Selangor dengan menyimpan pelbagai koleksi seni khat dan mushaf, di bawah satu bumbung yang berhampiran dengan Masjid Negeri Shah Alam, Selangor. Kemudian dikembangkan ke Nasyrul Quran di Putrajaya sebagai percetakan al-Quran, terbesar di

Asia Tenggara. Pendekatan yang coba diterapkan yayasan tersebut adalah melalui kursus, pengajaran, kolej, pameran, penerbitan, pertandingan, galeri, seminar dan bengkel. Melalui cara seperti ini, Yayasan Restu dan Nasyrul Quran dapat mewujudkan cita-cita dan matlamatnya, selain dapat menghasilkan hasil kreativiti seni yang penuh inovasi bercirikan seni dan budaya Nusantara.

### **6.6.1 Konseptual Perkembangan Seni Khat melalui Yayasan Restu dan Nasyrul Quran, Malaysia**

Secara konseptual, kepelbagaian jenis seni khat yang dikembangkan oleh para khatat di Nusantara sudah beragam namun prinsip dasarnya masih lagi mengekalkan panduan kaedah-kaedah yang sedia ada, seperti yang diperankan oleh Yayasan Restu yang memiliki organisasi kepengurusan dengan membidangi beberapa bahagian di samping beberapa jabatan dan pusat yang sengaja dibentuk untuk melancarkan jalannya kepengurusan dalam yayasan. Adapun carta kepengurusan dalam Yayasan Restu adalah terdiri dari Yayasan itu sendiri, Lembaga Pemegang Amanah, Pengurus yang membidangi dalam bahagian Sukarelawan, Pemasaran yang dibantu oleh wakil pengedar, Produk, Galeri dan pameran, Kewangan dan Pentadbiran, Kumpulan dan kerjasama yang dibantu oleh beberapa bahagian. Sementara rekabentuk dan hiasan dalamannya terhias cantik dan menarik kerana telah mendapat rekabentuk hiasan dalaman yang menggabungkan gaya tradisional dan moden. Seni rekabentuk bangunannya tetap mencirikan seni dunia Islam dan ciri tempatan Malaysia. Seni reka pertama yang dapat menggamit hati pengunjung adalah daun pintu masuk utama berukuran besar berukir, hiasan ini menambahkan lagi keindahan binaan pusat seni

ini ditambah polesan hiasan seni khat di sebelah kiri pintu masuk. Selain itu, hiasan dalaman berupa pelbagai jenis seni khat bergantung di atas kaunter informasi. Selain itu ada juga kerja-kerja penyelesaian binaan bangunannya adalah dihasilkan oleh pekerja tempatan dengan hasil gabungan kemahiran yang dimiliki dengan dibantu khidmat kepakaran dari luar negara. Sejak yayasan ini ditubuhkan, rekabentuk binaannya mengalami perkembangan dari masa ke semasa sehingga terlihat seperti sekarang, selalu menyokong reka bentuknya yang unik berseni keperluan hiasan dalaman semasa (Profile Yayasan Restu, 2017).

Yayasan Restu terletak di Shah Alam, Selangor, dan Nasyrul Quran terletak di Present 14, Putrajaya, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kedua institusi ini dibina sebagai usaha untuk pengembangan seni dan budaya Islam serantau. Seperti badan-badan lainnya di Negara ini, Yayasan Restu dan Nasyrul Quran juga terus berusaha menjadi institusi yang dapat memberi pelayanan terbaik. Peranannya yang lain adalah membina mushaf Malaysia, pembinaan ini sebagai usaha pertama rakyat Malaysia untuk negara yang telah membantu dunia menghidupkan kembali seni mushaf yang telah menghilang sejak 500 tahun lampau. Usaha ini telah membuahkan hasil, dengan pelancaran secara rasminya al-Quran Mushaf Malaysia pada tarikh, 17 Ramadhan 1417 H bersamaan 26 Januari 1997 di Balai Pameran Islam, Pusat Islam, Kuala Lumpur. Inilah peranan utama yang menjadi misi penting Yayasan Restu sebelum mencipta mushaf-mushaf lainnya dengan corak dan jenis yang semakin baik dan moden. Institusi ini telah berusaha menerapkan penggunaan seni khat dalam berbagai Mushaf terbitannya, terutama Mushaf al-Quran Malaysia.<sup>11</sup> Hal ini adalah sebagai cara mewujudkan komited yayasan ini, sekaligus bentuk usaha merealisasikan penulisan seni khat dalam menerapkan bentuk-bentuk anatomi huruf seimbang dan tersusun antara satu dengan lainnya melalui pelbagai

medium seperti mushaf, manuskrip, kertas, kanvas dan lain-lainnya.

Ada beberapa usaha Yayasan Restu dan Nasyrul Quran dalam mengembangkan seni khat ini di beragam upaya untuk masyarakat Islam di Malaysia. Yakni *Penulisan mushaf al-Quran*, dengan menggunakan teknik seni khat sama ada secara tradisional mahupun moden terus diusahakan sehingga kini. *Pusat kaligrafi Arab dan Jawi Restu*, pusat ini merupakan salah satu pusat utama yang bertanggungjawab ke atas segala bentuk aktiviti melibatkan seni khat yang juga mempunyai khatat dan khatatah yang berbakat dalam penulisan seni khat dan Jawi. *Pusat pengajian seni Islam dan kraf restu*, pusat ini adalah salah satu tiang utama dalam memberikan pendidikan dan pembelajaran seni dan kraf seni Islam. *Penerbitan Restu*, jabatan ini memainkan peranan yang sangat penting dan bertanggung jawab segala yang berkait jabatan dan bahagian di yayasan ini. *Pusat senibina Islam dan hiasan dalaman restu*, jabatan ini merupakan pusat yang ditubuhkan pada tahun 2004, dengan tujuan untuk memperkenalkan rekabentuk senibina serta hiasan dalaman bermotifkan tradisional Islam yang kreatif di Malaysia. Bahagian ini merangkumi penglibatan seni khat dan seni zuhruf yang luas. Selain itu ada juga *muzium al-Quran dan mushaf Malaysia*, yayasan ini memiliki 3 (tiga) galeri. Galeri ini mempamerkan beberapa salinan al-Quran tulisan tangan yang dihasilkan dan diterbitkan oleh kakitangan mahupun para staf. Selain itu, setiap galeri ini juga mempamerkan pelbagai jenis produk artistik seni Islam dari perbagai cabang yang berbeza dihasilkannya, seperti karya seni khat, kraftangan berunsur Islam dan juga barang-barang cenderamata. Antara galeri-galerinya ini adalah: Galeri utama berisi al-quran mushaf Malaysia. Galeri II mengoleksi al-quran mushaf Nur Fatimah. Dan galeri III pula mengandungi al-quran mushaf al-Sakinah.

Konsep lain yang dikembangkan adalah dibinanya *kolej restu*, hal ini merupakan sebuah kolej berteraskan seni Islam yang dinamik dan istimewa. Konsep dasarnya bukanlah semata-mata pelajarannya hanya mempelajari prinsip-prinsip kesenian Islam, malah dapat juga terlibat dengan proses pembuatan produk-produk artistik itu sendiri. *Pusat rekacipta dan pengiklanan restu*, bahagian ini dianggap sebagai pusat kreativiti, kerana teknik dan teknologi yang diguna pakai di sini adalah bertaraf Antarabangsa. Terdapat profesional-profesional, pereka grafik, animator, juru gambar dan artis visual 3D berkemahiran tinggi, perisian computer terkini serta mesin pencetak terbaru yang juga akhirnya dikembangkan di Nasyrul Quran, di Putrajaya. *Pusat perisian komputer dan pembangunan multimedia*, pusat ini dikhususkan bagi membangunkan perisian yang berunsurkan Islam, sekaligus membantu masyarakat Islam memahami al-Quran. *Pusat pengurusan acara restu*, pusat ini telah ditubuhkan secara rasminya, pada tarikh 2 Februari 2003 dan bertanggung jawab dalam menganjurkan program dalaman dan luaran yayasan, seperti perasmian, pelancaran dan lain-lain. *Pusat kanak-kanak restu*, pusat ini ditubuhkan pada tahun 2006, sebagai sebuah pusat kecemerlangan pendidikan kanak-kanak. *Galeri restu*, merupakan pusat pameran produk-produk hasil kerja yayasan yang sentiasa mempamerkan keunikan dan profesional yang bernilai dan berkualiti tinggi.

Dijumpai juga beberapa pasiliti dan kemudahan lain dalam Yayasan Restu dan Nasyrul Quran ini selain bahagian-bahagian yang telah disebutkan di atas, di mana disediakan juga pelbagai fasiliti dan kemudahan lain yang menarik bagi semua pengunjung untuk dinikmati. Selain dari melihat pusat-pusat di bawah yayasan dan institusi, terdapat kemudahan-kemudahan lain untuk memudahkan pengunjung ke kedua tempat ini, seperti adanya restoran, kedai cenderamata, beduk berukuran besar sebagai hiasan, papan tanda, pancutan air, koleksi-koleksi khas, auditorium



dan dewan yang selesa untuk majelis serbaguna, bengkel dan pelatihan pendidikan seni dan hiasan zuhrūf, perpustakaan, muzium seni, ruang seni, ruang cetak, dan sebagainya.<sup>12</sup> Selain itu, ada kemudahan lain untuk para pengunjung ke kedua tempat ini, iaitu adanya disediakan perkhidmatan tandas, surau, lift, tangga dan laluan panjang untuk laluan kursi roda mahupun untuk membawa barang-barang berat. Malahan kemudahan lain seperti jadual bengkel dan kursus seni khat dan bilik kuliah kolej yang selesa turut disediakan, memudahkan bagi para penuntut yang tentunya menginginkan kejayaan. Kemudahan-kemudahan awam juga disediakan, kemudahan bermatlamat ketenangan, perkhidmatan kaunter, informasi dan lain-lain. Kewujudan bas awam, dapat memudahkan lagi pengunjung untuk datang ke tempat ini. Berikut beberapa gambaran reka bentuk ruangan dalaman yayasan restu dan nasyrul Quran, seperti berikut:



Ilustrasi 6.2 a. Gambar binaan luaran yang bertulis pelbagai jenis seni khat terhias indah di bangunan Yayasan Restu, Shah Alam. b. Gambar arca berdiri indah di tengah-tengah bangunan Yayasan Restu, arca ini merupakan terjemahan berupa huruf-huruf tunggal iaitu *Alif*, *Lam* dan *Mim*. c. Gambar binaan luaran yang bertulis beragam jenis seni khat di bangunan

Nasyrul Quran, Putrajaya (Profile Yayasan Restu & Nasyrul Quran, 2022).

### **6.6.2 Penerapan Kontekstual Kaedah Seni Khat melalui LEMKA dan Pondok LEMKA, Indonesia**

Penerapan kontekstual kaedah-kaedah seni khat yang baku dalam masyarakat semakin banyak diminati, ini seiring dan sejalan dengan realiti kenyataan hidup yang berpengaruh kepada keperluan terhadap penulisan buku-buku agama, penulisan mushaf, pertandingan seni khat dan pengembangan seni budaya Islam. Dirintisnya Lembaga Kaligrafi al-Quran LEMKA di Jakarta dan kemudian dikembangkan dengan Pondok Kaligrafi al-Quran LEMKA di Kota Sukabumi, Jawa Barat, keduanya menjadi institusi yang dapat menjawab semua usaha dalam merealisasikan agar dapat melahirkan lebih ramai lagi peminat, seniman ataupun khatat yang berkualiti dan berwibawa mewariskan seni khat ini di Indonesia khasnya dan di Nusantara amnya. Di samping itu, pengembangan kedua lembaga ini melalui proses sejarah panjang sehingga menjadi apa yang terlihat seperti sekarang. Sementara pendekatan yang cuba diterapkan LEMKA adalah melalui kursus, pengajaran, pameran, pementasan, pertandingan, seminar dan studi perbandingan. Melalui cara seperti ini LEMKA dapat melahirkan peminat, seniman dan khatat generasi pelapis yang lebih kreatif dan lebih inovatif dengan menguasai seni kebudayaan Islam secara mendalam sepanjang zaman.

Latar belakang sejarah LEMKA bermula dari lahirnya sebuah gagasan idea pertama untuk mendirikan Lembaga Kaligrafi al-Quran LEMKA berasal dari Dr. K.H. Didin Sirojuddin A.R, MAg. Bermula dari keinginan yang sebetulnya mirip khayalan untuk mendirikan semacam

organisasi atau lembaga dalam mengembangkan seni menulis halus Arab atau seni khat yang menjadi minatnya. Keinginan ini telah tercetus sejak tahun 1975, ketika itu beliau bersiap sedia menamatkan pengajiannya, selama enam tahun sebagai pelajar Pondok Moden Darussalam, Gontor, Ponorogo Jawa Timur. Barulah terwujud ide dan gagasan tersebut pada tahun 1985 sebagai sebuah wadah yang diinginkannya, keinginan dan cita-cita ini memakan masa panjang selama 10 (sepuluh) tahun. Pada tahun 1976, Didin Sirojuddin secara rasmi manjadi palajar Fakulti Adab Institut Agama Islam Negeri (IAIN), Syarif Hidayatullah Jakarta. Keinginan itu bertambah kuat, setelah menyelami kehidupan di Jakarta, ternyata lebih luas dalam menyalurkan bakat dan minat menulis seni khatnya. Penyaluran berbagai tulisan di pelbagaikan ke dalam penerbitan, buku-buku dan institusi-institusi lainnya. Sehingga menamatkan pengajian Sarjana Muda tahun 1982, keinginan Pak Didin masih tetap dianggap sebagai khayalan yang belum terwujud. Meskipun telah diusahakan berbagai cara seperti mencari rakan sesama khatat, penaja, penaung mahupun institusi untuk sepakat membuat lembaga mahupun institusi sebagai “tempat bernaung.” Gagasan idea itu, malahan sama sekali tidak menarik perhatian yang lain untuk bersatu merintis gagasan tersebut (Didin Sirojuddin A.R, 2017: 1).

Adanya gagasan idea dari Pak Didin untuk mendirikan suatu lembaga atau persatuan seni khat membuat hati dan pikiran Salim Fachry terbuka sebagai gurunya, bahkan ia merasa kembali bersemangat, setelah sekian puluh tahun meninggalkan pendidikan di Kairo. Lalu gagasan idea ini membuat beliau terpaksa mendesak Pak Didin untuk segera melaksanakan rancangan tersebut dengan baik dan matang. Akan tetapi sayang sekali lagi rencana tersebut tidak terlaksana dengan baik pada tahun itu, sehingga dua tahun kemudian berlalu tidak ada titik terang dan jalan keluar, kerana berbagai kendala termasuk masalah kewangan. Oleh

itu, kajian terus diwujudkan kenapa gagasan idea untuk mewujudkan suatu lembaga seni khat dan perhimpunannya selalu menemui kegagalan, bahkan terkadang terkeluar kata-kata “*jangan salahkan bunda mengandung*” kalau rencana tersebut terus berulang-ulang tertunda. Akhirnya sedikit demi sedikit terjawab juga penyebabnya, di antaranya terkait dengan permasalahan siapa-siapa sahaja orang-orang yang akan dihimpun, bagaimana teknisnya, apa program yang akan dilaksanakan, siapa tutor-tutor pakar seni khatnya, kemana organisasi pengembangannya setelah gagasan idea tersebut direalisasikan, kesusahan apa nantinya yang akan dipikul setelah diwujudkannya, kemana hala tujunya, jika organisasi tersebut benar-benar lahir bagaimana mekanisme kerjanya dan lain-lainnya

Pada tarikh 17 April 1985 bersamaan dengan 26 Rejab 1405 H, semua komponen pengurus bersiap sedia menerima “gagasan besar” perintisan lembaga tersebut, maka pada hari itu pula ditentukan sebagai hari dan tarikh kelahiran LEMKA. Kemudian tiga hari berikutnya iaitu pada tarikh 20 April 1985 bersamaan dengan 29 Rejab 1405 H, Dekan Fakulti Adab IAIN Syarif Hidayatullah Jakarta, Drs. Abd. Muthalib Sulaiman, memberikan pengukuhanannya di bilik seminar Fakulti Adab. Selain Pengurus Harian yang diketuai oleh Dr. Didin Sirojuddin A.R, M.Ag, hadir sama pertemuan tersebut iaitu Prof. H.M. Salim Fachry yang kemudian menjadi Penasihat Utama. Sedangkan K.H. M. Abd. Razzaq Muhili, tidak dapat hadir masa perasmian tersebut. Acara bersejarah itu diwartakan oleh Mohd. Nazi seorang wartawan Majalah Panji Masyarakat (Panjimas), dan diberitakan perasmian tersebut dalam edisi ke-466 tahun 1985. Setelah perasmian LEMKA pada tahun tersebut, maka ini dianggap sebagai gebrakan sangat luar biasa, bahkan ada yang berpendapat suatu langkah “setengah aneh” dan kerja gila di mana sebuah lembaga dalam lingkup besar diperuntukkan bagi pembinaan minat dan bakat “se-Tanah Air” Indonesia. Akan tetapi hanya dikendalikan oleh para

pengurus yang hanya terdiri dari seorang pensyarah muda dan para pelajar tahun satu. Di masa itu, hampir semua berpendapat “Benar-benar langkah nekad!” Proses perjalanan inilah yang menjadi titik awal bersejarah bagi LEMKA dan Pak Didin, dengan menyatakan bahawa para pelajar sebagai pengurus angkatan pertama itu dianggap sebagai orang-orang sangat berjasa “memberi kekuatan moral,” sehingga lembaga ini menjadi wujud dan menjadi nyata sehingga dapat dimiliki oleh ramai peminat seni khat di Nusantara sampai kini.

Perkembangan selanjutnya, iaitu empat hari setelah pengukuhan sebagai titik awal perasmian, iaitu tarikh 24 April 1985 bersamaan 4 Sya’ban 1405 H, berjaya dirumuskan satu pijakan utama dalam lembaga tersebut, iaitu Anggaran Dasar/Anggaran Rumah Tangga (AD/ART) LEMKA, dengan kumpulan perumus terdiri dari Drs. Didin Sirojuddin AR, Badri Yatim, Asep Usman Ismail, Ece Abidin, Mudrik Qori Indra dan Fuad Jabali. Setelah itu carta kepengurusan pun mulai disempurnakan. Sementara nama dan tujuan lembaga juga memiliki sejarah tersendiri, nama semula yang dicadangkan, adalah Poros Kaligrafi Ciputat. Tetapi ketika nama tersebut disingkat menjadi PKC, timbul kesan yang sangat buruk, kerana di Indonesia singkatan PKC adalah dikenal Parti Komunis Cina. Setelah itu muncul nama Lembaga Kaligrafi al-Quran (LEMKA) dan nama tersebut dipersetujui dan akhirnya singkatannya dikekalkan. Setelah singkatan ini ditemukan, sebagai tanda titik awal memulai satu kesepakatan penting menuju kejayaan yang lebih hebat di masa hadapan. Kemudian pada masa pengukuhan LEMKA sebagai tanda perasmian awal, tarikh 20 April 1985 dengan dipaparkan secara jelas tanpa ragu-ragu lagi iaitu “Pengembangan bakat dan pengenalan khazanah Islam” dengan usaha-usaha antara lain “Mempercepat proses pemasyarakatan seni menulis khat atau kaligrafi Islam kepada seluruh lapisan masyarakat, khususnya masyarakat muda, di tanah Air.”

Sistem pendidikan dan kursus yang dilaksanakan oleh LEMKA adalah kemahiran menguasai seni khat yang baku dan berkaedah. Tujuan ini merupakan matlamat utama yang harus dicapai di antara keseluruhan program lembaga ini. Hal ini, terkait dengan usaha pembinaan bakat yang bertujuan untuk dapat melahirkan para khatat yang mahir, atau pelukis seni khat yang pakar dan berwibawa, atau guru seni khat yang menguasai keseluruhan jenis khat dan sistem pengajarannya. Ada beberapa program yang menjadi tujuan utama penubuhan lembaga ini, di antaranya *Program pendidikan dan kursus*, program kursus seni khat LEMKA yang dijalankan, adalah ekspresi untuk mencari bentuk kursus seni khat, yang kemudiannya diajarkan kepada pelajar sekolah mahupun perguruan tinggi di Indonesia. *Sistem dan gaya kursus*, sebagai lembaga yang berdiri sendiri berbentuk organisasi otonomi, maka LEMKA terus berusaha bekerja secara profesional, sehingga dapat menghasilkan lembaga kursus memadai seperti apa yang diharapkan. *Sokongan dan pendukung kursus*, faktor lain yang menjadi penyokong dan bahkan menjadi pendukung kuat dalam proses pembelajaran kursus yang dijalankan di LEMKA. Salah satunya adalah pengenalan mengenai seni khat, yang menjadi salah satu komponen utama dalam memperkenalkan tulisan ke tahap lebih mendalam, hal ini dapat memberikan kerja berterusan bagi generasi pelapis secara baik, selain dapat juga lebih terbuka mencurahkan ekspresi seni mereka dari potensi diri yang mereka miliki. Pengenalan seni khat sebaiknya tidak hanya tertumpu kepada jenis huruf khat semata-mata, tetapi juga harus mencakupi pelbagai dimensi termasuk perkembangan tamadun Islam (Shaharuddin, 2004: 32).

Kemudian kontekstual pembinaan seni khat yang dijalankan melalui LEMKA, adalah salah satu cara untuk meningkatkan prestasi dan dapat melestarikan seni khat ke posisi penting dalam Tamadun Islam. Untuk itu, pihak pengelola telah melaksanakan tahapan-tahapan berikut, di

antaranya adalah *kursus dan pengajaran, Pameran dan pementasan, Pertandingan atau sayembara, Seminar dan Diskusi, Pembinaan dalam masyarakat, dan Studi perbandingan*. Demikianlah proses perkembangan seni khat yang terus berkembang bahkan tidak pernah mengenal kata berhenti, dengan iktikad tersebut maka LEMKA juga tidak pernah berhenti mempelbagaikan sistem pendidikan dan pembelajarannya dalam mempelajari seni khat ini, sehingga mencipta satu pembelajaran yang dianggap sebagai cara terbaik untuk memajukan seni ini di Indonesia khususnya dan di Nusantara amnya. Malahan proses *pembelajaran kursus LEMKA*, menjadi tumpuan untuk kemahiran menguasai seni khat sama ada secara tradisional mahupun kontemporeri. Tujuan ini merupakan kegiatan dan matlamat utama yang harus dicapai di antara keseluruhan programnya. Hal ini, terkait dengan usaha pembinaan bakat yang bertujuan untuk melahirkan lebih ramai para khatat yang mahir, atau pelukis seni khat yang pakar dan berwibawa, atau guru seni khat yang menguasai keseluruhan jenis khat dan sistem pengajarannya. LEMKA juga terus berusaha bekerja secara profesional, sehingga dapat menerapkan sistem pembelajaran yang baik, memiliki sistem pembelajaran memadai seperti apa yang diharapkan. Kenyataan ini diambil sebagai persiapan untuk menerima berbagai cabaran dan halangan di kemudian hari. Berikut gambaran LEMKA, logo dan Pondok Kaligrafi LEMKA, seperti di bawah ini:





- Ilustrasi 6.3 a. Suasana proses pengajaran dan pembelajaran dari pelbagai jenis seni khat di LEMKA di UIN Syahid, Jakarta, angkatan 2019. b. Logo LEMKA dan UIN Syahid, bertulisan *UIN & Lemka* dengan huruf bersambung di samping pen khat, hasil lakaran Drs. Syaiful Adnan, khatat kelahiran Solok, 5 Julai 1957. c. Suasana bahagia dari para pelajar di Pesantren Kaligrafi LEMKA di Sukabumi, Provinsi Jawa Barat, Indonesia (Profile LEMKA, Jakarta & Pondok LEMKA, Sukabumi, Jawa Barat, 2022).

## 6.6 KESIMPULAN

Pertumbuhan dan perkembangan seni khat sudah merupakan perkembangan sunnatullah. Lahirnya seni khat bersumber daripada huruf Arab tersebar ke seluruh dunia Islam telah memperkokoh kedudukan seni dan budaya Islam dalam segala aspek kehidupan umatnya. Seni khat memiliki ciri dan sifat tersendiri yang unik kerana mengandungi pelbagai jenis, corak, bentuk, ciri, motif dan sifatnya yang pelbagai dalam segala segi. Jenis seni khat juga banyak bermunculan atas daya upaya beberapa kaligrafer awal lalu diikuti oleh khat kemudiannya. Teknik dan kaedah mereka inilah yang seterusnya menonjol menjadi panduan sehingga kini di dunia Islam sehingga ke Nusantara. Sementara perkembangan seni khat di Nusantara yang terus berkembang kerana adanya proses pengembang yang mendukung, adanya bukti-bukti sejarah sebagai dalil



wujudnya seni khat sebagai bukti awal masuknya Islam ke Nusantara. Selain itu, seni khat juga menjadi satu aktiviti berinovasi yang meluas penggunaannya, dipelbagaikan dalam beragam kegiatan, diperlapang di pelbagai bidang, ini tiada lain kerana disokong oleh adanya kepakaran, kreativiti dan professional para khatatnya. Selain itu, terus direkonstruksi dan dipelihara kembali oleh pecinta seni terdahulu sehingga dapat menjadi warisan budaya dan tamadun Islam yang dapat berkekalan sehingga ke anak cucu. Selain itu, penerapan seni khat dalam masyarakat Islam Nusantara juga terus cuba direalisasikan melalui sekolah, yayasan, lembaga, pondok, institusi sehingga perguruan tinggi di Nusantara. Hal tersebut sebagai usaha untuk melahirkan lebih ramai lagi peminat, penggiat, seniman dan khatat. Pendekatan yang cuba diterapkan adalah melalui kursus, pengajaran, pameran, pementasan, pertandingan, seminar dan studi perbandingan dan sebagainya.

Sementara perkembangan karakteristik seni khat kontemporer di Nusantara yang terus berkembang kerana adanya proses pengembang yang mendukung, selain para peminat dan khatat yang selalu berinovasi. Adanya Yayasan Restu dan Nasyrul Quran sebagai pengelola hasil seni Islam di Malaysia, terutama penggunaan seni khat, pengaplikasian seni khat dalam pelbagai mushaf al-Quran, penulisan Jawi, kata-kata hikmah dan pelbagai hasil karya seni Islam lainnya sebagai kekayaan karya khazanah Islam di Asia Tenggara. Penerapan seni khat dalam masyarakat Islam di Indonesia juga cuba direalisasikan melalui LEMKA di Jakarta dan Pondok Kaligrafi LEMKA di Sukabumi, Jawa Barat. Hal ini sebagai usaha melahirkan ramai lagi peminat, seniman dan khatat bidang seni khat ini. Selain pendekatan yang cuba diterapkan oleh LEMKA adalah melalui mencipta karya-karya yang dapat dijadikan sebagai ciri perkembangan seni khat tradisional dan kontemporer di Nusantara. Melalui cara

seperti ini, LEMKA dapat melahirkan banyak lagi memberi sistem pembelajaran yang lebih kreatif dan inovatif dengan menggambarkan seni dan budaya Islam serantau. Selanjutnya dapat memajukan juga seni khat ini dalam berbagai jenis dan coraknya sehingga dikenali oleh semua kalangan masyarakat. Selain itu, diharap juga dapat menggambarkan perpaduan pelbagai motif, corak, gaya dan bentuk yang dapat melahirkan ciri khas tersendiri sebagai karya agung yang wujud berupa perlambangan atau simbol, hiasan indah lagi artistik beragam bentuk dengan berlatar belakang seni dan budaya masyarakat Islam.

## RUJUKAN

- Al-Quran dan Terjemahannya. (2017). Jakarta: Departemen Agama Republik Indonesia.
- Al-Nadim dalam Bayard Dodge. (t.th). *The fihrist of al-Nadim*. New York: Columbia University.
- Abdul Djalil Pirous. (2003). *Menulis itu melukis*. Bandung: Penerbit ITB.
- Ahmad Rashidi Hasan. (2001). *Sejarah seni lukis sepintas lalu*. Shah Alam: Karisma Publication. Sdn. Bhd.
- Ali Akbar (2015). *Kaedah menulis kaligraf dan karya-karya master*. cet. iii. Jakarta: Pustaka Firdaus.
- An Nemari.e Schimmel. (2017). *Islamic calligraphy*. Leiden: E.J. Brill.
- Brosur Yayasan Restu. (2009 & 2022). *Restu foundation*, Shah Alam: Yayasan Restu.
- Didin Sirojuddin, A.R. (2015). *Seni kaligrafi Islam*. Jakarta: Pustaka Panjimas.
- Didin Sirojuddin, A.R. (2012). *Dinamika kaligrafi Islam*, (terj). Jakarta: Darul Ulum Press.
- Fauzi Salim Afifi. (1994). *Haul manahij ta'lim al-khat al-Arabī*. Mesir: Maktabah Mamduh.
- Hasan Muarif Ambary. (1990). *Kaligrafi Islam di Indonesia: Telaah dari data arkeologi*. Jakarta: Departemen Pendidikan dan Kebudayaan, Pusat Arkeologi Nasional.

- Hasyim Bin Musa. (t.th). *Sejarah perkembangan tulisan Jawi*. Kuala Lumpur: DBP.
- Hasyim Muhammad al-Baghdadi. (1381 H/1961M). *Qawā'id al-khat al-'Arabī*. Baghdād: Wazarah al-Maarif al-Iraqiyah. Isma'il Raji al-Faruqi dan Lois Lamyā` al-Faruqi (1986), *The Cultural Atlas of Islam*. New York: Macmillan Publishing Company.
- Hikayah*. Edisi thn ii, Mei 2004 dan *Hidayah*. Edisi thn vi, Januari 2002.
- <http://id.wikipedia.org/wiki/Malaysia>. (2022).
- <http://id.wikipedia.org/wiki/Indonesia>. (2022).
- <http://www.facebook.com/profile.pondok.kaligrafi.lemka>. (2022).
- <http://panduankaligrafi.com>. (2022).
- <http://www.galeri-nasional.or.id/koleksi>. (2022).
- <http://www.panduankaligrafi.com>. (2022).
- <http://hilyatulqalam.wordpress.com>. (2022).
- <http://www.calligraphydesign.com>. (2022).
- <http://www.lemka.com>. (2022).
- <http://www.nasyrul.quran.com>. (2022).
- <http://www.yayasan.restu.com>. (2022).
- <https://www.imuzaki.com/2019/11/ciri-ciri-kaligrafi-kontemporer.html>.
- Isma'il Raji al-Faruqi dan Lois Lamyā` al-Faruqi. (1999, 2016). (terj. Hartono Hadikusuma). *Seni tauhid: Esensi dan ekspresi estetika Islam*. Yogyakarta: Yayasan Bintang Budaya.
- Israr, C. (1985, 2016). *Dari teks klasik sampai ke kaligrafi 'Arab*, Jakarta: Yayasan Masagung.
- Jainal Sakiban. (2005). *Seni khat: Keindahan dalam kepelbagaian sejarah, tokoh dan karya*, Kajang Selangor: Synergymate.
- Jurnal *Purba*. (1989, 2022). *Unsur-unsur kesenian Islam dalam ukiran kayu Kelantan*, Kuala Lumpur: United Selangor Sdn. Bhd.
- Kamil Baba. (1983, 2017). *Ruh al-khat al-'Arabī*. Beirut: Maktab al-Nahdah.
- Kamus Besar Bahasa Indonesia*. (2015). Jakarta: Departemen P dan K Republik Indonesia.

- Kamus Dewan, edisi keempat.* (2015). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mahmud Buchari. (2015). *AD. Pirous*, Bandung: Galeri Decenta.
- Muhammad Quraish Shihab. (1996). *Wawasan al-Quran*. Bandung: Mizan.
- Oloan Situmorang. (2015). *Seni rupa Islam, Pertumbuhan & Perkembangannya*. Bandung: Angkasa.
- Othman Mohd. Yatim. (1989 & 2017). *Seni khat warisan Islam*, Kuala Lumpur: DBP.
- Othman Mohd. Yatim. (2006). *Batu Aceh; Early Islamic gravestones in peninsular Malaysia*. Kuala Lumpur: Muzium Negara.
- Persatuan Seni Khat Kebangsaan, *Pesona Seni Khat*. (1998). bil. Pertama. Petaling Jaya: PSKK.
- Pirous, A.D. (2001). *Pameran seni khat antarabangsa Hamid al-Amidi*, (Alih Bahasa Sharifah Fatimah Zubir). Kuala Lumpur: Balai Seni Lukis Negara.
- Pusat Dakwah Islamiah. (2005). *Koleksi peraduan menulis khat ASEAN (tahun 1985-2004)*, Brunei Darussalam: Kementerian Hal Ehwal Ugama.
- Sayyed Hossein Nasr. (1966). *Ideals and realities of Islam*. London: George Allen and Unwin.
- Syahrudin. (2001). *Kaligrafi al-Quran dan metodologi pengajarannya*, Jakarta: Sabit Kaligrafi.
- Syahrudin. (1421H/2000M). *Teknik pPengolahan kaligrafi dekorasi*. Jakarta: Yayasan Kalimah.
- Wan Ali Hj Wan Mamat. (1987, 2018). *An introduction to Malay paleography*, a Report for Master of Arts, School for Library, Archives and Information Studies. London: University of College.
- Yasin Hamid Safadi. (1978). *Islamic calligraphy*. London: Thames and Hudson Limited.
- Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia. (2003). *Ensiklopedia Islam untuk pelajar*. Kuala Lumpur: Era Visi Publication. Sdn. Bhd.
- Yunus Yamanie, *et.al.* (1996). *Seni rupa kontemporer Istiqlal*. Jakarta: Yayasan Festival Istiqlal.

- Makmur. (2006). “*Seni kaligrafi Islam Jambi: Satu kajian kes*” (Thesis, Alam dan Tamadun Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia).
- Makmur & Bukhari Lubis. (2014). *Seni kaligrafi Cina dan kaligrafi Islami: Kajian pengaruh karya-karya seni kaligrafi Cina dan seni kaligrafi Islami terhadap seni dan budaya di Alam Melayu*. Persidangan Antarabangsa Pengajian Melayu: Hubungan Malaysia-China (Papem 2014). Beijing.
- Nik Yusri Musa Ilham Che Daud @ Zakaria & Nazri Muslim Jamsari Alias. *Malim-Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara* – Vol 18: 30-42. <http://ejournals.ukm.my/malim>. ISSN Print: 1511-8393. ISSN Online: E-ISSN 2289-5183. <https://doi.org/10.17576/malim-2017-1801-03> © Pusat Citra Universiti, UKM Bangi indexed in MyCITE. *Sejarah perkembangan seni khat dan pengaruhnya terhadap tulisan Jawi di Nusantara*. Universiti Malaysia Kelantan.
- Noorzahidah binti Mohd. Zain, *et.al* (2009). “*Peranan muzium kesenian Islam Malaysia dan Yayasan Restu dalam Tamadun Melayu*” (Kertas Kerja, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti. Malaya).
- Yayasan Restu, Kompleks Taman Seni Islam Selangor. (2022), <http://www.restu-art.com>, Lihat  
<http://www.mushaf.com.my>, Lihat  
<http://74.6.146.127/search/cache/yayasan-restu-malaysia>.

BAB 7  
**KOMPETENSI GURU  
PENDIDIKAN ISLAM DALAM  
BIDANG JAWI**

<sup>1</sup>*Mohd Mazhan Tamyis*, <sup>2</sup>*Zahari Suppian dan Abu Hashim*  
<sup>3</sup>*Saad*

<sup>1</sup>Fakulti Pembangunan Manusia,  
Universiti Pendidikan Sultan Idris,  
35900 Tanjong Malim, Perak Darul Ridzuan.  
0103945256  
Email: mazhannany888@gmail.com

<sup>2</sup>Fakulti Pembangunan Manusia,  
Universiti Pendidikan Sultan Idris,  
35900 Tanjong Malim, Perak Darul Ridzuan.  
0174366580  
Email: zahari.suppian@fpm.upsi.my

<sup>3</sup>Kolej Komuniti Tasek Gelugor,  
Pulau Pinang  
0194239005  
Corresponding Author:  
Email: zahari.suppian@fpm.upsi.my

**Abstrak**

Tulisan Jawi diinovasikan daripada huruf Arab untuk mengeja bahasa Melayu. Walaupun tidak lagi dijadikan tulisan rasmi, kepentingan memasyarakatkan tulisan Jawi telah dipandukan menerusi pelaksanaan bidang Jawi dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Pendidikan Islam (BJdKPI). Artikel ini membincangkan beberapa

elemen kompetensi yang diperlukan oleh Guru Pendidikan Islam (GPI) untuk memasyarakatkan tulisan Jawi khususnya dalam aspek pengajaran dan pembelajaran Jawi di sekolah rendah. Metodologi kajian menggunakan pendekatan sorotan literatur melalui analisis kandungan. Pencarian jurnal terpilih dari tahun 2020-2022 dilakukan menerusi medium carian Google Scholar. Berdasarkan kata kunci “Jawi”, “Guru Pendidikan Islam” dan “kompetensi”, sebanyak 16 jurnal telah terpilih untuk dikaji. Hasil analisis yang dijalankan menunjukkan terdapat beberapa elemen kompetensi yang diperlukan oleh Guru Pendidikan Islam dalam bidang Jawi merangkumi aspek ilmu pengetahuan, kemahiran dan personaliti. Implikasi kajian ini menunjukkan perlunya penyediaan sumber sokongan dan input dari segi latihan profesionalisme berterusan untuk Guru Pendidikan Islam dan penyediaan bahan sokongan pembelajaran yang bermakna. Kajian akan datang boleh meneroka peranan yang boleh dimainkan oleh GPI sebagai agen pelestarian tulisan Jawi bukan sahaja sebagai pelaksana kurikulum malah sebagai agen perubahan masyarakat khususnya dalam aspek kecintaan terhadap warisan budaya bangsa.

**Kata kunci:** Kompetensi, Guru Pendidikan Islam, Bidang Jawi, Kurikulum Pendidikan Islam, Sekolah Rendah.

- 7.1 Pengenalan 158
- 7.2 Tinjauan Literatur 159
- 7.3 Objektif Kajian 161
- 7.4 Metodologi Kajian 162
- 7.5 Dapatan 163
- 7.6 Perbincangan & Cadangan 169
  - 7.6.1 Pengetahuan GPI dalam bidang Jawi 170
  - 7.6.2 Kemahiran GPI dalam bidang Jawi 172

- 7.6.3 Personaliti GPI dalam bidang Jawi 173
- 7.6.4 Cadangan 174
- 7.7 Kesimpulan 174

## 7.1 PENGENALAN

Terdapat dua tulisan dalam bahasa Melayu, iaitu tulisan Jawi dan juga tulisan rumi. Tulisan Jawi ialah tulisan huruf-huruf Arab yang digunakan dalam bahasa Melayu dan ditulis dari arah kanan ke kiri serta ditokok enam huruf yang tiada dalam bahasa Arab, iaitu; *ca, pa, ga, nga, va* dan *nya* [1]. Kepentingan tulisan Jawi wajar dipertahankan kerana tulisan tersebut adalah identiti negara, warisan budaya dan jati diri Melayu-Islam dan telah banyak memberikan sumbangan kepada ketamadunan ilmu [2]. Menyedari hal tersebut, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah meletakkan Jawi sebagai salah satu bidang dalam organisasi kandungan mata pelajaran Pendidikan Islam sekolah rendah selain bidang al-Quran, Hadis, Akidah, Ibadah, Sirah, dan Adab. Bahkan, tulisan Jawi juga telah dijadikan medium asas pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam kerana buku teks dan bahan pengajaran lain kebanyakannya menggunakan tulisan Jawi [3]. (Tamyis, 2013).

Bidang Jawi dalam kurikulum standard sekolah rendah pendidikan Islam (BJdKPI) mempunyai dua objektif utama, iaitu (1) membolehkan murid membaca, membina dan menulis ayat serta teks dalam tulisan Jawi serta mencintainya sebagai warisan budaya bangsa; dan (2) membolehkan murid menulis khat Nasakh dan Rikaah mengikut kaedah yang betul [4]. Di samping itu, pelaksanaan program j-QAF (Jawi, al-Quran, bahasa Arab dan Fardu Ain) semenjak 2005 dilihat sebagai usaha memperkasakan Pendidikan Islam dan menyokong



pelaksanaan BJKPI. Langkah KPM memperkenalkan Kem Cemerlang Jawi (KJC) pada tahun 2015 sebagai aktiviti pembelajaran susulan untuk murid pemulihan bertujuan memastikan murid dapat menguasai kemahiran mengenal, membaca dan menulis Jawi dengan sempurna[5]. Hal ini dibuktikan melalui penetapan beberapa standard penguasaan asas yang sewajarnya menjadi panduan dan target minima Guru Pendidikan Islam (GPI) untuk membantu murid menguasai pembelajaran Jawi dalam program pemulihan Jawi j-QAF [6]. Tegasnya, pelaksanaan bidang Jawi dalam kurikulum pendidikan Islam yang berkesan di peringkat sekolah rendah adalah penting sebagai persediaan pelestarian tulisan Jawi sebagai warisan budaya di peringkat sekolah menengah dan dalam kehidupan seharian. Justeru, penulisan kertas konsep ini akan membincangkan beberapa elemen kompetensi yang diperlukan oleh GPI khususnya dalam aspek pelaksanaan bidang Jawi dalam kurikulum Pendidikan Islam sekolah rendah.

## **7.2 TINJAUAN LITERATUR**

Pelaksanaan BJKPI adalah sejajar dengan hasrat kerajaan melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2015 yang mengaspirasikan modal insan yang dipacu dengan nilai-nilai murni dan dapat bersaing di peringkat global. Lantaran itu, generasi muda perlu dididik dengan pengetahuan dan kemahiran berfikir, kemahiran memimpin, kemahiran dwi bahasa, etika dan kerohanian serta identiti nasional melalui pelaksanaan kurikulum pendidikan [7]. Salah satu daripada kemahiran bahasa yang merupakan warisan dan identiti nasional adalah tulisan Jawi.

Namun, kajian-kajian lepas menunjukkan terdapat jurang antara perancangan kurikulum di peringkat pusat dengan realiti pelaksanaan guru di bilik darjah yang wajar diberikan perhatian [8],[9],[10]. Sebagai contoh, kajian [8] merumuskan bahawa ramai pelajar di peringkat Menengah masih lemah membaca dan menulis Jawi. Hal ini didakwa mempunyai hubung kait dengan kelemahan pelajar dalam mata pelajaran Pendidikan Islam. Sementara kajian [9] mendapati penguasaan tulisan Jawi dalam aspek membaca dan menulis dalam kalangan murid masih lagi pada tahap sederhana. Selanjutnya, kajian [10] bertujuan mengenal pasti persepsi GPI Sekolah Menengah terhadap kemahiran tulisan Jawi dalam kalangan pelajar tingkatan satu yang telah menjalani program j-QAF di peringkat sekolah rendah. Dapatan kajian beliau mendapati tahap kemahiran pelajar dalam tulisan Jawi adalah sederhana rendah.

Di antara faktor yang menyumbang kepada kelemahan penguasaan murid dalam pembelajaran Jawi adalah berkaitan kompetensi guru [11], [12], [13]. Terdapat dakwaan yang menyatakan kelemahan penguasaan murid dalam Jawi dikatakan berpunca daripada pengajaran GPI yang dianggap membosankan [13]. Sementara kajian [11] mendapati kelemahan GPI dalam pengajaran Jawi melibatkan aspek penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) dan aspek latihan dalam perkhidmatan berkaitan pedagogi kandungan Jawi. Manakala kajian [3] pula mendapati segelintir GPI sekolah rendah kurang menghayati status kepentingan pembelajaran Jawi dalam kurikulum pendidikan Islam). Beliau turut mendapati GPI menganggap pengajaran Jawi adalah lebih sukar berbanding pengajaran bidang lain dalam mata pelajaran pendidikan Islam disebabkan banyak melibatkan fakta linguistik dan perubahan yang kerap berlaku dalam sistem ejaan Jawi baharu. Malah kajian [12] menunjukkan terdapat GPI yang gagal menguasai kemahiran Jawi dan segelintir dalam

kalangan mereka turut menagalami ‘buta Jawi’. Selanjutnya, kajian [14] mendapati tahap kesediaan GPI (min=1.80) dan keberkesanan pelaksanaan KCJ (min=1.60) KCJ berada pada tahap yang rendah. Jelasnya, rentetan literatur diatas menunjukkan wujudnya lompang yang boleh diisi dalam kajian yang membabitkan keperluan pengisian kompetensi GPI dalam bidang Jawi.


Oleh yang demikian, bagi memastikan murid yang terhasil daripada pelaksanaan BJDKPI adalah murid yang mempunyai penguasaan Jawi yang baik, GPI memainkan peranan penting sebagai pelaksana dan agen perubahan kurikulum [6]. Tegasnya, kejayaan pelaksanaan kurikulum dipengaruhi oleh pemahaman terhadap objektif dan matlamat sesuatu kurikulum, kepelbagaian input dan sumber sokongan yang baik serta proses pelaksanaan kurikulum di peringkat sekolah seperti pengajaran yang berkesan, hubungan kolaboratif sesama guru dan lain-lain lagi. Justeru, penulis berpandangan adalah amat wajar satu analisis literatur yang komprehensif dijalankan bagi melihat elemen kompetensi yang diperlukan GPI dalam pelaksanaan bidang Jawi dalam kurikulum pendidikan Islam.

### **7.3 OBJEKTIF KAJIAN**

Penyelidikan ini bertujuan untuk mengenal pasti aspek-aspek yang berkaitan dengan kompetensi GPI dalam bidang Jawi yang dibincangkan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu. Rasional kajian ini dijalankan untuk melihat elemen-elemen kompetensi yang diperlukan oleh GPI dalam bidang Jawi dalam KSSR Pendidikan Islam yang membabitkan aspek kecintaan terhadap warisan budaya dan pelestarian Jawi dalam kehidupan seharian.

## 7.4 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dijalankan dalam ruang lingkup yang terhad disebabkan bidang Jawi agak kecil, iaitu hanya melibatkan kajian di nusantara sahaja. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini ialah analisis kandungan melalui pengumpulan bahan literatur, menganalisis dan menyimpulkan bahan kajian lepas dan disesuaikan dengan sesuatu bidang ilmu dalam konteks semasa. Seseorang pengkaji akan menganalisis artikel-artikel terpilih dan dikategorikan mengikut tema kupasan dan skop kajian yang ditentukan lebih awal [15].



**Rajah 7.1** Proses pemilihan artikel jurnal

Proses pencarian artikel jurnal dalam kajian ini membabitkan artikel jurnal yang diterbitkan dalam jurnal berwasit berdasarkan faktor kekinian jurnal menggunakan enjin carian *Google Scholar*. Justifikasi pemilihan pengkalan data akademik *Google Scholar* adalah kerana ia mempunyai kekuatan dari segi pencarian yang menyeluruh, hasil carian yang lebih stabil dan fungsi pencarian yang lebih banyak berbanding yang lain [16]. Di samping itu, kata kunci yang digunakan adalah dalam bahasa Melayu, iaitu “Jawi”, “kompetensi” dan “Guru Pendidikan Islam” dengan menggunakan bolean ‘AND’, pencarian artikel juga

berdasarkan susunan kerelevanan dan had tempoh 2020-2022 bagi mendapatkan artikel terkini. Rajah 7.1 menunjukkan proses pemilihan artikel.

Selain itu, bagi mendapatkan artikel yang tepat dan bersesuaian dengan objektif, beberapa langkah diambil bagi proses penapisan kesemua artikel yang diperolehi dalam rajah 1. Proses saringan menetapkan kriteria seperti berikut; (1) pemilihan artikel jurnal sahaja; (2) pemilihan artikel bahasa Melayu dan bahasa Inggeris sahaja; (3) artikel terbitan tahun 2019 dan sebelumnya dikecualikan; dan (4) topik dipilih hanya melibatkan kompetensi GPI dalam kurikulum pendidikan Islam sahaja (topik yang melibatkan kurikulum mata pelajaran lain dan berkaitan manuskrip kitab lama dikecualikan daripada kajian).

## **7.5 DAPATAN**

Hasil pencarian mendapati sebanyak 16 artikel sesuai untuk dianalisis dalam kajian ini. Jadual 1 memaparkan analisis kandungan artikel yang dipilih berdasarkan tema kompetensi GPI. Berdasarkan hasil pencarian tersebut, sembilan artikel adalah berbentuk penulisan artikel berasaskan kajian [17],[18],[19],[20],[21],[22],[23],[24],[25]. Sementara tujuh artikel selebihnya pula adalah artikel bukan berasaskan kajian [26],[27],[28],[29],[30],[31],[32].

Sembilan artikel berasaskan kajian tersebut meliputi perbincangan mengenai beberapa aspek, iaitu; (1) bidang Jawi dalam kurikulum [19],[21]; (2) kualiti GPI [17],[18],[20],[23]; dan (3) Pengajaran GPI [22],[25].

Bidang Jawi juga merupakan suatu mata pelajaran yang penting dalam silibus pendidikan di bawah kendalian Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN). Sebagai contoh,

kajian[21] bertujuan meneroka kompetensi pengetahuan dari aspek isi kandungan pelajaran yang diajar oleh GPI di Sekolah Rendah Agama Integrasi (SRAI) negeri Selangor. Kajian mereka mendapati bahawa mata pelajaran Jawi kurang dominan dalam pengajaran GPI. Kajian mereka juga mendapati faktor kompetensi pengetahuan dalam aspek isi kandungan pelajaran GPI terdiri daripada aspek subjek, sukatan pelajaran, penghayatan amalan dan minat. Sementara kajian[19] ke atas responden GPI SRA di Kuala Lumpur menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara kefahaman dan kemahiran GPI terhadap pengajaran Jawi dengan nilai korelasi pada tahap sederhana ( $r=0.22$ ). Ini membuktikan bahawa tahap kefahaman dan kemahiran GPI dalam pengajaran Jawi dapat meningkatkan keberkesanan pembelajaran Jawi murid.

Namun, kajian [20] menunjukkan penguasaan Jawi dalam kalangan segelintir GPI sekolah menengah berada pada tahap sederhana. Ini kerana responden dalam kajian mereka mendakwa GPI kurang menguasai bidang Jawi berbanding aspek lain dalam pengajaran Pendidikan Islam. Hal ini terjadi mungkin disebabkan GPI sekolah menengah lebih mengutamakan isi kandungan mata pelajaran pendidikan Islam berbanding aspek literasi Jawi walaupun buku teks pendidikan Islam ditulis dalam tulisan Jawi. Selain kemahiran Jawi, beberapa aspek lain yang dilihat penting untuk dikuasai oleh GPI adalah berkaitan sikap profesionalisme keguruan. Sebagai contoh, penyelidik dalam kajian [17] mendapati dua sikap yang perlu ada dalam diri GPI adalah kebijaksanaan menguruskan masa dan kolaboratif rakan sejawat. Manakala kajian [18] menunjukkan bahawa sikap kebijaksanaan menyesuaikan diri dengan persekitaran sekolah boleh membantu GPI dalam pengajaran Pendidikan Islam secara bestari. Ini

kerana pengajaran bestari bergantung kepada kreativiti GPI menganalisis kelebihan persekitaran dan bukan mengharapkan alat teknologi pengajaran semata-mata. Selanjutnya, kompetensi GPI juga dilihat melalui pelaksanaan pengajaran berkesan. Hal ini ditekankan [23] dalam kajian mereka yang mendapati GPI kurang menguasai beberapa elemen pengajaran seperti perancangan pengajaran melibatkan penulisan Rancangan Pengajaran Harian (RPH) yang baik, kemahiran menggunakan penyediaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT), kemahiran menggabungkan pelbagai pendekatan dan kaedah pengajaran, kemahiran membangunkan dan mengintegrasikan Bahan Bantu Mengajar (BBM) dalam pengajaran dan kemahiran membuat refleksi pengajaran sendiri.

Untuk itu, GPI disarankan menggunakan pendekatan pengajaran berasaskan murid [22],[25]. Kajian [22] menunjukkan bahawa tahap kesediaan GPI terhadap pelantar multimedia dalam pengajaran pendidikan Islam dari segi sikap, kemahiran dan pengetahuan adalah sederhana tinggi, iaitu ( $\text{min}=3.70$ ) dan ( $\text{sp}=0.62$ ). Manakala kajian [25] berjaya meneroka enam elemen pembelajaran aktif berpusatkan murid dalam kalangan GPI, iaitu; (1) semua murid terlibat dalam aktiviti; (2) murid melakukan aktiviti mereka sendiri; (3) murid belajar daripada aktiviti; (4) aktiviti yang pelbagai mengikut tahap murid; (5) beberapa set aktiviti dalam satu sesi pengajaran; dan (6) aktiviti didik hibur.

Manakala tujuh artikel bukan berasaskan kajian (kertas konsep) membicarakan tentang pengaruh kompetensi GPI dalam pengajaran berasaskan KBAT [26]; sikap profesionalisme GPI [27],[30]; kreativiti dan pengajaran GPI berasaskan multimedia [28], [32]; dan kompetensi GPI dalam pengajaran Jawi [29], [31]. Sebagai contoh,

penyelidik dalam kajian [31] berpendapat bahawa tiga faktor dominan mempengaruhi penguasaan isi kandungan Jawi dalam kalangan GPI adalah faktor demografi, latihan dan sistem ejaan Jawi. Sementara [29] berpendapat bahawa GPI perlu prihatin terhadap perubahan dan pelaksanaan polisi bidang Jawi dalam kurikulum pendidikan Islam semasa seperti perubahan aspek pentaksiran dan penilaian, pelaksanaan program pemulihan Jawi dan pelaksanaan pengajaran berpusatkan murid melalui elemen pedagogi abad ke-21.

Ringkasnya, berdasarkan analisis kandungan 16 artikel tersebut, penulis berpandangan bahawa kelestarian dan hala tuju bidang Jawi dalam kurikulum nasional perlu diambil kira dengan serius oleh semua pihak. Tindakan ini boleh dimulakan dengan menyediakan input yang bermakna kepada GPI sebagai agen perubahan kurikulum di peringkat akar umbi. Justeru, inti pati dapatan kajian pengkaji terdahulu akan menjadi kerangka utama perbincangan seterusnya.



**Jadual 7.1** Analisis Kandungan Artikel Jurnal Berasaskan Tema Kompetensi Guru Pendidikan Islam

<b>Bil.</b>	<b>Pengarang/ Tahun</b>	<b>Rekabentuk</b>	<b>Dapatan</b>
1	Hamidon & Sihes (2020)	Kualitatif (Analisis kandungan)	Kompetensi GPI boleh memberi pengaruh terhadap amalan pengajaran berasaskan KBAT dalam aspek pengetahuan, kemahiran dan sahsiah guru.
2	Ramlie et al. (2020)	Kualitatif (Analisis kandungan)	Ciri utama profesionalisme Guru Pendidikan Islam berasaskan 'riadah ruhiyah' adalah hubungannya dengan Allah SWT. Hubungan ini didakwa menjadi nadi penggerak secara proaktif dan pemangkin aspek lain seperti aspek pengajaran dan pembelajaran.
3	Wan Abdullah et al. (2020)	Kualitatif (2 orang guru pendidikan Islam Inovatif)	Dua satu ciri Guru Pendidikan Islam yang berkualiti daripada amalan GPI Inovatif adalah; (1) kebijaksanaan dalam aspek pengurusan masa tanpa mengabaikan hak keluarga dan masyarakat; dan (2) kolaboratif.
4	Mohd Zeki et al. (2020)	Kuantitatif (Kajian Kes)	GPI perlu bijak menyesuaikan pengajaran pendidikan Islam dengan persekitaran sekolah dengan cara menganalisis kelebihan persekitaran sekolah untuk digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran. Contoh: penggunaan pedagogi pribumi.
5	Mohamad Yusof & Zulkifli (2021)	Kuantitatif (kajian tinjauan)	Terdapat hubungan yang signifikan antara kefahaman dan kemahiran GPI terhadap pengajaran mata pelajaran Jawi. Tahap kefahaman dan kemahiran GPI berkorelasi dengan tahap keberkesanan murid dalam pembelajaran Jawi.
6	Wan Abdullah et al. (2021)	Kuantitatif (kajian tinjauan)	Berdasarkan persepsi responden pelajar, GPI sekolah menengah didakwa kurang menguasai bidang Jawi berbanding aspek lain dalam pengajaran Pendidikan Islam.
7	Sani et al. (2021)	Kualitatif (kajian kes)	Jawi antara subjek yang kurang menyerlah diajar oleh GPI. GPI perlu mahir dari segi isi kandungan mata pelajaran, sukatan pelajaran, amalan dan minat.
8	Mat Zin et al. (2021)	Kualitatif (analisis dokumen)	Pendekatan gamifikasi dalam pengajaran Jawi berpotensi untuk diteroka oleh GPI kerana dapatan terdahulu menunjukkan GPI lebih tertumpu pada pengajaran Jawi berpusatkan guru dan masih kurang kreatif.
9	Mohd Nawawi & Hashim (2021)	Kuantitatif (kajian tinjauan)	Tahap kesediaan GPI terhadap pelantar multimedia dalam pengajaran pendidikan Islam dari segi sikap, kemahiran dan pengetahuan adalah sederhana tinggi iaitu (min=3.70) dan (sp=0.62).

*Book Title (Italic)*

Edited by (Name of Editor(s) Here)

©Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan. Universiti Teknologi Malaysia.

10	Tamyis et al. (2021)	Kualitatif (analisis dokumen)	GPI perlu prihatin terhadap perubahan dan pelaksanaan polisi bidang Jawi dalam kurikulum pendidikan Islam semasa seperti perubahan aspek pentaksiran dan penilaian, pelaksanaan program pemulihan Jawi dan pelaksanaan pengajaran berpusatkan murid melalui elemen pedagogi abad ke-21.
11	Sabilan et al. (2021)	Kuantitatif (kajian tinjauan)	GPI kurang menguasai beberapa elemen seperti; (1) perancangan pengajaran melibatkan penulisan RPH yang baik; (2) kemahiran menggunakan penyoalan KBAT; (3) kurang menggabungkan pelbagai pendekatan dan kaedah pengajaran; (4) kurang membangunkan dan menggunakan BBM; dan (5) kurang membuat refleksi pengajaran sendiri.
12	Ali et al. (2021)	Kualitatif (analisis dokumen)	Beberapa elemen yang perlu dipertingkatkan oleh GPI adalah meliputi aspek profesionalisme guru, kemahiran komunikasi guru dengan murid, penerapan kemahiran berfikir aras tinggi, dan kemudahan bahan bantu pengajaran.
13	Mohamad & Jasmi (2021)	Kualitatif (kajian kes)	Pengajaran GPI yang berkesan perlu memberi penumpuan kepada keperluan dan minat murid, menstruktur perkaitan kognitif dan mewujudkan motivasi secara sedar dan konsisten.
14	Nahar at al. (2021)	Kualitatif (kajian kes)	Enam elemen pembelajaran aktif berpusatkan murid, iaitu; (1) semua murid terlibat dalam aktiviti; (2) murid melakukan aktiviti mereka sendiri; (3) murid belajar daripada aktiviti; (4) aktiviti yang pelbagai mengikut tahap murid; (5) beberapa set aktiviti dalam satu sesi pengajaran; dan (6) aktiviti didik hibur.
15	Ahmad Tajuddin & Zulkifli (2022)	Kualitatif (analisis dokumen)	Terdapat kelemahan GPI dalam pengetahuan isi kandungan terutamanya ejaan Jawi. Tiga faktor dominan kompetensi GPI dalam pengetahuan isi kandungan Jawi adalah; (1) demografi, (2) latihan dan (3) sistem ejaan.
16	Jawas & Zulkifli (2022).	Kualitatif (analisis dokumen)	Elemen kreativiti dalam pengajaran pendidikan Islam dapat dikuasai oleh GPI seandainya menguasai beberapa kompetensi seperti ilmu pedagogi yang luas dan mendalam, kepakaran menyampaikan isi pengajaran berkesan melalui kaedah dan strategi pengajaran, ilmu teknologi maklumat & komunikasi (TMK) dan penggunaan BBM.

## 7.6 PERBINCANGAN & CADANGAN

Kompetensi didefinisikan sebagai kemahiran generik, kemahiran asas, kemahiran utama, dan kemahiran personal yang merujuk kepada pengetahuan dan kemahiran serta sikap yang menjadi asas kepada tugas atau prestasi kerja yang dipertanggungjawabkan merentasi semua bidang. Manakala kompetensi guru pula bermaksud keupayaan atau kecekapan yang ditunjukkan seseorang guru merangkumi sikap profesional, pengetahuan profesional dan amalan profesional dalam perkhidmatan perguruan. Dengan kata lain, kompetensi guru berkait rapat dengan piawai kecekapan semasa melaksanakan tugas mengajar dari segi pengetahuan, kemahiran dan personaliti. Kompetensi yang dibincangkan dalam penulisan ini adalah kompetensi GPI berkaitan pelaksanaan BJKPI yang boleh meningkatkan prestasi perkhidmatan perguruan. Pandangan ini adalah berdasarkan rumusan daripada enam belas artikel yang dibincangkan sebelum ini dan juga beberapa kajian tambahan. Penjelasan domain dan elemen kompetensi GPI dalam bidang Jawi ditunjukkan dalam Jadual 7.2 di bawah.

**Jadual 7.2** Domain dan elemen kompetensi GPI dalam bidang Jawi

<b>Domain Kompetensi</b>	<b>Elemen Kompetensi</b>
Pengetahuan GPI	(a) Pengetahuan pedagogi abad ke-21 (b) Pengetahuan isi kandungan Jawi (c) Pengetahuan tentang murid (d) Pengetahuan tentang objektif dan matlamat bidang Jawi dalam kurikulum pendidikan Islam
Kemahiran GPI	(a) kemahiran merancang penyediaan pelajaran (b) kemahiran pengurusan bilik darjah (c) kemahiran dalam mempelbagaikan strategi pengajaran (d) kemahiran dalam menilai pembelajaran murid (e) kemahiran dalam menarik minat murid (f) kemahiran komunikasi berkesan (g) kemahiran dalam membuat refleksi pengajaran (h) kemahiran untuk meningkatkan tahap profesionalisme (i) kemahiran pengajaran bestari/ teknologi pengajaran
Personaliti GPI	(a) Cintakan tulisan Jawi/ <i>mentoring</i> rakan sejawat

- (b) Mengajar dengan cara berhikmah dan mencegah perbuatan yang salah
  - (c) Pengurusan masa dan berkolaboratif
  - (d) Sentiasa menjaga hubungan dengan Allah, hubungan dengan diri sendiri dan hubungan dengan orang lain.
- 

### 7.6.1 Pengetahuan GPI dalam bidang Jawi

Berdasarkan analisis daripada literatur terdahulu didapati beberapa elemen kompetensi dalam domain pengetahuan GPI dalam bidang Jawi, iaitu pengetahuan yang membabitkan aspek pedagogi abad ke-21, pengetahuan isi kandungan Jawi (*Content Knowledge*), pengetahuan tentang murid dan pengetahuan tentang objektif dan matlamat bidang Jawi dalam kurikulum pendidikan Islam. Hal ini kerana salah satu hasrat KSSR adalah untuk melahirkan murid yang mempunyai kemahiran abad ke-21 dengan memberi fokus kepada kemahiran berfikir yang berteraskan nilai murni seperti berdaya tahan, mahir berkomunikasi, pemikir, kerja berpasukan, bersifat ingin tahu, berprinsip, bermaklumat, penyayang dan patriotik. Dengan kata lain, pengajaran Jawi bukan setakan mementingkan kemahiran *hard skills*, tetapi juga mengutamakan kemahiran insaniah yang dilaksanakan secara berpusatkan murid dalam suasana pembelajaran yang menyeronokkan.

Menurut [36] penguasaan seseorang guru terhadap pengetahuan isi kandungan (PIK) amat penting kerana ia menggambarkan pemahaman guru tentang subjek yang diajar. Malah [38] berpendapat bahawa PIK menjadi faktor pembeza antara seseorang guru dengan yang lain walaupun mereka menggunakan pendekatan dan strategi pengajaran yang sama. Seterusnya, [37] memperincikan kedalaman penguasaan isi kandungan (PIK) dapat dinilai berdasarkan tiga aspek taksonomi kognitif, iaitu; (1) pengetahuan tentang fakta dan teori; (2) pengetahuan tatacara (bagaimana pengkaedahan dilakukan); dan (3) pengetahuan keadaan (mengetahui bagaimana dan mengapa pengkaedahan dilakukan secara khusus berasaskan asas dan konsep sesuatu pelajaran). Selain itu, [21] berpendapat bahawa PIK juga merujuk

kepada pengetahuan mengenai kerangka dan skop kedalaman sukatan mata pelajaran yang perlu dikuasai oleh GPI. Justeru, GPI perlu menguasai dua silibus, iaitu silibus murid arus perdana dan silibus murid pemulihan Jawi.

Dalam konteks pengajaran Jawi, PIK Jawi berkait rapat dengan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Pendidikan Islam yang dipandu oleh Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) yang mengandungi kemahiran asas Jawi seperti; (1) huruf tunggal, suku kata terbuka dan suku kata tertutup; (2) perkataan tiga suku kata atau lebih dan rangkai kata; (3) imbuhan awalan, imbuhan akhiran dan imbuhan apitan; (4) kedudukan hamzah, perkataan ejaan tradisi dan perkataan pinjaman bahasa asing; (5) teks cerita dan khat Nasakh; dan (6) teks cerita dan khat Riq'ah. Malah PIK juga melibatkan silibus pemulihan Jawi, iaitu kebolehan membaca dan menulis teks Jawi melibatkan 3 kemahiran asas (menyambung huruf Jawi, menukar perkataan rumi-Jawi, dan menukar perkataan Jawi-rumi) [4],[5]. Kemahiran tersebut turut dipandu dengan sistem ejaan dan pengkaedahan Jawi seperti hukum Derlung, Hukum Kafga, Hukum Rama dan sebagainya. Kemahiran tersebut mestilah bersumberkan Pedoman Ejaan Jawi yang Disempurnakan (PEJYD) Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) selaras dengan Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 1/1992. Justeru, GPI disarankan merujuk buku PEJYD [39] dan buku Daftar Kata Bahasa Melayu (Rumi-sebutan-Jawi) oleh DBP sebagai rujukan utama dalam pengajaran Jawi [40].

Selain itu, pengetahuan tentang murid juga penting. GPI wajar mengenali muridnya dengan mengetahui maklumat umum, sifat, tahap pembelajaran, motivasi, dan masalah pembelajaran murid untuk mengenal pasti aspek kepelbagaian murid untuk disesuaikan dengan strategi pengajaran dalam bilik darjah [41]. Hal ini kerana pedagogi Jawi untuk murid pemulihan adalah berbeza dengan murid perdana. Ketika menangani murid pemulihan Jawi, GPI disarankan tekun membuat semakan perkembangan pembelajaran murid, kerap memberikan pujian dan sabar dengan tingkah laku mereka. Menurut [35], perancangan pengajaran tahunan yang membabitkan murid pemulihan perlu mengambil kira

bakat murid, kesesuaian menerapkan sikap ‘rasa kepunyaan diri’ melalui aktiviti pembelajaran dan apakah elemen yang akan membuatkan mereka bersemangat hadir ke sekolah. Malah pengumpulan maklumat berkaitan prestasi murid dalam pembelajaran Jawi secara kolektif amat penting sebagai usaha penambahbaikan dan intervensi pengajaran Jawi. Tegasnya, data murid dalam pembelajaran Jawi boleh juga digunakan bagi memudahkan usaha melaksanakan aktiviti pemulihan Jawi di dalam kelas mahupun menerusi KCJ.

Seperkara lagi, GPI wajar mempunyai pengetahuan dan pemahaman berkaitan objektif dan matlamat BJKPI. Pemahaman berkaitan hal tersebut penting agar GPI memahami kerelevanan BJKPI seiring dengan langkah pembudayaan dan memasyarakatkan tulisan Jawi dalam komuniti setempat. Dengan kata lain, GPI sewajarnya prihatin terhadap pelaksanaan BJKPI dan sebarang perubahan yang berlaku dan kepentingannya dalam arus pendidikan negara. Hal yang demikian kerana keprihatinan seseorang guru akan mempengaruhi kejayaan sesuatu inovasi serta menentukan jenis intervensi yang diperlukan guru [3]. Ringkasnya, GPI wajar memikirkan persoalan-persoalan seperti berikut; (1) apakah impak BJKPI terhadap pembelajaran murid saya; (2) Bagaimana saya dan rakan sejawat dapat menjadikan pelaksanaan BJKPI dengan lebih berkesan?; dan (3) Bagaimanakah saya dapat berkongsi idea inovasi atau intervensi pengajaran Jawi yang saya temui dengan rakan sejawat untuk kebaikan pembelajaran Jawi murid saya?

### **7.6.2 Kemahiran GPI dalam bidang Jawi**

Secara asasnya pengajaran Jawi mengandungi tiga aspek utama, iaitu perancangan, penyampaian dan pentaksiran. Ketiga-tiga aspek tersebut memerlukan guru menguasai beberapa kemahiran seperti; (1) kemahiran merancang penyediaan pelajaran; (2) kemahiran pengurusan bilik darjah; (3) kemahiran dalam mempelbagaikan strategi pengajaran; (4) kemahiran dalam menarik minat murid; (5)

kemahiran komunikasi berkesan; (6) kemahiran dalam menilai pembelajaran murid; dan (7) kemahiran dalam membuat refleksi pengajaran. Malah, KPM telah menyediakan alat ukur pengajaran guru yang dikenali sebagai Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Gelombang 2 (SKPMg2) standard 4 yang meliputi elemen guru sebagai perancang, guru sebagai pengawal, guru sebagai pembimbing, guru sebagai pendorong dan guru sebagai penilai [42]. Justeru, antara kemahiran yang diperlukan oleh GPI adalah kemahiran merungkai DSKP BJKPI melalui penguasaan pedagogi isi kandungan bidang Jawi, pengajaran bestari/ teknologi pengajaran dan pedagogi abad ke-21.

Di samping itu, GPI perlu mempunyai kemahiran untuk meningkatkan tahap profesionalisme. Hal ini perlu dimulakan dengan sikap tekun dalam mencari dan menambah ilmu yang bermanfaat seiring dengan perubahan dan peredaran zaman. Untuk itu, GPI digalakkan melibatkan diri secara aktif dalam komuniti pembelajaran berterusan sebagai wadah perkongsian ilmu dan pencetus inovasi dalam pengajaran Jawi.

### **7.6.3 Personaliti GPI dalam bidang Jawi**

Personaliti GPI sering dikaitkan dengan nilai murid yang menjadi ikutan teladan orang lain berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah. Oleh yang demikian, GPI berperanan membantu membentuk keperibadian murid dan mempromosikan potensi murid secara menyeluruh demi mencapai kecemerlangan di dunia mahupun akhirat. Selain menonjolkan karakter sebagai ‘muallim’ dan ‘muaddib’, GPI perlu bertindak sebagai agen perubahan kurikulum dan ‘duta kecil Jawi’. Sebagai contoh, karakter GPI melalui amalan suka membimbing rakan sejawat dan anak murid secara hikmah dan bijaksana supaya menjadi insan yang berguna, komited menjalankan tugas dan sentiasa menepati peraturan. Akhir sekali, personaliti GPI dalam bidang Jawi dapat dilihat melalui kepakaran dan kecaknaan mereka berkaitan bidang Jawi. GPI perlu menjadi watak utama

dalam kempen mencintai tulisan Jawi yang diadakan di peringkat sekolah melalui usaha-usaha seperti mengadakan KCJ, pertandingan khat, mengadakan papan tanda Jawi dan lain-lain lagi.

#### **7.6.4 Cadangan**

Dalam konteks pelaksanaan BJKPI, semua pihak sama ada di pihak pembuat dasar mahupun pelaksana pendidikan yang bercorak sentralisasi perlu memahami hala tuju dan matlamat kenapa bidang Jawi diletakkan dalam kurikulum pendidikan Islam. Dengan melihat dan memahami sejarah dan kepentingan Jawi dalam arus pendidikan negara, semua pihak sewajarnya menanam iltizam agar sentiasa menjaga kepentingan Jawi sebagai warisan dan identiti negara. Antara langkah yang boleh diambil adalah dengan menyediakan input seperti bahan sokongan dan mengadakan bengkel berterusan kepada GPI. Bengkel ini perlu memuatkan modul yang diperlukan GPI seperti perkongsian amalan terbaik pengajaran Jawi, modul khas berkaitan ejaan Jawi terkini, penataran kandungan modul KCJ, penyediaan bahan pengajaran yang lebih menarik dan berinovatif dan kaedah berkesan kemahiran menulis dan membaca Jawi untuk murid pemulihan.

### **7.7 KESIMPULAN**

Tuntasnya, penulisan ini menggariskan tiga domain utama yang diperlukan GPI dalam menjayakan pelaksanaan BJKPI, iaitu ASK (*attitude*-sikap, *skills*-kemahiran & *knowledge*-pengetahuan). Kompetensi dalam bidang Jawi terhadap GPI amat diperlukan bagi memberi impak tinggi hasrat melestarikan tulisan Jawi sebagai wadah kecintaan terhadap warisan budaya dan identiti nasional. Kajian akan datang boleh meneroka peranan yang dapat dimainkan oleh GPI sebagai agen pelestarian tulisan Jawi dan agen perubahan



masyarakat menerusi keterlibatan mereka dalam komuniti setempat. Tentunya hubungan ini dapat membantu membentuk jaringan dan jalinan yang boleh memberi manfaat kepada pembelajaran murid kelak.

## RUJUKAN

- [1] Borham, A.J. Tulisan Jawi: tulisan serantau. Kertas kerja ucaptama *Seminar Tulisan Jawi dan Teknologi Peringkat Kebangsaan 2012* di Dewan Astaka, Universiti Malaysia Pahang pada 18 Oktober 2012. Retrieved from [http://umpir.ump.edu.my/id/eprint/3330/1/Prof\\_Jalil\\_seminar\\_jaw\\_i.pdf](http://umpir.ump.edu.my/id/eprint/3330/1/Prof_Jalil_seminar_jaw_i.pdf)
- [2] Musa, Hashim, & Adi Yasran Abdul Aziz. Pemerkasaan kembali tulisan Jawi. *Jurnal ASWARA*, 4, no 1 (2009): 159-176. Retrieved from <http://psasir.upm.edu.my/id/eprint/16067/>
- [3] Tamyis, Mohd Mazhan. *Tahap keprihatinan guru j-QAF dalam inovasi program pemulihan Jawi sekolah rendah*. Tesis Sarjana Pendidikan (Tidak diterbitkan). Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia. (2013).
- [4] Kementerian Pendidikan Malaysia. *Kurikulum Standard Sekolah Rendah Pendidikan Islam: Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Tahun 5*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2019).
- [5] Kementerian Pendidikan Malaysia. *Garis Panduan Pelaksanaan Program j-QAF*. Cyberjaya: Bahagian Pendidikan Islam. (2015).
- [6] Tamyis, Mohd Mazhan & Zahari Suppian. Isu pelaksanaan kurikulum standard sekolah rendah (KSSR) Jawi: satu penilaian. *E-Journal of Global Language, Education and Information Technology (GLEIT)*, Vol. 4 (2021): 9-20. Retrieved from <https://worldconferences.net/journals/gleit/toc/index3.html>
- [7] Kementerian Pendidikan Malaysia. *Pelan Pembangunan Malaysia 2013-2025: Pendidikan Prasekolah Hingga Lepas Menengah*. Putrajaya: KPM. (2013)
- [8] Jaafar, Azizi. *Penilaian Kurikulum Pendidikan Islam Berasaskan Model Context, Input, Proses dan Produk*. Tesis Doktor Falsafah (Tidak diterbitkan). Universiti Utara Malaysia. (2015).

- [9] Abdul Hamid, Suhana, Ahmad Marzuki Mohamad & Azman Ahmad. Statistik penguasaan Jawi dalam kalangan murid sekolah rendah Agama. *International Journal of Humanities and Civilization (IJHTC)*, vol 1 no 2 (2016): 50-63. Retrieved from <https://journal.ump.edu.my/ijhtc/article/view/814>
- [10] Mat Arriffen, Amran. *Persepsi guru pendidikan Islam terhadap pengetahuan, kemahiran dan sikap pelajar lepasan program j-QAF*. Tesis sarjana pendidikan. (tidak diterbitkan). Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi Selangor. (2019).
- [11] Jamriy, Zairul Anuwar. *Strategi Pengajaran Pemulihan Jawi j-QAF di Sekolah Rendah Perak*. Tesis Sarjana Pendidikan (tidak diterbitkan). Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Tanjong Malim, Perak. (2016).
- [12] Ali, Asyraf Ridwan, Berhanundin Abdullah & Norfadzilah Rashid. An error analysis approach in identifying the patterns of mistakes in Jawi spelling. *International Journal of Academic Research in Bussiness and Social Sciences*, vol 7 no 8 (2018): 314-324. Retrieved from <http://dx.doi.org/10.6007/IJARBSS/v8-i11/5164>
- [13] Abdullah, Zurina & Adi Yasran Abdul Aziz. Peminggiran tulisan Jawi sebagai lambang jati diri melayu: satu kajian tinjauan. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*. Vol 7 no 2 (2020): 244-255. Retrieved from <http://jsass.kuis.edu.my/index.php/jsass/article/view/152>
- [14] Ahmad, Mohd Sabri, Harun Baharudin & Nurul Solehah Mohd Zubair. Pelaksanaan kem cemerlang Jawi (KCJ) di sekolah rendah daerah Selangau, Sarawak. *Jurnal Dunia Pendidikan*, vol 3 no 2 (2021): 144-153. <https://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpd/article/view/13507>.
- [15] Hussin, Zaharah, Saedah Siraj, Ghazali Darusalam & Nur Hasbuna Mohd Salleh. Kajian Model Blended Learning dalam Jurnal Terpilih: Satu Analisa Kandungan. *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, vol 3 no 1 (2017): 1-6. Retrieved from <https://sare.um.edu.my/index.php/JUKU/article/view/8142>
- [16] Gusenbauer, M., & Haddaway, N.R. Which academic search systems are suitable for systematic reviews or meta-analyses? Evaluating retrieval qualities of Google Scholar, PubMed, and 26 other resources, *Research Synthesis Methods*, vol 11 no 2 (2020):181-217. <https://doi.org/10.1002/jrsm.1378>
- [17] Wan Abdullah, Wan Ali Akbar, Khadijah Abdul Razak & Mohd Isa Hamzah. Pengurusan masa guru inovatif Pendidikan Islam. *The*

- Online Journal of Islamic Education*, vol 8 no 2 (2020):33-39.  
<http://ojie.um.edu.my/>
- [18] Mohd Zeki, Mohd Zaidi, Ahmad Zabidi Abdul Razak & Rafiza Abd. Razak. Cabaran pengajaran guru Pendidikan Islam di sekolah pedalaman: bersediakah dalam melaksanakan KBAT? *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, vol 8 no 1 (2020):11-24. Retrieved from <http://mjss.um.edu.my/index.php/JUKU/article/view/22198>
- [19] Mohamad Yusof, Mohamad Radhi & Hafizah Zulkifli. Tahap kefahaman dan kemahiran pengajaran mata pelajaran Jawi dalam kalangan guru pendidikan Islam. *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs*, Vol 5 (2021): 39-45. Retrieved from <https://jqss.usim.edu.my/index.php/jqss/article/view/87>
- [20] Wan Abdullah, Wan Ali Akbar, Nursafra Mohd Zhaffan, Khadijah Abdul Razak & Mohd Isa Hamzah. Konsep lima mim: persepsi pelajar terhadap guru inovatif Pendidikan Islam. *International Journal of Humanities Technology and Civilization (IJHTO)*, vol 2 no 1 (2021):59-71. Retrieved from <https://journal.ump.edu.my/ijhtc/index>
- [21] Sani, Kamarulnizam, Zetty Nurzuliana Rashed, Norziah Othman & Hamdi Ishak. Kompetensi guru Pendidikan Islam sekolah rendah integrasi negeri Selangor. *Malaysian Journal for Islamic Studies*, vol 5 no 1 (2021):1-13. Retrieved from <https://journal.unisza.edu.my/mjis/index.php/mjis/article/view/156>
- [22] Mohd Nawī, Muhammad Zulazizi & Azmil Hashim. Tahap Kesediaan Guru Pendidikan Islam di Sekolah Menengah Yayasan Islam Kelantan Terhadap Multimedia Dalam Pengajaran. *Sains Humanika*, vol 13 no 1 (2020):1-10. <https://doi.org/10.11113/sh.v13n1.1678>
- [23] Sabilan, Sapie, Mphd Isa Hamzah & Suhana Mohamed Lip. The Level Of Teachers' Skills Based On Integrated Holistic Education System (IHES) In Relation To Teachers' Education Background In Selangor. *Journal of Quran Sunnah Education & Special Needs*, vol 5 no 2 (2021): 28-38. <https://doi.org/10.33102/jqss.vol5no2.113>
- [24] Mohamed, Sofiah & Kamarul Azmi Jasmi. Amalan Induksi Set dalam Pengajaran dan Pembelajaran Guru Prasekolah bagi disiplin Ilmu Pendidikan Islam. *UMRAN-International Journal of Islamic and*

- Civilizational Studies*, vol 8 no 2 (2021):67-77. Retrieved from <https://jurnalumran.utm.my/index.php/umran/issue/view/30>
- [25] Nahar, Naquiah, Aminudin Hehsan Jima'ain Safar, and Muhammad Talhah. Active Learning Through Student-Centered Activity in the Instruction of Islamic Education Teachers as An Implementation of The 21st Century Learning: A Case Study." *International Journal of Academic Research in Bussinesss & Social Sciences*, vol 11 no 11(2021):936-950. doi:10.6007/IJARBSS/v11-i11/11586
- [26] Hamidon, Mas & Ahmad Johari Sihes. Influence of Islamic education competency on practice of higher order thinking skills. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, vol 9 no 2 (2020):815-830, <http://dx.doi.org/10.6007/IJAR8ED/v9.i2/8891>
- [27] Ramlie, Habibah@Ardini, Norshahrul Marzuki Mohd Nor & Zaharah Hussin. Analisis kandungan standard profesionalisme keguruan: cadangan implementasi standard keguruan Pendidikan Islam berasaskan 'Riadah Ruhiiyah'. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, vol 8 no 2 (2020):45-57. Retrieved from <http://jice.um.edu.my/index.php/JUKU/article/view/23167>
- [28] Mat Zin, Mohd Fikruddin, Siti Hajar Mohamad Yusoff, Najihah Abd. Wahid & Zuraidah Juliana Mohamad Yusoff. Pendekatan gamifikasi dalam pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) Pendidikan Islam di Malaysia. *Global Journal of Educational Research and Management*, vol 1 no 2 (2021):69-76. Retrieved from <https://myedujournal.com/index.php/edugermane/article/view/77>
- [29] Tamyis, Mohd Mazhan, Zahari Suppian & Nor Hasnida Che Md. Ghazali. Bidang Jawi dalam kurikulum pendidikan Islam sekolah rendah: satu analisis literatur. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, vol 14 no 2 (2021):48-64. <https://doi.org/10.37134/bitara.vol14.2.5.2021>
- [30] Ali, Norlela, Tengku Sarina Aini Tengku Kasim & Nor Raudah Siren. Issues and Challenges in 21st-century Learning of Special Education (Hearing Impaired) in Islamic Education, *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, vol 6 no 9 (2021):477- 486. doi: 10.47405/mjssh.v6i9.1019
- [31] Ahmad Tajuddin, Muhammad Fuad & Hafizhah Zulkifli. Faktor-faktor yang mempengaruhi penguasaan pengetahuan isi kandungan (PIK) bidang Jawi dalam kalangan guru pendidikan Islam.

- International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education*, vol 2 no 1(2022): 56-72. Retrieved from <https://www.myedujournal.com/index.php/arise/article/view/99>
- [32] Ab. Jawas, Shuhaila & Hafizhah Zulkifli. Amalan pengajaran kreatif guru pendidikan Islam bagi murid berkeperluan khas masalah pembelajaran. *QALAM International Journal of Islamic and Humanities Research*, vol 2 no 1 (2022): 20-28. <https://www.qalamjournal.com/index.php/home/article/view/60>
- [33] Abdul Rahman, Awatif, Mohd Shafie Zulkifli, Muhammad Hashimee, Ainon Wazir & Muafah Sayed. Tahap kompetensi guru bahasa Arab di SABK di Malaysia: satu dimensi. *e-BANGI*, vol 16 (2019):1-13. Retrieved from <https://www.proquest.com/openview/eb46b3cdab755f791a127739de1099e1/1?pq-origsite=gscholar&cbl=616374>
- [34] Ibrahim, Mohammed Sani. Standard kompetensi guru Malaysia. Dlm *Profesion Perguruan*. Pnyt Norzaini Azman & Mohammed Sani Ibrahim (2007). Bangi: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- [35] Karlin, M.S. & Berger, R. *Successful methods for teaching the slow learner*. (1969). West Nyack, NY: Parker Publishing Company, Inc
- [36] Kleickmann, T. Richter, D., Kunter, M., Elsner, J., Bessner, M., Krauss, S., & Baumert., J. Teachers' content knowledge and pedagogical content knowledge: The role of structural differences in teacher education. *Journal of Teacher Education*, vol 64 no 1 (2013):90-106. <https://doi.org/10.1177%2F0022487112460398>
- [37] Jutner, M., Boone, M., Park, S., & Neuhaus. B. J. Development and use of a test instrument to measure biology teachers' content knowledge (CK) and pedagogical content knowledge (PK). *Educational Assessment Evaluation and Accountability*, vol 25 no 1 (2013):45-67. DOI 10.1007/s11092-013-9157-y
- [38] Nizam, Nurul Atiqah & Roslinda Rosli. Pengetahuan isi kandungan khusus dan efikasi sendiri guru sekolah rendah dalam pengajaran topik pecahan. *Akademika*, vol 90 no 3 (2020): 145-154. <http://journalarticle.ukm.my/17327/>
- [39] *Pedoman Umum Ejaan Jawi Bahasa Melayu Dewan*. (2020). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- [40] *Daftar Kata Bahasa Melayu Rumi-Sebutan-Jawi*. (2016). Edisi Kedua. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- [41] Hussin, Nur Hanani, Mohd Aderi Che Noh & Ab. Halim Tamuri. Elemen mengenali murid dalam pengajaran guru cemerlang pendidikan Islam. *The Online Journal of Islamic Education*, vol 1 no 2 (2013):10-19. Retrieved from <https://myjurnal.mohe.gov.my/public/article-view.php?id=73796>
- [42] Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017). Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Gelombang 2 (SKPMg2), Putrajaya: Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti.

## BAB 8

# MASJID MEDIUM PENDIDIKAN MEMBINA MASYARAKAT BERAKHLAK

<sup>1</sup>*Muhammad Talhah Ajmain @ Jima'ain*, <sup>2</sup>*Sharul Fitry Abdul Majid*, <sup>3</sup>*Muhamad Nasir Mohamad Salleh*, <sup>4</sup>*Abd. Aziz Rekan*

<sup>1</sup>Akademi Tamadun Islam,  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,  
Universiti Teknologi Malaysia  
Email: [muhammادتalhah.j@utm.my](mailto:muhammادتalhah.j@utm.my)

<sup>2</sup>Faculty Pengajian Kontemporari Islam,  
Universiti Sultan Zainal Abidin, Malaysia.  
Email: [sharul.boom95@gmail.com](mailto:sharul.boom95@gmail.com)

<sup>3</sup>Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya  
Email: [nasir1990@um.edu.my](mailto:nasir1990@um.edu.my)

<sup>4</sup>Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya  
Email: [abdazizrkn@um.edu.my](mailto:abdazizrkn@um.edu.my)

### **Abstrak**

Masjid sentiasa dirujuk sebagai pusat perkembangan Tamadun Islam. Sirah perjuangan Rasulullah SAW menjadi bukti bahawa masjid mempunyai fungsi yang penting dalam mengembangkan syiar Islam serta menjadi batu asas kepada pembinaan sebuah negara Islam berdaulat iaitu Madinah Al-Munawwarah. Institusi masjid pada ketika itu bukan sekadar tempat beribadah, malah sebagai pusat kegiatan keilmuan, dakwah dan aktiviti masyarakat. Melihat kepada kejayaan fungsi masjid pada zaman Rasulullah

SAW tersebut, peranan dan fungsi masjid di Malaysia perlu diperkasakan secara optimum bagi membina kekuatan ummah dan memenuhi keperluan masyarakat Islam kontemporari abad ke-21. Justeru itu, artikel ini menfokuskan kepada peranan dan pemerksaan institusi masjid yang perlu dilaksanakan dalam menjadi nadi penggerak kepada pembangunan masyarakat pada zaman kontemporari ini. Kaedah kajian yang digunakan adalah kajian keperustakaan. Dapatan awal kajian mendapati bahawa penyediaan dan penyusunan pelbagai aktiviti dan program dapat menarik minat kumpulan sasar terutamanya generasi muda.

**Kata kunci:** Pemerksaan; Masyarakat Islam Kontemporari; Peranan dan Pemerksaan

- 8.1 Pengenalan 158
- 8.2 Peranan Masjid dalam Membina Masyarakat Sejahtera 159
- 8.3 Memperkasakan Masjid dalam Membangunkan Masyarakat Kontemporari di Malaysia 169
  - 8.3.1 Masjid Sebagai Pusat Keilmuan dan Kegiatan Keislaman 170
  - 8.3.2 Menyusun Struktur Kerja Masjid dan Imam yang Ideal 172
  - 8.3.3 Masjid Sebagai Pusat Kebajikan dan Kaunseling 173
  - 8.3.4 Mewujudkan Pusat Teknologi Maklumat (ICT) di Masjid 174
  - 8.3.5 Pusat Kegiatan Wanita, Remaja dan Kanak-Kanak 174
  - 8.3.6 Masjid Sebagai Nadi Ekonomi dalam Masyarakat Setempat. 196
  - 8.3.7 Pusat Penginapan Pelancong Islam 198
  - 8.3.8 Masjid Mesra Orang Kelainan Upaya (OKU) 200
- 8.4 Kesimpulan 201



## 8.1 PENGENALAN

Secara umumnya masyarakat hari ini melihat masjid sebagai tempat ibadah khusus dalam kehidupan Muslim. Persepsi sedemikian perlu dimurnikan agar seluruh masyarakat memahami konsep sebuah masjid dan menyedari pentingnya peranan sebuah masjid dalam membangunkan ummah. Masjid bukan sekadar lambang dan syiar dalam kehidupan masyarakat Islam malahan lebih penting dari itu di mana masjid adalah nadi dan pusat Pendidikan dan kegiatan aktiviti umat Islam (Suhardi *et al.*, 2022). Oleh itu, kehebatan sesebuah masjid bukanlah bergantung kepada seni binanya semata-mata tetapi juga kepada tahap pengimarannya. Hal ini kerana, Masjid merupakan tempat yang mulia dalam Islam kerana mempunyai fungsi utama sebagai tempat ibadat yang luas maknanya (Al-Jaziri, 2004). Oleh yang demikian, umat Islam harus memantapkan lagi peranan masjid dalam usaha membangunkan ummah yang cemerlang memandangkan hubungan masyarakat Islam dan masjid tidak boleh dipisahkan kerana saling berkait dan saling memerlukan.

Istilah masjid adalah berasal dari bahasa Arab yang diambil dari perkataan “*sajada, yasjudu, sajdan*”. Perkataan *sajada* ini merujuk kepada maksud bersujud, taat, patuh serta tunduk dengan penuh hormat (Syauqi, 2004). Apabila merujuk kepada sesuatu tempat maka istilahnya menjadi “*masjidun*” yang membawa kepada maksud tempat sujud menyembah Allah SWT. Oleh itu, istilah masjid merujuk kepada suatu tempat atau bangunan yang fungsi utamanya adalah sebagai tempat solat, bersujud menyembah Allah SWT. Menurut Noresah (2007), masjid bermaksud bangunan khas untuk umat Islam melakukan solat jumaat dan ibadah - ibadah lain. Perkataan masjid dan *Jamek* adalah merupakan dua perkataan yang seringkali digabungkan. Ia menggambarkan sifat masjid itu

sendiri yang berfungsi sebagai tempat berhimpun umat Islam untuk mendirikan solat Jumaat dan solat berjemaah (Hasan Abd al-Wahab, 1946; Taqi al-Din Ahmad Ali al-Maqrizi, 1965; Muhammad Ibrahim, 1967; Abd Allah Basmih, 1977).

Dalam al-Quran pula perkataan masjid telah disebut sebanyak 26 kali. Jumlah ini menunjukkan bahawa masjid memainkan peranan penting dalam menjana pembangunan masyarakat (Roslan, 2008). Ianya bukan sekadar tempat solat, namun ibadah-ibadah lain seperti perniagaan, perbincangan, pelajaran, aktiviti kekeluargaan, tarikan dakwah muslim dan *non-muslim* dan sebagainya yang menjadi sebagai pemusatan aktiviti orang Islam seharusnya.

## **8.2 PERANAN MASJID DALAM MEMBINA MASYARAKAT SEJAHTERA**

Isu yang selalu ditimbulkan dalam kalangan masyarakat yang cakna agama adalah berkenaan kedudukan masjid-masjid yang kurang atau tidak lagi diimarahkan di Negara Malaysia (Mahazan & Abdullah, 2013). Sedangkan menurut al-Thabari (1965) dan Ibn Hisyam (1971), Rasulullah SAW telah mendirikan Masjid Quba', Masjid al-Mirbad dan Masjid Nabawi di Madinah yang telah dijadikan pusat pendidikan Islam. Masjid merupakan pusat pendidikan Islam bagi sebuah tempat ibadah bagi umat Islam seluruh pelosok dunia. Namun ibadah yang dimaksudkan bukanlah solat semata-mata malahan lebih luas dari itu. Hal ini bertepatan dengan firman Allah SWT dalam al-Quran yang bermaksud:

*“Nur hidayah petunjuk Allah itu bersinar dengan nyatanya terutama sekali di rumah-rumah ibadat yang diperintahkan oleh Allah SWT supaya*

*dimuliakan keadaannya dan disebut serta diperingat nama Allah SWT padanya; di situ juga dikerjakan ibadat mensuci dan memuji Allah SWT pada waktu pagi dan petang. Ibadah dikerjakan oleh orang yang kuat imannya, yang tidak dilalaikan oleh perniagaan atau berjual beli daripada menyebut serta mengingati Allah SWT dan mendirikan solat serta mengeluarkan zakat, mereka takut hari kiamat yang padanya berbolak-balik hati dan pandangan”.*

(Surah An-Nur, 24: 36-37)

Berdasarkan ayat di atas, dapat difahami bahawa peranan masjid bukan sekadar sebagai tempat ibadah solat semata-mata bahkan mempunyai pelbagai fungsi dan peranan dalam pembangunan insan dan masyarakat dari segi rohani mahupun jasmani. Masjid merupakan tempat suci untuk memupuk keimanan dan mendorong seseorang untuk memperolehi cahaya petunjuk. Masjid adalah tempat untuk menyuburkan jiwa insan agar sentiasa mengingati Allah SWT dalam apa jua keadaan sama ada ibadat umum mahupun khusus (Hamka, 1985). Pembangunan insan yang berpaksikan kepada keimanan akan membentuk masyarakat yang kuat sekaligus dapat memandu ke arah kehidupan yang baik dan sejahtera. Insan yang kukuh iman dan jiwanya akan membentuk masyarakat yang taat melakukan kebaikan dan menjauhi kemungkar (Khalim & Aminuddin, 2008).

Dalam konteks ini, jelas bahawa masjid berperanan sebagai pangkalan pembangunan insan yang berpaksikan kepada akidah yang benar dalam membina masyarakat ke arah memiliki nilai-nilai hidup yang mulia (Roslan, 2004). Justeru, sistem pengajian masjid dilihat penting dalam usaha mendidik jiwa manusia menjadi insan

cemerlang dan bertaqwa. Rasulullah SAW telah membuktikan bahawa masjid memainkan peranan utama dalam pembangunan insan dengan langkah membina masjid sebaik sahaja sampai di Madinah dalam peristiwa hijrah. Pada zaman Rasulullah SAW masjid merupakan pusat kegiatan kaum muslimin yang tidak terhad kepada tempat beribadah dan solat sahaja bahkan sebagai pusat perbincangan, pendidikan, pentadbiran, penyatuan ummah, siasah, sosial dan sebagainya. Selari dengan peranan masjid yang menjadi nadi kekuatan ummah pada ketika itu, Rasulullah SAW turut menjadikan masjid sebagai pusat pentadbiran (Abdul Razak, Mohd Khairil & Ezry Fahmy, 2010; Suhardi *et al.*, 2022)

Selain itu, Rasulullah SAW juga turut menjadikan masjid sebagai tempat menerima rombongan-rombongan yang datang menemui Baginda. Di sinilah tetamu-tetamu Rasulullah SAW ditempatkan dan bermalam. Daripada sinilah juga rombongan dihantar ke perkampungan kabilah-kabilah Arab di sekitar Madinah. Selain itu juga, golongan fakir miskin turut ditempatkan di suatu ruang dalam Masjid Nabawi sebagai bukti menunjukkan bahawa masjid juga turut berfungsi sebagai pusat kebajikan kepada umat Islam. Sejarah kegemilangan Islam telah membuktikan bahawa kecemerlangan umat Islam melalui budaya ilmu juga adalah berpangkalan di masjid. Masjid Quba adalah bukti masjid sebagai institusi kegiatan ilmu apabila Rasulullah SAW sendiri memberi khutbah dan membuat halaqah di samping para sahabat duduk mengelilingi baginda dan melakukan soal jawab. Aktiviti sedemikian terus berjalan di Masjid Nabawi, Masjidil Haram, Masjid Kufah, Masjid Basrah dan banyak lagi (Abdul Razak *et al.*, 2010).

Di Malaysia, sejarah telah membuktikan kewujudan masjid sebagai sebuah institusi yang penting di Zaman Kesultanan Melayu

Melaka di mana masjid dan surau berperanan sebagai pusat pembelajaran dan penyebaran agama Islam (Mohd Roslan & Wan Mohd, 2011). Jelas dalam catatan sejarah bahawa masjid telah memainkan peranan penting ke arah pembangunan insan dan masyarakat serta kegemilangan Tamadun Islam itu sendiri. Oleh itu, di era moden ini umat Islam harus mempromosikan masjid sebagai wadah penyatuan umat Islam serta menghidupkan kembali peranan masjid dengan segala aktiviti keagamaan dan kemasyarakatan.

Di samping itu juga, pihak-pihak yang terlibat dalam pengurusan masjid perlulah mempunyai minda yang terbuka, berfikiran kritis dan kreatif untuk merangka dan melaksanakan pelbagai program yang boleh melahirkan ummah yang cemerlang (Nik Daud, Mohd Helmi, & Rosmawati, 2014). Usaha yang bersepadu bagi mempromosi dan menyemarakkan program-program di masjid-masjid seluruh negara perlu diperkasakan agar ianya mendapat tempat di hati setiap lapisan masyarakat. Kebolehan dan kepakaran para jemaah boleh dikerahkan bersama-sama jawatankuasa masjid untuk dimanfaatkan oleh anak kariah dan masyarakat setempat agar usaha ke arah mengoptimumkan fungsi masjid berjaya direalisasikan.

### **8.3 MEMPERKASAKAN MASJID DALAM MEMBANGUNKAN MASYARAKAT KONTEMPORARI DI MALAYSIA**

Dalam usaha untuk menjadikan masjid sebagai pusat pembangunan insan terutamanya dalam membangunkan masyarakat Islam kontemporari di Malaysia, beberapa cadangan dikemukakan untuk diberi perhatian dan dipertimbangkan, iaitu:

### 8.3.1 Masjid Sebagai Pusat Keilmuan dan Kegiatan Keislaman

Masjid adalah institusi ilmu untuk kecemerlangan masyarakat Islam. Budaya ilmu ini perlu diluaskan dengan mengadakan kelas-kelas keagamaan dan juga kelas-kelas ilmiah yang lain seperti tuisyen akademik, pelajaran kemahiran komputer, kelas sains, matematik dan lain-lain pelajaran dari peringkat kanak-kanak hingga ke peringkat dewasa. Hal ini sangat bersesuaian dengan keperluan kehidupan masyarakat Islam kini terutamanya bagi mereka yang berada di kawasan pedalaman dan jauh dari pusat-pusat kegiatan ilmu. Oleh itu, peranan masjid sebagai pusat ilmu perlu dioptimumkan bagi membangunkan masyarakat Islam. Sebuah perpustakaan yang lengkap dengan buku-buku rujukan fardhu ain dan kifayah boleh diwujudkan dalam sebuah masjid. Hal ini bererti rujukan di masjid bukan hanya terhadap kepada naskah al-Quran dan Yaasin semata-mata, tetapi turut dimuatkan dengan pelbagai buku agama dan buku mengenai ilmu sosial, ekonomi, politik dan sebagainya.

Selain itu, masjid juga boleh dijadikan sebagai pusat pengajaran dan pembelajaran al-Quran (*ulum al-Quran*) dan al-hadith (*ulum al-Hadith*). Kebanyakan masjid kini telah digunakan sebagai pusat pembelajaran Al-Quran dan al-Hadith. Amalan ini haruslah diteruskan tetapi ada baiknya jika ditambah dengan menerangkan maknanya atau diberi tafsiran Al-Quran kepada mereka supaya al-Quran dapat difahami dan diamalkan sebaiknya. Begitu juga kefahaman terhadap al-Hadith yang sebaiknya diajar dengan menggunakan kitab-kitab hadith secara konsisten (Mohd Norzi *et al.* 2016). Lantaran itu, satu modul khas boleh diwujudkan mengikut tahap kebolehan individu bagi memudahkan urusan pengajaran dan pembelajaran al-Quran dan al-hadith di seluruh

masjid di Malaysia. Usaha ini sekaligus dapat mengurangkan masalah buta al-Quran dalam kalangan masyarakat Islam.

Menurut Ahmad Fakhurrazi (2010) keseimbangan silibus bagi aktiviti pendidikan di masjid juga perlu diberi perhatian dan dilihat kembali. Pihak pengurusan masjid perlu memastikan subjek dan silibus pendidikan di masjid merangkumi ketiga-tiga elemen agama iaitu Iman, Islam dan Ihsan. Di samping itu, halatuju pendidikan di masjid juga perlu diperkemaskan. Beliau juga turut mencadangkan supaya pendidikan di masjid dijalankan seperti pengajian di pondok-pondok atau di institusi-institusi pengajian yang menggunakan kitab-kitab rujukan tertentu mewakili ketiga-tiga elemen agama tersebut. Buku-buku tersebut dibaca dan dibincangkan sehinggalah tamat dan diberikan sijil kepada jemaah.

Seterusnya, usaha mengintegrasikan ilmu juga perlu dilaksanakan bagi memperkasakan lagi peranan masjid itu sendiri. Dalam hal ini, konsep pengajian di masjid harus mempunyai roh kesepaduan ilmu di mana ilmu-ilmu Islam yang diajar di masjid harus sentiasa dikaitkan dengan ilmu dan realiti semasa. Dalam masa yang sama, ilmu-ilmu semasa yang dibincangkan dalam paradigma pemikiran Islam juga dapat didedahkan kepada masyarakat. Oleh itu, tidak semestinya golongan ustaz dan ustazah sahaja yang perlu mengajar di masjid tetapi golongan profesional dan intelektual Muslim juga turut berperanan (Abdul Halim & Mahfuzah, 2010). Hal ini dilihat sangat bersesuaian dengan masyarakat Islam pada abad ke-21 yang terdiri dari pelbagai latar belakang pendidikan dan kehidupan. Oleh itu, pendidikan masjid yang bersifat realistik dilihat penting dalam membangunkan masyarakat Islam di Malaysia.

Penambahbaikan terhadap program-program seperti forum, tazkirah dan ceramah sempena hari-hari kebesaran Islam juga perlu diberi nafas baru agar pelaksanaannya bukan sekadar retorik

semata-mata tetapi bersifat realistik dan bersesuaian dengan masyarakat Islam kini. Justeru, jawatankuasa masjid, kakitangan dan anak kariah perlu mengerah tenaga untuk melaksanakan setiap program dan aktiviti secara berkesan demi membangunkan masyarakat Islam itu sendiri. Usaha ini perlu dilihat sebagai salah satu cara untuk *bertaqarrub* (mendekatkan diri) kepada Allah SWT dalam meraih manfaatnya di akhirat kelak, sebagaimana sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

*“Barangsiapa membangun untuk Allah SWT sebuah masjid meskipun hanya sebesar sarang burung, maka Allah SWT akan membangunkan untuknya rumah di syurga.”*

(Riwayat Bukhari: 439,  
Muslim: 533, Ibnu Majah: 738)

Dalam masa yang sama, program-program yang dilaksanakan juga dapat mengeratkan silaturahim dalam kalangan masyarakat Islam itu sendiri. Hal ini penting dalam usaha mewujudkan sebuah komuniti yang harmoni dan ukhuwwah yang mantap sesama umat Islam.

### **8.3.2 Menyusun Struktur Kerja Masjid dan Imam yang Ideal**

Salah satu ciri kejayaan sesebuah masjid sebagai pusat pentadbiran dan perkembangan masyarakat Islam adalah terletak pada struktur kerja masjid itu sendiri. Jawatankuasa kerja yang dinamik dan berkaliber akan dapat merancang dan mentadbir masjid dengan baik. Hal ini penting kerana daya tadbir institusi masjid yang cekap akan menyerlahkan imej kehebatan Islam itu sendiri (Noor Azlina & Mohd Isa, 2010).

Selain itu, imam masjid juga mempunyai kedudukan, peranan dan fungsi yang sangat penting, bukan sahaja



memakmurkan masjid, tetapi juga dalam membina, mengembang dan memajukan masyarakat Islam yang merupakan jemaah masjid. Berdasarkan kepada beberapa tinjauan yang telah dijalankan ke atas para imam masjid (Ahmad Kamil, 1991; Mokhtar, 2003; Mahazan & Fazrul, 2013), kita dapat fahami bahawa peranan imam terhadap prestasi organisasi masjid dan pembangunan masyarakat adalah amat penting, baik di negara-negara Islam seperti Malaysia mahupun di negara-negara yang komuniti Islam adalah minoriti. Oleh itu, imam masjid perlulah mempunyai kepimpinan, pengetahuan dan wawasan yang luas serta mampu menyelesaikan masalah kemasyarakatan dengan sebaik mungkin (Hailan & Rofishah, 2016). Karakteristik dan ciri-ciri yang ada pada seorang individu adalah sangat penting untuk dipertimbangkan dalam proses pemilihan serta latihan pemimpin. Oleh itu, terdapat lima perkara yang perlu dititik beratkan dalam menentukan karakteristik pemimpin. Pertama, kemampuan kognitif. Kedua, personaliti yang sesuai. Ketiga, bersifat keagamaan. Keempat, bermotivasi untuk memimpin dan yang terakhir mempunyai pengalaman dalam memimpin. Maka dalam proses pemilihan imam, lima karakteristik ini jugalah yang perlu ditekankan kerana karakteristik inilah yang perlu wujud di dalam diri pemimpin organisasi termasuklah institusi masjid (Mahzan & Abdullah, 2010).

Lantaran itu, proses pemilihan dan pelantikan imam perlu menitikberatkan bukan sekadar pada hafalan surah dan bacaan al-Quran yang baik, tetapi hendaklah mempunyai seni menarik masyarakat sama ada golongan muda atau golongan tua. Hal ini kerana, imam yang berkaliber memainkan peranan penting dalam menarik minat dan mendekatkan masyarakat kepada masjid terutamanya dalam kalangan masyarakat Islam kini yang sering didedahkan dengan model-model dan selebriti-selebriti ternama. Dalam masa yang sama, imam adalah model personaliti kepada

seluruh masyarakat Islam yang memainkan peranan penting dalam mencorakkan kehidupan mereka. Setiap kata nasihatnya dan di nilai oleh masyarakat terhadap tindak tanduknya. Menjadi cabaran generasi abad ke-21 hari ini yang dilihat jauh dengan masjid, justeru sudah tiba masanya imam berperanan juga diluar masjid agar mula keluar menarik orang muda di luar untuk mendekati masjid.

### **8.3.3 Masjid Sebagai Pusat Kebajikan dan Kaunseling**

Masjid hendaklah menjadi pusat rujukan dalam masalah-masalah kehidupan masyarakat Islam sehingga mampu menyediakan jawapan yang munasabah dan Islamik bagi setiap pertanyaan. Malahan, turut menjadi pusat kaunseling bagi menyelesaikan pelbagai masalah yang dihadapi oleh masyarakat Islam pada hari ini. Satu anjakan paradigma boleh dilakukan di mana imam, bilal dan jawatankuasa masjid boleh menyediakan khidmat kaunseling kepada masyarakat yang berhadapan dengan pelbagai masalah terutamanya masyarakat Islam kini yang penuh dengan cabaran dalam menjalani kehidupan.

Dalam konteks ini perlu dijelaskan bahawa bimbingan dan kaunseling yang hendak diwujudkan di masjid bukanlah merujuk kepada masyarakat yang bermasalah semata-mata tetapi ia adalah salah satu usaha bagi membantu pembentukan generasi muslim yang gemilang. Lantaran itu, beberapa strategi dicadangkan agar pelaksanaan bimbingan kaunseling di masjid dapat dilaksanakan. Di antaranya ialah persediaan pihak pengurusan masjid, pelantikan jawatankuasa kaunseling atau kaunselor, latihan pembimbing, penyediaan bilik kaunseling dan rakan masjid (Saleh, 2010)

Kewujudan masjid sebagai pusat kaunseling dilihat bertepatan dengan realiti masyarakat yang berhadapan dengan pelbagai tekanan hidup di era kontemporari, abad ke-21 ini.

Pelbagai masalah sosial yang wujud dalam masyarakat seperti keruntuhan akhlak remaja, permasalahan rumah tangga, tekanan jiwa, gejala bunuh diri seperti yang berlaku di Pulau Pinang (Berita Astro Awani, 2016) dan sebagainya perlu diatasi secara bijaksana melalui peranan institusi masing-masing termasuklah institusi masjid yang menjadi nadi utama dalam membangunkan jiwa insan. Bahkan, rawatan sakit dalaman (batin) juga boleh menjadi usaha kepada masjid-masjid yang ada untuk diusahakan seperti rawatan Darus Syifa' dan lain-lain.

#### **8.3.4 Mewujudkan Pusat Teknologi Maklumat (ICT) di Masjid**

Di abad ke-21 kini, penggunaan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran dilihat berupaya meningkatkan kefahaman, penguasaan, motivasi, mewujudkan suasana pembelajaran yang menyeronokkan dan meningkatkan daya kreativiti seseorang. Sehubungan itu, program dan aktiviti pengimarah masjid dilihat perlu kepada penggunaan ICT (Kamsaton, Mohd Izham, & Mohd Kamil, 2010). Hal ini dilihat penting dalam usaha memperkasakan semula peranan masjid dalam membangunkan masyarakat Islam kontemporari di Malaysia. Penggunaan ICT dalam pengajaran di masjid ini sudah pastinya dapat menarik minat masyarakat Islam kini terutamanya golongan remaja untuk menghadiri kelas pengajian yang dilaksanakan.

Sehubungan itu, pembinaan Pusat Teknologi Maklumat (ICT) di masjid dilihat sebagai satu anjakan paradigma dalam medan dakwah terutamanya dalam memperkasakan peranan masjid. Dalam hal ini, institusi masjid perlu maju ke hadapan seiring dengan masyarakat. Golongan *mad'u* diluar telah pun berada pada tahap kemajuan yang tinggi maka malanglah sekiranya institusi masjid yang menjadi nadi kepada pengembangan dan

pembangunan Islam masih berada di tampuk lama. Oleh itu, setiap masjid seharusnya dilengkapi dengan beberapa kemudahan ICT untuk memudahkan pihak pentadbiran masjid dan jemaah mendapatkan maklumat dengan pantas seperti e-fatwa, e-khutbah dan sebagainya. Laman-laman web dan laman sosial seperti *Facebook, Instagram, Telegram, group Whatsapp, Twitter, Tik Tok* dan lain-lain untuk sesebuah masjid boleh diwujudkan dan diaktifkan bagi memudahkan urusan penyebaran maklumat bersesuaian dengan situasi hari ini. Hal ini sekaligus dapat menarik minat golongan generasi Y, Z yang sememangnya tidak dapat dipisahkan dengan laman-laman seperti ini. Justeru, saluran ini boleh digunakan sebagai salah satu medan dakwah di alaf ini.

### **8.3.5 Pusat Kegiatan Wanita, Remaja dan Kanak-Kanak**

Peranan dan fungsi masjid tidaklah terhad kepada golongan lelaki dewasa sahaja malahan turut memberi ruang kepada golongan wanita, remaja dan kanak-kanak. Mereka juga adalah terdiri daripada komuniti masyarakat Islam itu sendiri. Oleh itu program-program yang dilaksanakan di masjid perlu bersifat realistik terhadap semua peringkat golongan. Dalam konteks remaja, program-program seperti sukan, sukaneka, pelajaran seni mempertahankan diri, senaman, futsal, mendaki bukit, kumpang, pingpong, karom dan latihan memanah boleh dilaksanakan (Nazneen, Nurzatil Ismah, & Hasliza, 2014). Aktiviti-aktiviti ini boleh dilaksanakan dan sekaligus dapat menjayakan objektif pembangunan jasmani ummah itu sendiri serta dapat memupuk hubungan yang baik antara masyarakat dengan pihak masjid (Arman, 2009).

Selain itu pihak masjid boleh menjalankan aktiviti-aktiviti remaja dengan kerjasama persatuan, pertubuhan dan kumpulan-kumpulan tertentu secara langsung dengan lebih kerap lagi.

Pengisian berbentuk kerohanian boleh diselitkan dalam aktiviti-aktiviti tersebut supaya remaja dapat menyebarkan dan memanfaatkan dalam kalangan rakan-rakan sebaya mereka sekaligus dapat menyelamatkan mereka daripada terlibat dengan masalah sosial di luar. Penganjuran aktiviti yang kreatif perlu mengambil kira aspek adat dan unsur budaya bagi menarik minat remaja menyertai aktiviti keilmuan misalnya mengadakan kelas Bahasa Arab dengan menganjurkan aktiviti mencipta irama Malaysia dalam bahasa Arab, menganjurkan gotong-royong, memasak, kursus pengurusan jenazah, kursus kepimpinan, seminar remaja dan cinta, kursus keusahawanan Islam dan lain-lain yang bersesuaian (Noor Azlina *et al.*, 2010).

Kajian oleh Ainoor (2010) juga menunjukkan bahawa remaja lebih berkeinginan untuk ke masjid sekiranya terdapat faktor penarik dan ruangan yang memahami rentak dan naluri mereka. Oleh itu, program khusus untuk golongan remaja perlu dipertingkatkan dalam skop bukan hanya untuk remaja yang suka ke masjid tetapi mencakupi remaja yang tidak berminat ke masjid. Daripada itu turut dicadangkan agar diwujudkan KIOSK 3H aduan remaja (*Hear, Help, Happy*). Hal ini dilihat penting kerana golongan remaja, pemuda dan pemudi adalah aset utama negara.

Seterusnya golongan kanak-kanak juga turut perlu diberi perhatian oleh pihak masjid. Pada hakikatnya kanak-kanak juga perlu mendapat tempat untuk turut sama mengimarahkan masjid dan pada masa yang sama tidak pula mengganggu ibu bapa mereka untuk beribadah dan mengikuti kelas pengajian yang dianjurkan di masjid. Oleh itu dicadangkan agar pihak masjid menyediakan tempat khas beserta dengan ruang aktiviti dan pembelajaran bagi kanak-kanak agar tidak mengganggu ibadah dan kelas pengajian kedua ibu bapa. Selain itu kanak-kanak juga boleh dilatih untuk melakukan khidmat masyarakat dengan membuat kerja-kerja

ringan seperti menyusun kasut, melipat sejadah dan seumpamanya (Ahmad Fakhurrrazi, 2010).

Dalam konteks wanita pula, hak dan ruang mereka untuk menuntut ilmu dan membangunkan masyarakat tidak boleh dinafikan. Golongan wanita juga perlu diberi ruang dan peluang untuk mengambil manfaat dari kelas-kelas pengajian dan aktiviti-aktiviti yang dijalankan di masjid. Sehubungan itu dicadangkan agar masjid lebih bersifat mesra wanita di mana satu ruang khas di luar ruang lingkup masjid disediakan agar wanita yang uzur juga boleh terus mengikuti pengajian di masjid. Ruang solat untuk wanita yang berhijab dan kemas juga perlu disediakan di samping kemudahan-kemudahan pakaian solat wakaf agar memudahkan mereka yang bermusafir (Ahmad Fakhurrrazi, 2010). Menjadi fenomena hari ini, ramai ibu dan wanita yang memenuhi ruang aktiviti masjid, namun keberadaan mereka perlu dimanfaatkan sebaiknya, seperti mengadakan kelas mengaji untuk ibu-ibu, kelas menjahit untuk membantu kemahiran bagi ibu yang suri rumah, aktiviti *catering* yang disediakan oleh kaum ibu untuk mereka belajar memasak dan pelbagai lagi.

Sekiranya masjid yang bersifat mesra kanak-kanak, remaja dan wanita ini dapat dilaksanakan maka sudah pastinya usaha mengoptimumkan fungsi masjid dapat direalisasikan. Hal ini kerana setiap lapisan masyarakat memainkan peranan penting dalam mengimarahkan masjid.

### **8.3.6 Masjid Sebagai Nadi Ekonomi dalam Masyarakat Setempat.**

Menurut Mohd Yahya *et al.* (2015), peranan masjid kepada umat Islam amat luas ruang lingkungannya kerana ianya merupakan institusi yang boleh menyatupadukan seluruh umat Islam. Antara langkah yang boleh dilakukan oleh institusi masjid untuk tujuan

pengimarahannya ialah dengan melaksanakan aktiviti pembangunan ekonomi masjid. Oleh itu, institusi masjid boleh menjana ekonominya bagi memastikan kelangsungan aktiviti masjid dapat diteruskan dan seterusnya memacu pembangunan ekonomi ummah melalui penglibatan dalam kegiatan-kegiatan ekonomi yang produktif (Ahmad Fauzi & Yusuf Marlon, 2016).

Sekiranya masjid terletak dalam kawasan yang luas, ia boleh dikelilingi dengan aktiviti ekonomi dan sosial. Sehubungan itu, masjid boleh menyediakan ruang kedai wakaf atau bazar diluar masjid untuk menjual aneka keperluan masyarakat Islam. Selain itu, budaya menerima sumbangan derma mestilah disertakan sama dengan usaha kepelbagaian ekonomi yang berteraskan keusahawanan dan perniagaan. Adalah wajar jika masjid boleh digarap sebagai medan penjana ekonomi ummah (Arman, 2009). Walau bagaimanapun, etika Islam dalam berurusanniaga dan berada dalam kawasan masjid haruslah dipatuhi agar kesucian masjid itu juga tidak terjejas.

Selain itu masjid juga boleh menyediakan ruang atau tempat khas untuk pungutan zakat, wakaf dan sedekah. Selain daripada memudahkan masyarakat Islam melaksanakan tanggungjawab untuk mengeluarkan zakat, kesedaran untuk bersedekah dan berwakaf juga dapat disuntik. Hal ini penting kerana kekayaan yang dikurniakan oleh Allah SWT itu adalah kelebihan yang perlu dikongsi bersama dengan masyarakat Islam yang lain. Suntikan kesedaran ini dilihat sesuai dimulakan di masjid dengan fungsi dan peranan masjid itu sendiri sebagai pusat ibadah dan pembangunan masyarakat. Daripada itu ekonomi umat Islam dapat dimajukan dan diperkukuhkan lagi. Di samping membuat kutipan zakat, wakaf dan sedekah, masjid juga seharusnya menjadi tempat agihan dana-dana tersebut kepada

pihak yang memerlukan. Dengan ini, masyarakat sekeliling akan merasa lebih terjamin dan dekat dengan masjid.

### **8.3.7 Pusat Penginapan Pelancong Islam**

Masjid-masjid di Malaysia perlu diberi nafas baru seiring dengan perkembangan masyarakat Islam abad ke-21. Dalam konteks pelancongan, masjid dilihat sebagai salah satu destinasi penting kepada golongan musafir. Masjid merupakan bangunan yang mudah dijumpai di banyak lokasi di seluruh negara. Jika masjid mampu menawarkan kemudahan penginapan masalah ketiadaan tempat menginap kemungkinan tidak timbul. Sehubungan itu institusi masjid boleh memperkasakan peranannya dengan mewujudkan rumah tumpangan (*homestay*) dan dalam masa yang sama turut berfungsi sebagai agensi pelancongan (*travel & tours*) bagi menjana ekonomi masjid di samping membantu para musafir dan sekaligus menyebarkan dakwah kepada para pelancong (Ahmad Fauzi & Muhammad Yusuf, 2016).

Idea rumah musafir yang diwujudkan di Masjid Ar-Rahman Taman Putri Kulai Johor<sup>3</sup>, Masjid Jamek Bandar Baru Uda di Johor Bahru, Masjid Sultanah Bahiyah, Masjid Osmaniah di Perlis dan pelbagai tempat lagi boleh dijadikan contoh untuk menjadikan masjid sebagai salah satu pusat penginapan para pelancong Islam sekaligus memudahkan para musafir untuk beribadah. Kewujudan rumah penginapan yang dinamakan sebagai rumah musafir misalnya di Masjid Ar-Rahman Taman Putri Kulai Johor menjadi tarikan orang ramai terutamanya daripada luar kawasan untuk menginap. Rumah musafir yang dicetuskan asalnya merupakan rumah yang disediakan untuk anak-anak tahfiz, setelah tidak dihuni dijadikan rumah pengawai masjid dan selebihnya sebagai *Homestay*. Ahli jawatankuasa masjid telah memutuskan melalui mesyuarat untuk memanfaatkan bangunan terbabit dengan



menyewakan rumah dan bilik-bilik tersebut kepada yang memerlukan. Rumah yang dilengkapi dengan penyaman udara itu mempunyai tiga buah rumah kesemuanya. Manakala di bahagian bawah mempunyai ruang tamu lengkap dengan kerusi set, meja makan dan televisyen. Manakala terdapat satu bilik berasingan bersebelahan dengan rumah terbabit. Penghuni boleh memilih untuk menyewa keseluruhan rumah ataupun bilik-bilik tertentu (Noor Fiteri, 2013; Ajmain Safar, 2018). Bahkan, Masjid Ar-Rahman juga menjadikan rumah tersebut kepada musafir yang tidak berkemampuan untuk mereka bermalam, bagi memudahkan urusan mereka yang musafir.

Rumah musafir Masjid Ar-Rahman terletak di Taman Putri Kulai, Johor. Rumah tersebut mula dibuka dengan rasminya digunakan pada Awal 2014 untuk kegunaan pendidikan Tahfiz. Pembinaan rumah ini dibina dengan penuh keringat bersama jawatan kuasa masjid, ahli kariah masjid dan sumbangan penduduk Taman Putri Kulai dan sekitarnya. Kemudahan rumah musafir yang disediakan dalam kawasan masjid menjadi pilihan kepada golongan musafir dan pelancong yang memerlukan tempat menginap. Kemudahan rumah penginapan yang ringkas dilengkapi dengan kemudahan pendingin hawa di setiap rumah yang disediakan bagi keselesaan tetamu.

---

<sup>3</sup> Surau Ar-Rahman dibina pada Tahun 2001 dan dirasmikan oleh Dato Noh Gadot, Mufti Negeri Johor pada Ogos 2002. Pada 21 November 2003 telah diberikan kebenaran mendirikan solat Jumaat. Perluasan ruang hasil sumbangan orang ramai secara bertahap ke atas ruang sedia ada. Permohonan untuk membina masjid di tapak sedia ada telah dibuat pada Tahun 2006. Pada Tahun 2008 pihak Jabatan Perdana Menteri telah meluluskan peruntukan sebanyak RM 2 Juta untuk pembinaan Masjid. Pengisytiharan Solat Jumaat Pertama Masjid Ar-Rahman Taman Putri Kulai pada 25 Jun 2010 bersamaan 12 Rejab 1431.

Kesungguhan menyediakan kemudahan penginapan kepada musafir ini cukup membanggakan walaupun dengan pendapatan yang tidak seberapa. Pihak jawatankuasa masjid menyediakan kemudahan ini apabila mendapati kesukaran untuk mendapatkan penginapan di sekitar Taman Putri ketika itu serta ingin menjadikan ruang berdakwah dengan tempat *homestay* tersebut yang berada didalam kawasan masjid dan berdekatan dengan rumah pegawai Masjid. Kebajikan di masjid juga menjadi asas kepada penyediaan kemudahan penginapan kepada para tetamu, ahli musafir dan pelancong (Noor Fiteri, 2013). Keterlibatan institusi masjid sebagai pusat penginapan kepada para musafir atau pelancong Islam dilihat sangat baik kerana ia bukan sekadar melindungi para musafir bahkan sekaligus dapat mengajak mereka mendekati diri dengan aktiviti-aktiviti masjid.

Kini, Masjid Ar-Rahman di Taman putri kulai, mendapat kerjasama, bersama Pertubuhan Kebajikan Anak-anak Yatim Islam Daerah Kulai, untuk menjadikan, 3 buah rumah Homestay sebagai penempatan untuk anak-anak yatim ini mudah untuk urusan penjagaan, kebajikan, persekolahan dan pendidikan mereka (Ajmain Safar, 2018). Moga ia menjadi pencetus kepada masjid-masjid lain, agar menjadi pusat tarikan dan kebajikan kepada masyarakat untuk lebih dekati dan mesra dengan masjid.

### **8.3.8 Masjid Mesra Orang Kelainan Upaya (OKU)**

Menurut kajian Yayasan Dakwah Islam Malaysia (2015) pembangunan konsep dan model masjid mesra Orang Kelainan Upaya (OKU) di Malaysia masih berada dalam tahap kurang memberangsangkan. Golongan ini dilihat masih terpinggir dan mengalami kesukaran akses terutama dalam penggunaan kemudahan awam di masjid. Antara permasalahan yang diutarakan ialah kemudahan untuk menggunakan kerusi roda dalam ruang

solat, penyediaan jurubahasa ketika khutbah Jumaat, laluan kerusi roda bermula masuk masjid sehingga ada laluan juga untuk ke tandas serta penunjuk arah yang lengkap di sekitar masjid.

Dari segi perangkaannya, dianggarkan bahawa satu peratus penduduk setiap negara adalah terdiri dari OKU. Hal ini bermakna, di Malaysia, terdapat seramai 260,000 OKU dalam pelbagai kategori yang memerlukan perhatian masyarakat. Kerajaan Malaysia, melalui Dasar Kebajikan Masyarakat Negara menawarkan perkhidmatan rawatan, pemulihan, pendidikan dan latihan kepada golongan ini dengan hasrat untuk menggabungkan mereka dalam masyarakat (IKIM, 2015).

Sehubungan itu kebajikan berkaitan pembangunan kerohanian golongan orang kelainan upaya juga dilihat perlu untuk diberi perhatian. Masjid mesra OKU bagi memudahkan mereka untuk beribadah perlu dibangunkan. Usaha-usaha ke arah memberi kefahaman Islam kepada mereka juga perlu digiatkan. Kumpulan - kumpulan daie yang terlatih khusus untuk membimbing golongan ini mengenai fardhu ain dan kesyumulan ajaran Islam perlu diperkasakan di masjid-masjid. Dalam Surah Abasa', ayat 1 - 11, diceritakan bagaimana Allah SWT telah menegur Rasulullah s.a.w yang telah tidak melayan seorang yang kurang upaya penglihatan yang datang kepada Baginda SAW untuk bertanyakan hal-hal agama. Hal ini menunjukkan bahawa Islam menuntut kita melayan sesama manusia tanpa pilih kasih. Begitu jugalah dengan golongan OKU. Mereka wajib dibantu dan dipermudahkan hidupnya.

#### **8.4 KESIMPULAN**

Pembinaan sebuah masjid adalah asas penting dalam membangunkan masyarakat Islam khususnya di era kontemporari yang kian mencabar. Hubungan antara masyarakat Islam dan masjid tidak dapat dipisahkan kerana masjid adalah tunggak dan nadi pusat

kegiatan umat Islam. Begitu juga dengan institusi masjid yang memerlukan masyarakat Islam untuk mengimarahkannya. Justeru cadangan-cadangan ke arah pemerksaan masjid dilihat penting agar masyarakat dapat menjadikan masjid sebagai *one stop centre* sekaligus dapat mengembangkan ajaran Islam dan membangunkan masyarakat kontemporari di Malaysia. Justeru, peranan masjid perlu diperkasakan seiring dengan modenisasi yang berlaku agar institusi masjid dilihat benar-benar berfungsi dalam membangunkan insan dan masyarakat yang sejahtera

## RUJUKAN

- Abd Allah Basmih. 1977. Kedudukan Masjid Dalam Islam. Kuala Lumpur: Pusat Penyelidikan Islam.
- Abdul Halim, T., & Mahfuzah, M. Z. 2010. Peranan institusi masjid untuk merealisasikan konsep kesepaduan ilmu dalam pendidikan. Seminar Kebangsaan Pengajaran dan Pembelajaran Berasaskan Masjid, 103-104.
- Abdul Razak, A, M., Mohd Khairil, A. A. L., & Ezry Fahmy E. Y. 2010. Isu dan cabaran institusi masjid dalam pembentukan sahsiah remaja di era globalisasi dan cadangan penyelesaiannya.
- Ahmad Fakhrurrazi, M. Z. 2010. Singgulan awal terhadap isu-isu masjid sebagai *one stop community centre*. Seminar Kebangsaan Pengajaran dan Pembelajaran Berasaskan Masjid.
- Ahmad Fauzi, M. S., & Muhammad Yusuf, M. A. 2016. Strategi pembangunan ekonomi masjid As-Salam sebagai wasilah dakwah kontemporari. Seminar Antarbangsa Akidah, Dakwah dan Syariah.
- Ainoor, M. A., 2010. Masjid mesra remaja: Menurut perspektif remaja masa kini. Seminar Kebangsaan Pengajian dan Pembelajaran Berteraskan Masjid.
- Ajmain Safar. 2018. Temubual di Masjid Ar-Rahman Taman Putri Kulai, pada 1 November 2018.
- Al-Jaziri, A.R. 2004. Kitab Al-Fiqh Ala Al-Madhahib Al-Arba'ah. Beirut: Dar Al-Kutub AlIlmiyyah.

- Al-Maqrizi, Taqiy al-Din Ahmad bin Ali. 1965. *Kitab al-mawaiz wa al-itibar al-khitat al-Maqriziyah*. Beirut: Dar Sadir. jil. 1-4.
- Arman, Z. 2009. Mengimarahkan masjid sebagai nadi masyarakat. Diakses daripada: <http://aki2004.wordpress.com/2009/11/20/mengimarahkan-masjid-ebagai-nadi-masyarakat/>.
- Berita Astroawani. 2016. Lelaki dipercayai terjun dari jambatan kedua Pulau Pinang. Diakses daripada: <http://www.astroawani.com/>
- Hailan, S. & Rofishah, R. 2016. Tahap amalan kepemimpinan pengurus masjid di Terengganu. *Journal Social Sciences and Humanities*, 9(1)
- Hamka. 1985. *Tafsir al-Azhar Juzu' 18*. Jakarta: Pustaka Panjimas.
- Hasan Abd al-Wahab. 1946. *Tarikh al-Masajid al-Athariyyah*. AlQaherah: Matbaah Dar al-Kutub al-Misriyyah.
- Ibn Hisyam. 1971. *Al-Sirah al-Nabawiyah*. Beirut: Dar al-Ihya' al-Thurath al-Arabi. Ibn Imad, 1931. *Shadharat al-dhahab fi akhbâr man dhahab*. Qâherah: Maktabah al-Qudsi.
- Kamsaton, S., Mohd Izham, M. H., & Mohd Kamil, A. K. 2010. Kepentingan amalan penggunaan ICT dalam kalangan pentadbir masjid: Hubungkaitnya dengan pengajaran dan pembelajaran. *Seminar Kebangsaan Pengajaran dan Pembelajaran Berteraskan Masjidd*, 311-312.
- Khalim, Z., & Aminuddin, B. A. 2008. Pengurusan tingkahlaku remaja ke arah pemeraksanaan pembangunan modal insan: Berdasarkan teori barat dan pendekatan Islam. *Prosiding Wacana*.
- Mahazan Abdul Mutalib & Wan Mohd. Fazrul Azdi Wan Razali. 2013. Model Pengimarahkan Dan Prestasi Masjid Di Malaysia: Satu Pengenalan Awal Kajian. Kertas ini dibentangkan di Seminar Kebangsaan Pengajian Akidah dan Agama, Universiti Sains Islam Malaysia, 23 Ogos 2013.
- Mahazan, A. M., & Abdullah, A. G. 2010. Meningkatkan kualiti imam sebagai pemimpin masyarakat: Perbincangan berdasarkan teori kepimpinan dan pengurusan organisasi. *Seminar Kebangsaan Pengajaran & Pembelajaran Berasaskan Masjid*.
- Mahazan, A.M. & Abdullah, A.G. 2013. Leadership Traits, Leadership Behavior, and Job Autonomy of Imams: A Moderated Mediation

- Analysis, *International Journal of Business and Society*, 14 (1), p. 17-40.
- Mohd Norzi, N., Mohd Khafidz, S., Rosni, W., Muhammad Fairuz A. A., & Nor Asyikin, H. A. 2016. *Kitab-kitab hadis dalam pengajian di masjid-masjid Selangor: Kajian tinjauan*. 1st INHAD International Muzakarah & Mu'tamar on Hadith.
- Mohd Roslan, M. N. & Wan Mohd, T. W. O. 2011. Sejarah dan perkembangan pendidikan Islam di Malaysia. *Jurnal at-Ta'dib*, 6(1).
- Mohd Suhardi Mat Jusoh, Abdul Kamil Jamaludin, Mohd. Nordin Samah. 2022. Elements Concerning The Effectiveness of The Immarah Program in Mosques in The Contemporary Era: A Need Analysis Study. *International Journal of Humanities Technology and Civilization (IJHTC)*, 7(1),76–82. DOI: <https://doi.org/10.15282/ijhtc.v7i1.7498>
- Mohd Yahya, M. H., Fidlizan, M., Mohamad, H., Azila, A. R., & Nurul Fadly, H. 2015. Aplikasi teknologi sistem perakaunan untuk penjaanaan ekonomi masjid. *Journal of Society and Space* 11(2). Diakses daripada: <http://www.reseachgate.net/publication/274568847>.
- Muhammad Ibrahim. 1967. *Al-Jannati, al-Masajid wa Ahkamuha fi al-Tasyri al-Islami*. Al-Najaf, Iraq: Mathbacadh al-Qada.
- Nazneen, I., Nurzatil Ismah, A., & Hasliza, T. 2014. Peranan dan sumbangan masjid As-Salam dalam pembangunan. *Proceeding of the International Conference on Masjid, Zakat and Waqf*.
- Nik Daud, R. H., Mohd Helmi, A. R., & Rosmawati, M. R. 2014. Masjid Salehin sebagai wasilah dakwah kepada pelatih-pelatih pasukan polis di Pusat Latihan Polis Kuala Lumpur. *Jurnal of Business and Social Development*, 4(1), 65-77.
- Noor Azlina, J. & Mohd Isa, H. 2010. Masjid dan remaja. *Seminar Kebangsaan Pengajaran & Pembelajaran Berasaskan Masjid*.
- Noor Fiteri, A. 2013. Masjid mengendalikan penginapan: Pilihan alternatif kepada industri pelancongan.
- Noresah, B. 2007. *Kamus Dewan*. Edisi Keempat. Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).
- Roslan, M. 2004. Memperkasa masjid sebagai institusi pembangunan insan. *Seminar Kebangsaan Pengurusan Masjid*.

- Roslan, M. 2008. Masjid sebagai medan pembangunan insan. Jurnal YADIM.
- Saleh, A. 2010. Masjid dan kaunselor dalam pembentukan generasi muslim. Seminar Kebangsaan Pengajaran dan Pembelajaran Berteraskan Masjid, 115.
- Siti Fatimah, A. R. 2015. Orang Kurang Upaya (OKU): Minoriti yang wajib diberi perhatian. Diakses: <http://www.ikim.gov.my>
- Syauqi, D. 2004. *al-Mu'jam al-Wasit*. Al-Qahirah: Maktabah al-Syarq wa al-Dauliyyah.
- Taqi al-Din Ahmad bin Ali al-Maqrizi. 1965. *Kitab al-Mawaiz wa al-Itibar*. Beirut: Dar al-Sadir
- Yayasan Dakwah Islam Malaysia (YADIM). 2015. Membangun model masjid mesra OKU. Diakses daripada : [http:// www.yadim.com.my](http://www.yadim.com.my).